

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 25

Rabu

17 Jun 2009

K A N D U N G A N

| | |
|--|---------------|
| JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN | (Halaman 2) |
| RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2008 | (Halaman 26) |
| USUL-USUL: Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah P.M. 16(3) | (Halaman 103) |
| UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN: ■ Jambatan Kedua Pulau Pinang - <i>Tuan Liew Chin Tong (Bukit Bendera)</i> | (Halaman 104) |
| ■ Pembinaan Medan Letak Kereta Bertingkat di Pusat Bandar Raya - <i>Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)</i> | (Halaman 107) |

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 17 Jun 2009

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan yang sewajarnya yang boleh diambil bagi mencegah kelakuan tidak senonoh pekerja-pekerja asing di sesuatu penempatan hingga mengganggu ketenteraman awam dan penduduk tempatan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Datuk Wira Abu Seman Yusop]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sri Gading yang mengemukakan pertanyaan. Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, adalah tidak dinafikan bahawa masyarakat Malaysia sudah merasa kurang senang serta resah dengan tingkah laku segelintir warga asing yang berkelakuan keterlaluan serta tidak senonoh. Mereka terdiri daripada pekerja-pekerja asing dan juga pelajar-pelajar asing. Kelakuan mereka yang keterlaluan ini mengancam keselamatan negara dan ketenteraman awam. Bagi menangani isu ini, tindakan sewajarnya yang boleh diambil adalah melalui satu pendekatan yang holistik dengan melibatkan agensi-agensinya kerajaan, badan-badan bukan kerajaan dan juga masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini tidak banyak aktiviti yang tidak senonoh dilaporkan kepada pihak berkuasa seperti PDRM dan juga Jabatan Imigresen Malaysia. Oleh itu Kementerian Dalam Negeri memandang serius dalam masalah ini bagi memastikan ketenteraman awam dan penduduk tempatan tidak diganggu dan memohon agar masyarakat dapat melaporkan kepada pihak berkuasa sekiranya terdapat kes-kes sedemikian. Kementerian ini juga mengharapkan masyarakat dapat mengubah *mind set* dengan izin mereka supaya lebih peka dan prihatin terhadap masalah ini.

Seharusnya pendekatan masyarakat hendaklah bukan sahaja melihat kehadiran mereka tetapi turut merasakan kehadiran mereka. Dalam menangani masalah ini, PDRM dan juga Jabatan Imigresen Malaysia telah mengambil beberapa tindakan seperti berikut:-

- (i) mengenal pasti kawasan-kawasan yang bermasalah dan meningkatkan aktiviti penguatkuasaan oleh agensi-agensi yang berkaitan;

- (ii) mendirikan *police beat base* atau *mobile police unit* di tempat-tempat bermasalah ini;
- (iii) membatalkan permit kerja bagi pekerja-pekerja asing dan visa-visa bagi pelajar asing; dan
- (iv) mendakwa mereka di mahkamah jika didapati perilaku tidak senonoh mereka itu bertentangan dengan mana-mana undang-undang Malaysia.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya macam terperanjat. *[Ketawa]* Terperanjat dengan jawapan ini. Ini adalah kerana tidak banyak aduan kepada polis. Kalau di Balakong, orang sudah tidak panggil Balakong lagi. Dia panggil 'Benggalakong'. *[Ketawa]* Kalau hari minggu di Pasar Seni, dia bukan lagi Pasar Seni untuk rakyat Malaysia. Kalau di Kuala Lumpur dan di bandar-bandar besar, di Chow Kit, di Johor Bahru, di Batu Pahat atau di mana-mana, dia sudah tidak memperlihatkan lagi negara ini menjadi tempat yang selamat bagi rakyat Malaysia. Tiga juta rakyat asing datang bekerja. Kita faham hendak menyelesaikan masalah pekerja tetapi rupanya berlaku masalah keselamatan, masalah sosial, masalah kesihatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Soalan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Mukadimah Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, soalan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Mukadimah ini untuk memahamkan supaya jawapan itu dapat diberikan dengan tepat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini masalah ketakutan rakyat Malaysia. Pekerja asing ini kadang-kadang dia punya kurang ajar, sifat kurang ajarnya tanpa mengira anak dara atau isteri orang, dikacau. Kita rakyat Malaysia hendak... dia ramai. Kenapa tidak dibuat undang-undang semacam satu negara lain yang lebih kecil, rakyat luar tidak berani mengangkat muka dia? Di Malaysia ini, kita pula takut dengan pendatang asing, soal keselamatan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Ketawa]* Hairan ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak ada undang-undang yang betul-betul boleh mengawal mereka supaya berkelakuan baik. Tidak ada kuasa. Yang bagus, kuasa macam *Speaker*. Hari itu apabila ada orang biadab dalam Dewan ini, *Speaker* kata "Get out! Keluar!" Dia keluar. Kenapa kita tidak hendak ada undang-undang semacam itu?

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Kita tidak usung *Speaker*.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Undang-undang macam itulah bagus. Jadi, kita ada kuasa...

■1010

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Kita tidak usung Speaker.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ada kuasa boleh mengeluarkan.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Kita tidak seret Speaker.

Tuan Mohd. Firdaus Ja'afar [Jerai]: Soalan, soalan, Sri Gading. Panjang sangat itu!
[Dewan riuh]

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Kita keluar dengan hormatnya, Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: *[Menyampuk]*

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...Speaker punya kuasa, keluar, keluar.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Kami tidak bawa samseng seret Speaker.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kita macam itulah warganegara.

Tuan Mohd. Firdaus Ja'afar [Jerai]: Soalan, soalan, Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Keluarkan siapa sahaja rakyat asing yang tidak mengikut undang-undang atau yang menjejaskan keamanan negara. Kita mesti melakukan atau mengadakan undang-undang melindungi rakyat kita lebih dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudah, sudah Yang Berhormat.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Soalannya mana? Soalan dulu. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Soalannya, Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bukan saya hendak ceramahlah. Ini apa yang sedang berlaku dalam negara ini. *You* tahulah, temberang punya parti pembangkang.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Tidak perlu jawab soalan macam ini.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Malu dekat Tun saja.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Saya ingin menjelaskan bahawa dari segi soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Sri Gading, ia ingin mengetahui berkaitan dengan tindakan ke atas pendatang asing yang berkelakuan tidak senonoh. Berkaitan dengan kelakuan tidak senonoh, Tuan Yang di-Pertua, ia lebih bersifat kepada kesalahan-kesalahan di bawah *minor offences* seperti mana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Sri Gading tadi umpamanya seperti kacau isteri orang, mabuk, berkelakuan bisung dan sebagainya.

Dalam konteks ini perilaku seperti itu memang tidak ada laporan yang banyak daripada masyarakat kita. Walau bagaimanapun kesalahan-kesalahan yang lebih berat daripada itu

umpamanya seperti cabul kehormatan, pemerasan/ugut jenayah, merusuh dan mendatangkan cedera, kes-kes ini banyak dilakukan oleh pendatang-pendatang asing. Malahan kes-kes inilah yang telah diambil oleh pihak polis dan operasi-operasi juga telah dilakukan berhubung kes-kes seperti ini yang dilakukan oleh pendatang-pendatang asing ini.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Oleh kerana pekerja asing difahamkan membanjiri seluruh negara kita khususnya di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, pekerja asing ini akan melibatkan jenayah dan juga ketidaktentuan masalah-masalah sosial di negara kita. Saya difahamkan bahawa Kementerian Dalam Negeri ataupun polis mengeluarkan kebenaran permit pekerja bukan di Kementerian Sumber Manusia. Ini mengakibatkan ramai pekerja asing membanjiri seluruh negara ini. Saya difahamkan adalah seramai tiga juta.

Saya hendak bertanya apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan khususnya KDN memberhentikan pengeluaran permit pekerja asing ini oleh kerana dalam situasi kemerosotan ekonomi di negara kita dan kita hendaklah menggunakan pekerja-pekerja tempatan. Bilakah tindakan ini akan diambil oleh Kementerian Dalam Negeri untuk memastikan bahawa pekerja asing tidak membanjiri pasaran buruh negara ini. Terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan pekerja asing bahawa negara kita yang sedang membangun yang mana rancak dengan pembangunan ekonominya bahawa kita masih lagi memerlukan pekerja asing dalam bidang-bidang yang tertentu oleh kerana bidang-bidang ini didapati ada di antara pekerja-pekerja tempatan tidak mahu menceburinya. Oleh kerana itulah Kementerian Dalam Negeri yang bertanggungjawab melalui Jabatan Imigresen mengeluarkan permit-permit pekerja kepada pekerja-pekerja asing ini.

2. Tuan Charles Santiago [Klang] minta Menteri Pertahanan menyatakan tujuan menubuhkan satu batalion Tentera Wataniah di kesemua 222 kawasan Parlimen dan adakah Tentera Wataniah akan diberi tugas semasa pilihan raya dan adakah mereka diperlukan mengundi melalui undi pos.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab pertanyaan Yang Berhormat Klang bersekali dengan ahli-ahli Yang Berhormat yang lain kerana soalan yang dinyatakan lebih kurang berkaitan dengan isu yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang lain itu siapa, Yang Berhormat?

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Yang Berhormat Sabak Bernam pada 22 Jun, Yang Berhormat Serian 22 Jun, Yang Berhormat Bakri 23 Jun dan juga Yang Berhormat Tanah Merah 29 Jun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik. Silakan, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, ingin dimaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa Askar Wataniah telah memainkan peranan penting dalam pertahanan negara sebelum dan selepas merdeka. Pasukan sukarela telah diwujudkan sejak tahun '1861' lagi. Pasukan ini terus berkembang dan beberapa pasukan baru telah ditubuhkan seperti *Malay Federated Volunteer Force*, dengan izin, *Arm Federated Malay State Volunteer Force*, dan juga *Straits Settlement Volunteer Force*.

Apabila tercetusnya Perang Dunia Kedua, semua pasukan sukarela ini telah sama-sama berganding bahu dengan angkatan tetap menentang tentera Jepun. Tercetusnya darurat tahun 1948, satu pasukan sukarela iaitu Pasukan Kawalan Kampung ataupun *Home Guard* telah ditubuhkan. Pasukan ini telah memainkan peranan yang sangat penting semasa darurat dan turut melawan komunis yang diketuai oleh Chin Peng. Pada tahun 1958, *The Territorial Army Ordinance 1958* digubal dan pasukan sukarela ini telah diinstitusikan sebagai Askar Wataniah.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan kompeni Askar Wataniah di setiap kawasan Parlimen bukan perkara baru. Penubuhannya telah diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sewaktu beliau menjadi Menteri Pertahanan pada tahun 2000. Sehingga November 2007 sebanyak 87 kompeni telah ditubuhkan di kawasan-kawasan Parlimen dan tujuan utama pasukan Askar Wataniah adalah seperti berikut:

- (i) membantu ganti atau angkatan tentera tetap darat di masa darurat dan perang;
- (ii) membantu Tentera Darat dalam operasi keselamatan dalam negeri; dan
- (iii) membantu pihak berkuasa awam semasa bencana alam.

Atas penubuhannya bergantung kepada jumlah penyertaan anggota tempatan, penyertaan minima adalah seramai 100 orang dan penubuhan ini juga tidak melibatkan wujudnya unit-unit baru mahupun pembinaan kem-kem baru. Organisasi serta kem-kem akan menggunakan rejimen Askar Wataniah yang sedia ada. Setakat ini kerajaan belum bercadang untuk menambah bilangan rejimen. Bilangan yang sedia ada sebanyak 16 rejimen mencukupi. Ini kerana untuk mencapai sasaran nisbah 1:1 berbanding anggota tetap di samping turut sama memperkukuhkan lagi pertahanan menyeluruh ataupun konsep "Hanru".

Perlu dijelaskan di sini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa rancangan penubuhan Askar Wataniah ini tidak ada niat atau kaitan dengan agenda politik. Saya ulang, "tidak ada niat atau sebarang kaitan dengan agenda politik" dan ia bukan juga ditubuhkan untuk mengendali pilihan raya umum. Oleh kerana Askar Wataniah ini adalah orang biasa maka mereka tidak berhak mengundi secara pos kecuali angkatan tentera tetap ATM sahaja. Terima kasih.

Tuan Charles Santiago [Klang]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang telah diberikan dan juga terima kasih untuk penjelasan sejarah yang diberikan tadi. Soalan saya adalah seperti berikut.

■1020

Adakah pihak kerajaan telah membuat satu *Cost-Benefit Analysis* sebelum memutuskan untuk menubuhkan Tentera Wataniah untuk semua kawasan Parlimen di Malaysia ini. Soalan ini adalah kerana Malaysia sekarang menghadapi gejala jenayah, masalah jenayah yang besar sekali dan keselamatan individu mesti dilindungi tetapi kita dapati bahawa kerajaan hendak menubuhkan wataniah lebih daripada anggota polis.

Pada pandangan saya, sumber manusia termasuk kewangan mesti disalurkan untuk memerangi jenayah. Itu saya fikir adalah isu yang terbesar dan terpenting yang kita hadapi pada masa kini. Pada pandangan saya, *priority* kerajaan ialah untuk rekrut lebih anggota polis dan bukan menubuhkan satu batalion Tentera Wataniah di seluruh atau di semua kawasan Parlimen. Lebih-lebih lagi mendirikan Tentera Wataniah pada masa kini bila negara menghadapi krisis ekonomi, nampaknya satu keputusan yang tidak wajar dan juga *shortsighted*.

Akan tetapi seperti yang dikatakan oleh pihak Menteri tadi bahawa mungkin pihak kerajaan hendak meninggikan lagi undi pos ataupun undi hantu supaya dapat memenangi atau mencuri pilihan raya akan datang. Pada pandangan saya, Yang Berhormat Menteri, soalan yang saya hendak bangkitkan ataupun lontarkan di sini ialah adakah *Cost-Benefit Analysis* dibuat sebelum menubuhkan atau merancang menubuhkan Tentera Wataniah di seluruh kawasan Parlimen di Malaysia. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Itulah Yang Berhormat Klang, saya jawab lama, saya terangkan secara sejarah, dia tidak faham. *[Disampuk]* Dia tidak hendak dengarkah, tidak faham atau...

Tuan Charles Santiago [Klang]: *[Bangun]*

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Eh duduklah, ini *floor* saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak apa, jawab, jawab Yang Berhormat. *[Disampuk]* Pertama sekali...

Tuan Charles Santiago [Klang]: Menteri tidak sopan ini.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Pertama sekali, Tuan Yang di-Pertua... Saya sopan, tidak macam hari pertama itu hari. Pertama sekali, dalam pertahanan negara tidak ada *cost analysis*. Di Amerika, saya bagi contoh, Tuan Yang di-Pertua, bilangan sukarelawan, askar wataniah dia, *ratio* atau nisbah dia 3:1 – satu tetap, tiga orang sukarelawan. Kita hendak tetapkan sehingga 2020, 1:2 – maknanya satu askar tetap, dua askar wataniah kerana sistem peperangan sekarang adalah berbeza dengan sistem peperangan dahulu. *It's not game of numbers*, dengan izin. Sebab itu kita perlu menyediakan satu pasukan yang siap sedia. Justeru

itu, perbelanjaan sekarang ini untuk askar wataniah tidak banyak sebab mereka sukarela. Kita bayar elaun mereka bila mereka datang.

Selama ini bilangan mereka yang angkatan tentera darat tetap ada dekat 60 ribu, angkatan askar sukarelawan wataniah ada lebih kurang dekat 45 ribu. Belanja untuk mengurus askar wataniah hanya RM50 juta sementara belanja untuk mengurus angkatan tentera, gajinya tiga, empat atau lima kali ganda daripada askar wataniah. Mereka ini mempunyai keterampilan dan skil yang sama. Cuma mereka adalah *civilian*. Itulah dia konsep pertahanan menyeluruh.

Jadi kalau Yang Berhormat tidak faham, kata kerajaan hendak jadikan mereka askar tetap untuk jadi pengundi waktu pilihan raya, mulai tahun 2000, kalau 100 orang sahaja duduk dalam satu Parlimen, tidak akan mengganggu gugat kedudukan Ahli-ahli Parlimen. Jadi apa pasal perlu rasa bimbang? Terima kasih.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah perancangan yang akan dilaksanakan oleh pihak kementerian ini bagi memastikan anggota-anggota yang telah menyertai perkhidmatan askar wataniah ini akan terus kekal dan aktif dalam pasukan ini? Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, ini soalan yang bijak, [Ketawa] daripada ahli kerajaan. [Disampuk] Barulah kita pandang ke hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, kita melihat dalam jangka masa ke hadapan, seperti saya katakan tadi nisbahnya 1:2, maka kita hendak tambah lebih kurang 50 ribu orang lagi. Sebab itu kita perlu, pertama kita rombak kurikulum cara berlatih. Sekarang 240 jam untuk satu tahun dan lantikan selama lima tahun. Kita dedahkan mereka kepada semua taktikal peperangan, ilmu peperangan supaya mereka sama keterampilan dan skil serta stamina mereka dengan askar biasa. Itu satu. Kita hendak ubah juga cara dilatih dan melatih. Maksudnya ia melibatkan jurulatih dan juga kurikulum yang kita hendak ajar kepada askar wataniah.

Kedua, kita perlukan lebih ramai *intellectual graduates*, khususnya dalam pelbagai bidang IT kerana perang sekarang lebih banyak menggunakan taktikal yang sebegini rupa, maka kita perlukan orang-orang yang sebegini rupa. Justeru itu kita hendak tambah dan Yang Berhormat Menteri sudah arahkan supaya elaun-elaun yang dipersetujui itu dilihat kembali supaya ia dilihat menarik. Terima kasih.

3. Dato' Haji Abd Rahman Dahlan [Kota Belud] minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan bilakah kementerian akan membina Hospital Perubatan Universiti Malaysia Sabah bagi memberi latihan amali kepada pelajar-pelajar Fakulti Perubatan UMS, memandangkan penduduk di negeri Sabah yang semakin meningkat.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II [Dato' Saifuddin bin Abdullah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini kerajaan telah memutuskan bahawa hospital kerajaan akan dijadikan hospital perubatan ataupun hospital pengajar dengan dilakukan pengubahsuaian tanpa perlu membina hospital perubatan ataupun

hospital pengajar yang baru bagi institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang menawarkan kursus-kursus perubatan. Ini termasuklah Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Keputusan tersebut turut juga meliputi pembelian premis ataupun hospital swasta untuk dijadikan hospital perubatan atau hospital pengajar. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, pembinaan hospital perubatan dan pengajar yang khusus untuk sesebuah IPTA ini boleh dipertimbangkan pada masa hadapan apabila kedudukan kewangan kerajaan mengizinkan. Terima kasih.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jawapan yang diberikan itu munasabah dalam keadaan sekarang ini tetapi kalau kita melihat dari segi konteks Sabah dan Kota Kinabalu ini di mana Universiti Malaysia Sabah ini terletak. Kita mempunyai masalah kerana hospital-hospital yang berada di bandar raya Kota Kinabalu itu sudah terlalu sibuk dan tidak boleh menampung keperluan rakyat. Kita pun sudah tahu dan kita dengar banyak kontroversi yang melibatkan Hospital Queen Elizabeth, contohnya.

■1030

Saya difahamkan Universiti Malaysia Sabah Yang Berhormat Menteri ada tanah di kawasan universiti itu sendiri. Jadi untuk mengurangkan kos itu pun kita boleh gunakan tanah itu. Jadi kalau boleh pertimbangkanlah, terima kasih.

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Ya, sebagaimana Yang Berhormat Kota Belud sendiri maklum bahawa buat masa ini UMS selain daripada menggunakan Hospital Queen Elizabeth di Kota Kinabalu dan UMS juga menggunakan perkhidmatan Hospital Likas, Hospital Sandakan, Hospital Papar termasuk Hospital Kudat. Insya-Allah mulai bulan depan.

Tentang cadangan supaya dibina hospital di kawasan yang di luar daripada bandar, ini melibatkan kementerian yang lain. Kita sentiasa berkomunikasi dan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan. Insya-Allah kita ambil perhatian atas pandangan Yang Berhormat, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kuala Krai.

Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya agak terperanjat dengan *blanket policy* bahawa universiti-universiti yang mengadakan pendidikan perubatan ini tidak perlu membina hospital mereka sendiri kerana sudah ada hospital Kementerian Kesihatan yang boleh menampung dan kita dengar tadi pengalaman di Sabah Tuan Yang di-Pertua, pelajar di hantar ke Duchess of Kent, Papar, merata-rata pelajar kita dihantar dari segi pengalaman. Bunyinya cantik tetapi dari segi pengurusan pendidikan saya rasa ini tidak baik kerana tidak akan berlaku mereka ini dilatih kadang-kadang boleh pakar-pakar yang bukan berada di bawah sistem pendidikan IPTA itu sendiri.

Jadi saya mencadangkan dan saya berasa Kementerian Pendidikan Tinggi perlu memikirkan semula strategi ini kerana saya rasa apabila kita ada hospital yang khusus untuk universiti tersebut, hospital tersebut boleh menjadi pusat-pusat kecemerlangan yang tertentu yang boleh dipastikan dan ditentukan oleh kementerian sendiri. Ertinya UM lain, UKM lain dan UMS ini mungkin ada sesuatu yang *special* di Sabah menjadi *niche centre* kepada program tertentu. Jadi apa cadangan kementerian dalam hal ini, terima kasih.

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Ya, terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai seorang doktor perubatan. Sebenarnya begini. Bagi tiga buah fakulti perubatan yang sudah *establish* dengan izin yakni Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia tempat Yang Berhormat Kuala Krai pernah belajar dahulu dan juga di USM, mereka mempunyai hospital pengajian mereka sendiri dan yang lain-lain ini kebelakangan ini atas kekangan kewangan, kita terpaksa membuat dasar yang sedemikian rupa.

Seperti yang saya katakan tadi, ini adalah buat masa ini. Sekiranya keadaan mengizinkan tentulah yang lebih ideal kalau kita ada hospital pengajar yang betul-betul berada di universiti tersebut.

Sekarang ini Universiti Islam Antarabangsa sedang memulakan satu modul yang baru. Kita menggunakan PFI dengan izin *private financing initiative* (PFI) dan sekiranya ini merupakan satu lagi modul yang baik maka kita akan timbangkan untuk membina hospital pengajar dalam bentuk modul yang baru, maknanya bukan semuanya datang daripada kerajaan tetapi melibatkan juga *financing* dengan izin daripada pihak swasta, terima kasih.

4. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta Menteri Kesihatan menyatakan:-

- (a) apakah prosedur serta langkah-langkah yang diambil Pusat Krisis dan Pengawalan Wabak Malaysia (CPRC) dalam mengekang penyebaran wabak Influenza A (H1N1) memandangkan penumpang-penumpang MH091 dan AK5358 tidak diwajibkan melaporkan diri untuk dikuarantinkan; dan
- (b) apakah skop kuasa CPRC dan adakah ianya bertindih dengan kuasa pihak kementerian.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Rosnah bte Haji Abdul Rashid Shirlin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Untuk menjawab Bahagian A, soalan Yang Berhormat Lembah Pantai, Kementerian Kesihatan melalui Pusat Kesiapsiagaan dan respons ataupun Crisis Preparedness and Responds Centre dengan izin atau CPRC telah melaksanakan beberapa langkah untuk mengekang penularan jangkitan tempatan influenza A (H1N1) akibat penumpang kapal terbang yang tidak melaporkan diri.

Akta 32, Akta Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit 1988 di mana di bawah seksyen 18 subseksyen 1 "*seseorang pegawai diberi kuasa untuk memerintahkan supaya mana-mana contact menjalani pemerhatian ataupun di mana-mana tempat dan bagi apa-apa tempoh*

yang difikirkan patut atau menjalani kuarantin ataupun pengawasan sehingga dia boleh dilepaskan tanpa membahayakan orang ramai”.

Di bawah akta yang sama pada seksyen 18 subseksyen 2 bagi maksud-maksud subseksyen 1 “seorang pegawai diberi kuasa boleh menggunakan kekerasan yang perlu untuk memastikan perintahnya dipatuhi”. Di bawah seksyen 6 subseksyen 1 “jika semasa pemeriksaan perubatan seseorang pegawai diberi kausa mendapati atau mempunyai sebab untuk percaya bahawa mana-mana orang yang telah dijangkiti atau adalah seorang *contact*, dia boleh memerintahkan orang itu;

- (i) dipindahkan ke suatu stesen kuarantin d ditahan di sana bagi pengasingan atau pemerhatian
- (ii) diletakkan di bawah pengawasan sehingga penyakit itu tidak dijangkiti orang lain.”

Di bawah Peraturan Kesihatan Antarabangsa 2005 ataupun *International Health Regulation 2005* dengan izin adalah menjadi tanggungjawab negara ahli termasuk Malaysia untuk melaporkan secepat mungkin segala kejadian yang memberi kesan terhadap kesihatan awam.

Para penumpang penerbangan yang melakukan perjalanan yang sama dengan kes positif influenza A H1N1 akan dimaklumkan kepada *IHR Focal Point* di negara terbabit untuk mengesan para penumpang ini. Dengan itu semua *contact* akan dapat dikesan dengan lebih sempurna.

Sehubungan dengan ini Kementerian Kesihatan telah mengambil langkah tertentu untuk mengesan penumpang-penumpang yang mempunyai *contact* kepada kes positif influenza A H1N1 dan di antara langkah-langkah yang diambil adalah;

- (i) mendapatkan senarai penumpang dan krew kapal terbang yang terbabit terus daripada syarikat penerbangan terbabit; dan
- (ii) mendapatkan senarai penumpang dan krew berdasarkan borang deklarasi kesihatan ataupun *health declaration form* dari Pejabat Kesihatan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur atau KLIA.

Berdasarkan senarai penumpang yang mengandungi nombor telefon dan alamat tempat tinggal penginapan yang diperolehi daripada kedua-dua sumber tersebut pihak pejabat kesihatan daerah akan menghubungi dan mencari penumpang-penumpang tersebut dan perintah-perintah kuarantin di rumah akan diberikan kepada mereka. Proses ini akan memastikan lebih ramai *contact* dapat dikenal pasti dan seterusnya penularan ataupun jangkitan tempatan influenza A H1N1 dapat dikekang.

Untuk menjawab bahagian B, Pusat Kesiapsiagaan dan respons ataupun *Crisis Preparedness and Respond Centre* (CPRC) ditubuhkan dan diletakkan di bawah bahagian

kawalan penyakit yang sememangnya di bawah Kementerian Kesihatan yang bertujuan antara lainnya untuk;

- (i) menyelaraskan semua aktiviti kesihatan awam, berkaitan dengan kesiapsiagaan, tindakan cepat dan pemulihan sebelum, semasa dan selepas berlakunya krisis ataupun bencana;
- (ii) mewujudkan koordinasi dan kolaborasi, mengekalkan jaringan komunikasi dengan organisasi serta institusi lain sama ada di peringkat kebangsaan dan antarabangsa semasa krisis dan juga bencana berlaku;
- (iii) merancang dan memastikan kewujudan sumber sama ada tenaga manusia, latihan anggota, peralatan, peruntukan, simpanan ubat-ubatan serta vaksin serta lain-lain keperluan yang penting;
- (iv) mewujudkan dan mengekalkan pusat maklumat ataupun *information centre* dan *database* berkaitan dengan krisis dan bencana yang berhubung kait dengan kesihatan awam;
- (v) menyediakan dan juga menyebarkan maklumat berkaitan dengan pengurusan krisis kepada pihak atasan KKM dan lain-lain *state holder* untuk tindakan cepat;
- (vi) mewujudkan polisi, garis panduan serta SOP berkaitan dengan Kesiapsiagaan tindakan cepat dan tindakan yang perlu diambil oleh pelbagai pihak semasa krisis dan juga bencana;
- (vii) mewujudkan program latihan secara berterusan bagi meningkatkan kemahiran ataupun *skill* dan pengetahuan anggota dalam menghadapi krisis serta bencana;
- (viii) menjalankan *risk assessment* dan analisa situasi anggota dalam menghadapi krisis serta bencana;
- (ix) menjalankan *risk assessment* dan analisa situasi ke atas krisis dan juga bencana yang berlaku bagi merancang aktiviti pencegahan, kawalan dan rawatan serta pemulihan selanjutnya; dan
- (x) menjalankan latihan stimulus dan *drill* bagi menghadapi dan menangani krisis serta bencana.

Oleh itu Yang Berhormat, tiada sebarang pertindihan skop kuasa pusat ini dengan Kementerian Kesihatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya Yang Berhormat Lembah Pantai, ada soalan lagi? Itu *dissertation* daripada *crisis management* sudah keluar.

■1040

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Boleh tanya? Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan. Saya hargai semua tindakan, langkah-langkah yang diambil dan penjelasan tersebut.

Saya terus pada isu penyaluran maklumat. Saya agak resah kerana pagi semalam semasa saya pergi ke laman web kementerian diumumkan bahawa Malaysia sudah bebas daripada wabak Influenza A H1N1. Mengajak ramai pelancong datang tanpa rasa ragu-ragu.

Akan tetapi hanya beberapa jam selepas itu, kita dikejutkan dengan lima kes baru yang berjumlah 18 semuanya di Malaysia setakat ini. Bukan saya mahu gembar gemburkan untuk mewujudkan rasa takut, tetapi amat penting saya kira kalau kita rakyat terbanyak diberikan maklumat tepat supaya langkah berjaga-jaga dapat diambil.

Soalan susulan saya, memandangkan hampir kesemua kes wabak Influenza ini merupakan kes import, kenapakah begitu cepat kita isytiharkan Malaysia bebas daripada wabak ini, justeru mengajak pengunjung luar datang beramai-ramai, mereka yang merupakan berpotensi menghadapi penyakit ini? Adakah kementerian merancang langkah lebih serius untuk mengembalikan kredibiliti dalam penyaluran maklumat kepada masyarakat umum? Terima kasih.

Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Ahli Yang Berhormat Lembah Pantai. Sebenarnya, kementerian sentiasa mengambil langkah-langkah positif dan cepat di dalam menangani kes Influenza H1N1 ini. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, sebenarnya setiap hari kita menyediakan siaran akhbar khususnya daripada Ketua Pengarah Kesihatan memaklumkan setiap tindakan yang sedang dan akan diambil oleh kementerian berikutan dengan situasi semasa dan memberi juga khidmat nasihat kepada *public* ataupun umum mengenai keadaan atau pun langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengatasi H1N1.

Sebenarnya Ahli Yang Berhormat, memandangkan wabak penyakit di Malaysia setakat ini yang melibatkan H1N1 belum melaporkan kes tempatan, pihak WHO tidak menyarankan sebarang tindakan dari segi perjalanan, ekonomi ataupun penutupan sempadan. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat juga, pihak Kementerian Kesihatan akan melaksanakan tindakan *social distancing* untuk membanteras penularan penyakit sekiranya terdapat penularan penyakit secara tempatan dalam *scale* yang besar. Namun ini belum berlaku dan diharapkan sebenarnya selepas ini juga pihak kementerian akan melaksanakan beberapa langkah yang memastikan bahawa penularan penyakit H1N1 ini tidak berlaku secara tempatan.

Jadi, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat juga, di negara kita, kita mempunyai sebanyak 28 hospital yang mempunyai kemudahan sebanyak 168 buah katil, mempunyai *facilities* untuk merawat kes Influenza ini. Jadi, secara dasarnya, di pihak kementerian ataupun kerajaan sendiri kita sebenarnya mempunyai langkah-langkah yang cukup positif dan insya-Allah

kita tidak mencapai tahap di mana kita memerlukan, mengamalkan *social distancing*. Terima kasih Yang Berhormat.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, sudah habis Yang Berhormat. Sebelah sini. Saya hendak bagi *women and fair* lah pagi ini. Yang Berhormat Batang Sadong.

Puan Hajah Nancy binti Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, sebagai tambahan di sini ialah mengenai prosedur untuk mengisi borang deklarasi kesihatan. Apabila kita pergi ke lapangan terbang, ada kalanya kita diminta untuk mengisi borang deklarasi kesihatan sebelum kita berangkat.

Akan tetapi, ada juga kalanya kita mengisi borang deklarasi kesihatan setelah kita tiba di *airport* dan tidak ada konsistensi dalam prosedur untuk membenarkan untuk mengisi borang ini. Apabila kita tiba di *airport*, diminta untuk mengisi borang, nampaknya kelam kabut sedikit sebab kita tidak bersedia mengisi borang pada masa itu. Tidak dapatkah kementerian menyelaraskan supaya sebelum kita berangkat, kalau boleh masuk dalam kapal terbang, kita diberikan borang untuk mengisikannya. Apabila kita tiba, kita menyerahkan borang tersebut. Sekian, terima kasih.

Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Selalunya, pihak kementerian akan meminta penumpang-penumpang kapal terbang di pusat-pusat utama atau bandar-bandar utama seperti Kuching, Kota Kinabalu, Kuala Lumpur untuk mengisi borang deklarasi. Apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat apabila Yang Berhormat diminta untuk mengisi borang selepas turun daripada kapal terbang itu hanyalah di atas *points* di daerah-daerah yang kecil.

Namun, insya-Allah kita akan ambil maklum cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dan kita akan bincangkan secara terperinci. Insya-Allah, kita akan mengambil langkah supaya ianya lebih memudahkan penumpang-penumpang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sepatutnya Yang Berhormat, borang-borang ini diberi dengan syarikat kapal terbang Yang Berhormat. Dalam kapal terbang itu boleh diisi dan diserahkan apabila sampai. Ini kerana saya ada berpengalaman. Saya disuruh isi borang, isteri saya tidak isi borang Yang Berhormat. Selepas itu, dia tanya dengan saya kenapa saya yang isi, isteri saya tidak isi? Datang daripada tempat yang sama. Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Datuk Bung Moktar bin Radin.

5. Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta Menteri Penerangan, Komunikasi, Kesenian dan Kebudayaan menyatakan tentang cadangan pewujudan serta penggubalan Akta Perlindungan Data Peribadi di negara ini.

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi, Kesenian dan Kebudayaan II [Puan Heng Seai Kie]: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Rang Undang-undang Perlindungan Data Peribadi (RUUPDP) telah pun dimuktamadkan oleh Jabatan Peguam Negara dan disasarkan pembentangannya untuk bacaan kali pertama pada Oktober 2009 yang akan datang ini.

Ruang lingkup RUUPDP bukan sahaja terhad kepada perundangan siber tetapi turut merangkumi sektor-sektor seperti pelancongan, kewangan, insurans, telekomunikasi dan lain-lain sektor yang melibatkan transaksi komersial di mana tujuan utama Rang Undang-undang PDP ini adalah untuk melindungi data peribadi pengguna yang diproses oleh sektor-sektor tersebut berkaitan dengan aktiviti komersial sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, secara amnya Rang Undang-undang PDP ini adalah digubal untuk tujuan:

- (i) untuk mengawal selia pemrosesan data peribadi seseorang individu oleh pengguna data supaya memberi perlindungan kepada individu tersebut; dan
- (ii) untuk menjaga kepentingan hak peribadi individu bagi mencegah sebarang penyalahgunaan data peribadi seseorang itu.

Rang Undang-undang PDP ini lebih merupakan undang-undang pematuhan dengan tumpuan besar kepada mewujudkan jentera penguatkuasaan. Sekian, terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ini berteraskan 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'. Selama ini, rakyat menderita, dimanipulasikan, ditindas oleh mereka yang beroperasi seperti CTOS yang telah mengakibatkan dakwaan di mahkamah dan sebagainya. Ini berleluasa seperti cendawan tumbuh.

Mereka beroperasi tanpa ada undang-undang, tidak boleh didakwa, tidak boleh berbuat apa-apa sebab kita tidak ada akta. Susah sangatkah mewujudkan akta ini sehingga mengambil masa berpuluh-puluh tahun?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak boleh dikawal langsung.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau ini berlaku, kalau pihak Peguam Negara tidak lagi boleh memikirkan yang terbaik, rujuk kepada Ahli Parlimen Muar. Dia bijak, dia selaku peguam, dia bijak untuk mengendali persoalan-persoalan ini. Saya akan menunggu sehingga Julai. Kalau tidak ada juga akta ini dibuat dalam Dewan, bermakna ada pembohongan! Jadi, jangan bohong saya, saya tunggu ya. Ini kerana, rakyat ditindas. Mereka untung berbilion-bilion. Satu tahun bermaharajalela. Menjual data peribadi orang lain, tanpa persetujuan mereka.

■1050

Pihak bank pula Bank Negara tidak ada kawalan. Bank Negara pun menggunakan perkhidmatan haram ini. Saya pun hairan apa sudah jadi dengan negara kita. Jadi saya minta kepastian supaya perkara ini dapat diwujudkan Akta Data Negara kita. Terima kasih.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan atas soalan tambahan yang telah dikemukakan. Sebenarnya tiada sebarang penipuan yang berlaku di sini. Keadaan yang sebenarnya ialah isu CTOS adalah berkaitan dengan rang undang-undang agensi rujukan kredit yang juga akan dibentangkan tidak lama lagi dan ia adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan.

Walau bagaimanapun, bagi melindungi data peribadi individu kementerian saya telah menggubalkan rang undang-undang PDP demi kepentingan masyarakat umum yang berkaitan dengan transaksi komersial.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri cuba nafikan, Yang Berhormat Timbalan Menteri berulang kali menyebut bahawa tidak ada salah maklumat berkenaan isu rang undang-undang data peribadi ini, saya hendak sebut bahawa pada sesi Parlimen 2007, saya belum jadi wakil rakyat tapi saya baca *Hansard*. Menteri waktu itu antara lain menyebut draf undang-undang perlindungan data peribadi yang bertujuan melindungi dan mengawal selia maklumat peribadi akan dibentangkan di Parlimen pada 2008. Mac 2004 menteri pada waktu itu menyebut bahawa kerajaan sedang menggubal tiga akta berkaitan perundangan siber. Satu daripadanya akta perlindungan peribadi. 1998, Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi menyebut draf rang undang-undang perlindungan data peribadi sedang dirangka. 1998, 2004, 2007 menteri kata akan bentang. Sekarang ini Timbalan Menteri datang dan menyebut bahawa hujung tahun ini pula akan bentang. Baik, soalan saya ialah...

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Saya simpati Yang Berhormat Timbalan Menteri baru pegang jawatan. Saya cuma perlu singkap sedikit sejarah. Yang pertama soalan saya elemen penting dalam membina satu rang undang-undang yang melibatkan kepentingan awam ini ialah *public consultation*, perundingan awam dengan izin. Soalan saya ialah sudah pun dimeteraikan di peringkat Jabatan Peguam Negara. Sebelum sampai tahap itu berapa banyak proses perundingan awam telah dilakukan oleh pihak kementerian? Berapa kali soalnya? Ada atau tidak? Kalau ada membabitkan berapa pihak dalam proses perbincangan ini? Terima kasih.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan yang telah dikemukakan. Bagi menjawab soalan itu sebenarnya kita mengambil sedikit masa untuk menjalankan satu proses konsultasi awam dan proses ini ada dijalankan ke atas pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan iaitu NGO, ia juga dijalankan dengan semua sektor industri, sektor awam dan juga sektor swasta.

Ini adalah penting untuk mendapatkan maklum balas yang lebih menyeluruh kerana kementerian ini sedar bahawa rang undang-undang ini akan membawa kesan yang besar atas sistem yang sedia ada. Sekian, terima kasih.

6. **Tuan Haji Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai]** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan apakah langkah-langkah untuk meningkatkan keluasan tanaman kenaf.

Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Dato' Hamzah bin Zainudin]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas pertanyaan dan Ahli Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kenaf adalah merupakan satu tanaman baru yang sedang diusahakan oleh kerajaan untuk membantu petani dalam menambahkan pendapatan mereka terutama bagi penanam-penanam tembakau dan termasuk bekas penanam tembakau di Kelantan dan Terengganu. Kenaf juga berpotensi untuk dikomersialkan bagi menghasilkan produk-produk yang boleh digunakan di dalam industri binaan, automotif, biokomposit, tekstil, kertas, dan makanan ternakan.

Oleh itu, kerajaan percaya tanaman kenaf boleh dimajukan sebagai sumber pertumbuhan baru negara. Maka antara langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan keluasan tanaman serta produktiviti kenaf adalah seperti berikut:-

- (i) bekerjasama dengan agensi-agensi berkaitan seperti MARDI dan UPM serta syarikat-syarikat kenaf untuk mewujudkan plot-plot contoh dan ladang-ladang model bagi tujuan promosi dan pendedahan kaedah penanam baik bagi memupuk keyakinan terhadap penanam kenaf;
- (ii) bekerjasama dengan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) dan syarikat pemprosesan kenaf untuk memajukan kawasan tanah bris terbiar di sepanjang pantai Kelantan dan Terengganu dengan sasaran 10,000 hektar sehingga tahun 2020. Pada tahun 2009 kerajaan Terengganu telah menyediakan tanah belum diteroka seluas 1,500 hektar di kawasan Saujana Setiu dan akan dimajukan secara berperingkat untuk menjadikan Terengganu sebagai hub pengeluaran kenaf;
- (iii) bekerjasama dengan empat syarikat kenaf untuk membangunkan pusat pengumpulan, pemprosesan dan pemasaran, collection processing and marketing centre (CPMC). CPMC ini akan menghasilkan produk-produk berasaskan kenaf seperti biokomposit, *fiber* kenaf, *powder* kenaf, *insulator* dan *light particle board*; dan
- (iv) bekerjasama dengan agensi seperti Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Lembaga Getah Malaysia (LGM) untuk ladang sawit serta getah yang boleh diintegrasikan dengan tanaman kenaf untuk beberapa pusingan sementara menunggu tanaman sawit dan getah tersebut matang.

Terima kasih.

Tuan Haji Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi jawapan tersebut. Memang kita mengetahui bahawa hasrat kerajaan untuk mengalihkan tumpuan para petani, penanam-penanam tembakau kepada kenaf. Pada sesi lalu di Dewan yang mulia ini kita telah pun meluluskan Rang undang-undang Tembakau dan Kenaf. Oleh yang demikian saya ingin mengetahui sejauh manakah sambutan para petani, penanam tembakau yang menyahut saranan tersebut dan sejauh mana pula persediaan prasarana seperti pusat-pusat pengumpulan telah disediakan sebagaimana dalam perusahaan tembakau. Sekian, terima kasih.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Yang Berhormat. Atas soalan yang pertama, benar bahawa kita telah pun meluluskan akta tersebut. Sebab itu sehingga sekarang keluasan yang telah pun kita tanam adalah hampir kepada 500 hektar keseluruhannya dan jumlah hasil batang kering yang kita keluarkan adalah 5,000 tan keseluruhannya sehingga tahun 2009.

Manakala bagi kawasan-kawasan lain seperti di Kedah dan Perlis setakat ini hanya 150 hektar sahaja yang baru ditanam. Jumlah keseluruhan petani yang telah pun menanam kenaf adalah seramai hampir 250 orang seluruh negara.

Isu industri kenaf ini adalah merupakan satu isu yang baru oleh kerana penanamannya adalah merupakan penanaman yang baru maka dia banyak isu. Isunya adalah dari jenis kualiti kenaf yang hendak kita tanam maka sebab itulah kita tidak boleh mengarahkan sesiapa untuk membuka pusat-pusat pengumpulan dan pembelian yang besar kerana kita hendak mencari satu jenis pokok yang boleh mengeluarkan produktiviti yang mencukupi bagi industri kenaf keseluruhannya.

Maka sebab itu kita terpaksa menanggungkan sedikit tentang apa yang hendak kita meneruskan dari segi penanaman kenaf keseluruhan dalam negara kita. Terima kasih.

7. Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) berapakah tangkapan dan rampasan dadah yang berjaya dilakukan pada tahun 2008 dan berapa ramai yang dihukum gantung sampai mati; dan
- (b) apakah strategi pencegahan yang berkesan bagi mengatasi penyalahgunaan dadah.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Datuk Wira Abu Seman Yusop]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari jempol yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini berdasarkan rekod PDRM secara keseluruhannya pada tahun 2008 seramai 30,414 orang telah ditangkap kerana kesalahan memiliki dan mengedar dadah di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Akta Racun 1952.

■1100

Dalam tahun yang sama PDRM telah berjaya merampas pelbagai jenis dadah bernilai lebih daripada RM260 juta.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini pengedaran dadah sintetik seperti *ecstasy*, *eramin*, syabu dan lain-lain meningkat secara mendadak. Sejak tahun 2004 didapati pengedar-pengedar dadah jenis ini menyalahgunakan premis sebagai makmal mega haram bagi memproses dadah sintetik di dalam negara. PDRM melalui Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik dalam menangani pengeluaran dadah jenis ini telah meningkatkan operasi penguatkuasaan.

Semenjak tahun 2004 sebanyak lima makmal mega haram memproses dadah syabu telah dibongkar. Tindakan mempergiatkan penguatkuasaan membongkar makmal mega haram ini nyata berkesan sehingga menyebabkan kegiatan sindiket pengedaran dadah tersebut telah bertukar dengan menjadikan Malaysia sebagai transit *point* untuk mengeksport dadah ke luar negara. Kejayaan terbesar PDRM bagi tahun 2009 pula ialah rampasan sebanyak 960 kilogram syabu yang bernilai RM254 juta.

Selain dari itu untuk mengatasi masalah penyalahgunaan dadah, kerajaan melalui PDRM dan juga AADK sentiasa mengambil tindakan secara berterusan seperti berikut:-

- (i) meningkatkan jaringan hubungan kerjasama antarabangsa dengan agensi penguatkuasaan luar negara;
- (ii) memperkasakan kawalan pintu masuk negara dengan menempatkan pegawai PDRM di lapangan terbang utama negara;
- (iii) mewujudkan sekretariat nukleus bagi menjalankan risikan dan operasi di sempadan Malaysia - Thailand;
- (iv) mengawal ketat pengairan negara bagi menghalang penyeludupan dadah melalui laut;
- (v) meningkatkan operasi di pusat-pusat hiburan dan kawasan yang dikenal pasti sebagai sarang penagih dadah;
- (vi) menjalankan pelbagai program pendidikan pencegahan dan publisiti; dan
- (vii) menjalankan program rawatan dan pemulihan kepada penagih-penagih dadah ini.

Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Tuan Yang di-Pertua, 260 juta ini yang dapat ditangkap, yang tidak dapat ditangkap lebih daripada itu. Maknanya sempadan kita bolos, dadah ini terlampau banyak masuk ke dalam negara kita sehinggakan lapangan terbang pun orang boleh bawa dadah. Jadi maknanya kementerian kena perkukuhkan lagi untuk strategik bagi menghalang dadah masuk. Sama ada sempadan air, sempadan darat, ataupun udara.

Tuan Yang di-Pertua, penagih tegar ini adalah merupakan agen kepada pengedar dadah. Kementerian mesti memikirkan satu strategi penting supaya semua penagih tegar ini diletakkan di satu tempat, dibuatkan perancangan yang khusus supaya mereka ini tidak bercampur balik dengan masyarakat. Inilah orang yang menjadi agen meragut sehingga membunuh orang. Inilah juga orang yang sanggup menggunakan dadah ini merempit pada waktu malam, begitu berani sekali menjejaskan keselamatan orang lain. Kalau kita lihat keluarga-keluarga yang terlibat juga amat menderita. Kalau dilepaskan pun, penagih tegar ini menjadi beban kepada keluarga isteri dan anak-anak mereka.

Jadi strategi tepat mesti dibuat supaya penagih tegar yang menjadi agen mengedar dadah ini supaya diambil tindakan oleh kementerian, apa tindakan kementerian?

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sehubungan dengan tindakan untuk penagih tegar ini. Kementerian memang memberi penumpuan di mana penagih tegar ini diberi proses pemulihan dan daripada proses pemulihan kalau mengikut daripada data yang ada, ada melihat penurunan daripada segi penagih dadah yang dipulihkan. Kalau dilihat daripada angka 2004 kepada 2005, kalau 2004 dahulu penagih tegar sebanyak 18,862, pada 2005 penagih tegar adalah sebanyak 17,419 dan begitu juga berterusannya 2006 menurun kepada 12,430, 2007 menurun kepada 7,810 dan 2008 - 6,413.

Pihak kementerian memang peka tentang penagih tegar ini dan penguatkuasaan terhadap penagih tegar yang masih bebas, tetap terus melaksanakan di dalam operasi-operasi pihak polis dan AADK.

Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Menteri. Berkaitan dengan isu yang sama, soalan tambahan saya hasil daripada pertemuan Agensi Antidadah Kebangsaan khususnya di Kedah. Apa yang saya dimaklumkan program mereka hanyalah dua. Yang pertama, pameran. Pameran demi pameran telah pun diadakan yang kedua melalui saluran Radio 3 Kedah.

Apabila kita tanya dia, dia merupakan musuh nombor satu negara, apakah kementerian berpuas hati dengan masuk radio, setiap hari Khamis jam 9.00 pagi besok, dan dengan pameran-pameran yang diadakan di stadium sebagainya. Jadi apabila saya tanya soalan tambahan, jawapannya adalah kurang staf, kakitangan. Ini seolah-olah tidak serius untuk menghadapi musuh negara ini.

Jadi mohon kepada kementerian supaya aktifkan AADK dan maklumkan kepada semua Ahli Yang Berhormat, berapa ramai di kawasan mereka yang terlibat dengan dadah dan pandangan-pandangan semasa minta diberi kepada kementerian dan minta kementerian segera. Kalau katakan 'Tak Nak Kepada Rokok', 'Tak Nak Kepada Dadah' perlu diteruskan dan mengaktifkan program-program masyarakat walaupun di negeri Pakatan Rakyat. Minta maklum balas Menteri terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya tindakan dalam membanteras dadah ini Tuan Yang di-Pertua bahawa bagi pihak AADK jabatan ini mengambil tindakan bersepadu dari aspek pencegahan dan dari aspek pemulihan. Jadi daripada aspek pencegahan ini adalah merupakan pameran dan penyebaran-penyebaran berkaitan dengan penyalahgunaan dadah kepada masyarakat-masyarakat termasuk pelajar-pelajar sekolah. Begitu juga daripada pemulihan, seperti mana yang telah saya nyatakan tadi, dari segi pemulihan ada nampak penurunan.

Berkaitan dengan penguatkuasaan juga yang mana pada ketika ini diambil tindakan oleh pihak Jabatan Narkotik Polis yang kita lihat bahawa di atas kegiatan operasi-operasi yang telah diadakan, bahawa ada penurunan dalam kegiatan pengedaran dadah ini.

8. Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah] minta Menteri Kewangan menyatakan adakah kementerian membuat kajian terperinci terhadap pihak bank bagi memudahkan urusan pinjaman kepada para usahawan dan peniaga kecil serta apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian bagi mengharamkan agensi peminjam wang yang lebih agresif bertindak sebagai ceti atau ah long.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Dr. Awang Adek Hussin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, pinjaman yang dikeluarkan kepada usahawan dan peniaga kecil khususnya IKS melalui sistem bank pada hari ini berjumlah RM120 bilion. Ini melibatkan 500 ribu akaun dan jumlah ini merupakan 40% daripada jumlah pinjaman untuk perniagaan keseluruhannya iaitu sebanyak RM300 bilion. Kadar kelulusan pinjaman IKS yang terkini adalah 80% iaitu setiap 10 pemohon, lapan yang diluluskan. Sebahagiannya disebabkan oleh skim jaminan IKS yang telah dilaksanakan oleh kerajaan dalam pakej rangsangan yang berjumlah RM20 bilion.

■1110

Untuk memudahkan urusan pinjaman, bank-bank dimestikan untuk mengikuti piagam pelanggan khususnya mengikuti masa kelulusan yang ditetapkan. Pihak Bank Negara juga telah menggalakkan bank-bank supaya menjalankan penyusunan semula pinjaman IKS yang memerlukan masa lebih untuk membayar balik dan jumlah yang terlibat dalam skim penyusunan semula ini adalah sebanyak 3,000 akaun. Bank-bank juga diarah supaya mengurangkan kebergantungan ke atas cagaran terutama sekali dengan terlaksananya skim jaminan pinjaman ini.

Untuk menampung pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem bank, kerajaan juga telah melaksanakan beberapa skim pinjaman IKS yang lain termasuklah Skim Pembiayaan Mikro (*Micro Scheme*) yang sekarang ini berjumlah RM520 juta. Pinjaman melalui Amanah Ikhtiar sebanyak RM460 juta, pinjaman melalui Skim Tekun sebanyak RM770 juta. Bank Negara Malaysia sentiasa memantau prestasi institusi perbankan yang terlibat supaya mereka sentiasa berperanan sebagai pemberi pinjaman yang bertanggungjawab. Pihak institusi perbankan juga

disarankan supaya memastikan kemudahan pinjaman tidak ditarik balik atau permohonan pinjaman ditolak tanpa alasan yang kukuh.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu kedua yang ditimbulkan dalam soalan, pihak kerajaan memandang serius mengenai isu pemberian pinjaman wang berlesen yang bertindak tidak mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan. Dalam hubungan ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Akta Pemberi Pinjaman Wang 1951 telah memantau dan menjalankan penguatkuasaan ke atas pemberi pinjaman yang berlesen. Pemantauan ke atas pemberi pinjaman wang berlesen dibuat menerusi beberapa kaedah.

Pertamanya, mengambil tindakan berdasarkan aduan awam yang diterima. Melalui pemeriksaan ke atas premis pemberi pinjaman yang berlesen dan pemeriksaan rekod transaksi pemberi pinjam wang berlesen. Antara langkah-langkah yang boleh dan telah diambil ke atas pemberi pinjam wang berlesen yang didapati melanggar mana-mana seksyen dalam Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 adalah dengan mengenakan kompaun, mendakwa di mahkamah dan membatalkan lesen. Terima kasih.

Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya kemukakan soalan tambahan saya, saya ingin mengucapkan selamat kembali kepada wira-wira Perak khususnya Yang Berhormat Taiping, Yang Berhormat Beruas, Yang Berhormat Bukit Gantang, Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Pokok Sena dan Yang Berhormat Padang Serai. *[Tepuk] [Dewan riuh]*

Beberapa Ahli: Wira apa?

Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Sabar, sabar, sabar, mereka wira. Isu along dengan bank satu perkara yang cukup sensitif. Kalaulah kita teliti isu-isu mutakhir berkaitan dengan kekejaman pihak along dan saya meneliti ada satu usul yang pernah dikemukakan oleh Yang Berhormat Kubang Kerian pada tahun 2006 di bawah Perkara 18(1) supaya minta isu keganasan along ini dibincangkan di dalam Dewan tetapi ditolak oleh Tuan Yang di-Pertua. Saya berharap cadangan usul ini datang daripada kementerian supaya kita boleh berbahas dalam isu ini.

Rakyat tertanya-tanya mengapakah pihak along begitu mudah untuk memberikan pinjaman sedangkan kerenah birokrasi bank dan itulah di antara isu yang paling penting, kerenah birokrasi pihak peminjam-peminjam rasmi kerajaan yang begitu teliti berbanding dengan along. Akhirnya rakyat bawahan memilih along kerana mudah dan sebagainya.

Jadi soalan saya adalah saya difahamkan bahawa peminjam-peminjam syarikat berlesen ini dikawal oleh pihak berkuasa tempatan ataupun di bawah kerajaan negeri. Mengapakah benda ini, perkara ini tidak di bawah Kementerian Kewangan sedangkan Kementerian Kewangan mempunyai kepakaran. Bolehkah saya mendapat maklumat berkaitan dengan nilai pinjaman yang dikeluarkan oleh institusi yang berlesen di peringkat PBT ini dan juga yang dikeluarkan oleh pihak along daripada maklumat yang ada di pihak kementerian. Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Terima kasih Yang Berhormat. Pertamanya soalan mengenai kerenah bank berbanding dengan along yang tidak ada kerenah. Saya rasa kita tidak boleh membandingkan bank dengan along. Sebenarnya kerenah bank kalau berdasarkan jawapan yang saya beri tadi, kalau kadar pinjaman IKS adalah 80%, ini adalah satu kadar yang agak tinggi, nak bagi 100% itu mungkin susahlah dalam perniagaan mestilah kena kaji, kena lihat yang mana layak dan sebagainya.

Mengenai along ini, apabila Yang Berhormat meminta statistik mengenai along ini iaitu berapa pinjaman yang diberikan oleh along, seolah-olah kita tahu siapa yang beroperasi sebagai along. Along ini namanya diberi tetapi mukanya kita tidak tahu siapa kerana ini adalah merupakan gerakan *underground* yang kita tidak tahu dengan tepat. Akan tetapi kalau hendak yang diberi oleh mereka yang mendapat lesen pinjaman wang, itu ada. Jumlah pinjaman yang diberi oleh mereka yang diberikan lesen. Saya ingin menyatakan mereka yang mendapat lesen memberi pinjaman ini bukan semuanya along, kita jangan salah faham. Ini yang diberi oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, mereka juga mengawal selia, memantau. Jadi bukan semuanya along, kalau mereka semua along senanglah kita tutup semua.

Akan tetapi ada ramai di kalangan mereka yang menjalankan kegiatan baik seperti mana yang ditetapkan oleh undang-undang. Akan tetapi mungkin ada yang tidak mengikuti peraturan, ini yang hendak kita tumpukan perhatian kita. Jadi jumlah pinjaman berdasarkan maklumat yang saya perolehi daripada Kementerian Perumahan iaitu dalam tahun 2006, jumlah peminjam - ini berdasarkan kepada yang diberi lesen, 227,823 peminjam. Jumlahnya ialah RM956 juta, tahun 2006. Tahun 2007, jumlah peminjam meningkat kepada 383,396, jumlah pinjaman yang diberitahu oleh kementerian, angkanya masih lagi tidak *finalize* tetapi dalam lingkungan RM2 bilion jumlah pinjaman yang diberikan melalui pemberi pinjaman wang yang dilesenkan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Antara punca masalah along ini sebab rakyat tidak dapat pinjaman dari sumber yang sah. Seperti mana disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi TEKUN adalah satu saluran yang popular dan efektif. Akan tetapi sekarang ini ada masalah dana dan sampai 14,000 pemohon TEKUN baru, antaranya mana permohonan pun dah diluluskan masih menunggu pinjaman mereka, ada yang tunggu sampai enam bulan.

Menteri berkenaan telah membuat kenyataan bahawa masalah pinjaman TEKUN ini kerana kekurangan pusingan modal akibat daripada pembayaran balik yang tidak cukup. Contohnya kutipan hutang bulanan TEKUN ini setakat hari ini ialah RM15 juta, yang perlu RM25 juta untuk menampung pusingan modal bagi TEKUN. Selain daripada usaha untuk memperbaiki kutipan modal ini, saya mencadangkan kerajaan perlu pertimbangkan penambahan dana kepada TEKUN untuk tahun ini. Dalam keadaan pertumbuhan ekonomi yang lembap, saya percaya kita nak mengharapkan kepada pembayaran balik tinggi ini tidak munasabah. Kalau kita dapat

tambah dana untuk TEKUN pada tahun ini, saya percaya ini dapat merangsang perbelanjaan domestik dan dapat merangsang pertumbuhan ekonomi.

■1120

Jadi soalan saya, boleh atau tidak Kementerian Kewangan bagi jaminan untuk menambah peruntukan bagi TEKUN dalam belanjawan tahun ini untuk menampung kekurangan dana yang sedia ada. Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Terima kasih Yang Berhormat kerana membangkitkan masalah yang dihadapi oleh skim TEKUN ini dan sebahagiannya saya kira adalah kerana barangkali perubahan kementerian yang sekarang ini TEKUN berada di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani walaupun Menteriya sama.

Kementerian Kewangan akan meneliti sekiranya ada permohonan yang dikemukakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani kerana ini adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Sudah tentu satu penelitian rapi perlu dibuat mengapakah masalah dana yang berkurangan sebegitu sehingga tidak mampu lagi menampung pinjaman-pinjaman baru dan apakah kadar NPL yang dialami oleh TEKUN dan sekiranya kadar itu melebihi agak tinggi, mengapakah ianya terlalu tinggi dan apakah kerajaan perlu terus membiayai satu program yang mana NPL nya begitu tinggi?

Berapakah tahap boleh kita terima memandangkan ianya adalah satu skim untuk membantu peminjam-peminjam kecil untuk menjalankan perniagaan. Ini adalah isu-isu yang perlu kita teliti. Saya tidak boleh berdiri di sini untuk memberi jaminan tetapi pasti yang kita boleh buat ialah untuk meneliti, menilai dan mengkaji. Sekiranya ada kewajaran, sudah tentu kerajaan dan Kementerian Kewangan tidak keberatan. Terima kasih.

9. Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam] minta Menteri Kesihatan menyatakan bagaimanakah usaha kerajaan setakat ini untuk memperbanyakkan lagi kemudahan ambulans yang diubahsuai daripada kenderaan pacuan empat roda (4WD) dan bot laju, memandangkan keadaan geografi Sabah dan Sarawak, sekali gus memerlukan pendekatan berlainan berbanding penggunaan ambulans yang biasa digunakan di Semenanjung.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Silam.

Pada tahun 2008, Kementerian Kesihatan telah memperuntukkan sebanyak RM38.5 juta untuk pembelian 100 buah ambulans bagi seluruh negara termasuk lapang buah untuk Sabah dan empat buah untuk Sarawak. Pada tahun ini kementerian telah memberi peruntukan tambahan sebanyak RM25 juta untuk pembelian ambulans untuk seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Peruntukan ini akan digunakan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sabah dan Sarawak untuk membuat pembelian ambulans termasuk kenderaan pacuan empat roda.

Selain daripada itu, kedua-dua negeri ini juga diberikan peruntukan tambahan melalui peruntukan klinik bergerak. Daripada peruntukan ini, Sarawak akan mendapat 14 buah

kenderaan pacuan empat roda manakala Sabah pula lapan buah. Bagi bot ambulans pula, di negeri Sabah terdapat dua buah bot ambulans iaitu satu di Kota Kinabalu di mana pemandu sedang diberikan latihan penggunaannya dan satu di Kudat di mana bot ini beroperasi sepenuhnya yang digunakan untuk menghantar pesakit dari kawasan pedalaman ke klinik yang terdekat.

Bagi negeri Sarawak, terdapat 27 buah ambulans yang digunakan untuk menghantar pesakit dari kawasan pedalaman ke klinik ataupun jalan raya yang terdekat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya Yang Berhormat Silam.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberikan.

Apabila kita melihat dari segi pelaburan yang dibuat oleh pihak kementerian dalam menyediakan kemudahan ambulans terutamanya di negeri Sabah dan Sarawak, dan jumlah itu memang kita nampak besar tetapi oleh sebab faktor geografi yang besar di kedua-dua buah negeri tersebut iaitu Sabah dan Sarawak, saya rasa ianya tidak memadai. Apa lagi kalau kita lihat di Sabah ia hanya ada dua bot, iaitu satu buah di Kota Kinabalu dan satu di Kudat.

Bagaimana pula di kawasan Pantai Timur Sabah terutamanya yang ada sebahagian daripada penduduk kampung itu berada di kawasan pulau dan saya dapati termasuk di kawasan saya sendiri, tidak terdapat kemudahan bot ambulans ini. Bilakah pihak kementerian akan mengambil inisiatif untuk menambah banyak lagi bilangan bot supaya dapat membantu masyarakat luar bandar terutamanya yang menghadapi masalah kesihatan. Di samping itu juga, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah perancangan pihak kementerian untuk menambah bilangan pemandu-pemandu bot bukan hanya di laut tetapi juga di kawasan sungai yang banyak kita peroleh. Kita juga berharap supaya pihak kementerian juga mengambil inisiatif ini dan mengambil berat bagi mengatasi perkara ini dan bilakah pihak kementerian akan melaksanakannya? Terima kasih.

Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Ahli Yang Berhormat daripada Silam. Sebenarnya Ahli Yang Berhormat, inisiatif kementerian dalam memberikan kemudahan kepada penduduk terutama sekali di kawasan luar bandar dan juga pulau-pulau di perairan, sebenarnya Yang Berhormat, seperti yang saya katakan tadi pihak kementerian telah memperuntukkan RM38.5 juta dan tambahan sebanyak RM25 juta.

Sebenarnya untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, sebanyak RM38 juta peruntukan lagi sebenarnya telah diluluskan sebagai tambahan untuk pembelian ambulans di seluruh negara. Jumlah ini adalah untuk menangani kekurangan jumlah ambulans sama ada untuk kegunaan pacuan empat roda ataupun pembelian bot-bot ambulans.

Ahli Yang Berhormat, sebenarnya pihak kementerian juga mengadakan ataupun meningkatkan selain daripada menjumlahkan peruntukan yang besar dan penambahan

peruntukan, pihak kementerian meningkatkan juga kapasiti klinik bergerak di mana klinik bergerak ini melibatkan tiga mod pengangkutan iaitu darat, laut serta udara. Bagi pengangkutan darat, ianya melibatkan perolehan kenderaan pacuan empat roda termasuklah peralatan untuk klinik bergerak tersebut.

Bagi pengangkutan air, ia akan melibatkan bot dan juga pembelian peralatan. Bagi pengangkutan udara ianya akan melibatkan perkhidmatan *flying doctor services* ataupun *MEDEVAC*. *Flying doctor services* ini akan memberikan perkhidmatan kesihatan secara berkala di kawasan pedalaman bagi mengatasi kekurangan perkhidmatan, manakala *MEDEVAC* ini akan digunakan sekiranya berlaku sebarang kecemasan.

Kakitangan kementerian juga mengambil inisiatif melatih kumpulan sukarelawan daripada kampung-kampung di pedalaman mengikut modul-modul yang telah ditetapkan supaya kumpulan sukarela ini dapat memberikan rawatan kecemasan ataupun rawatan asas sekiranya diperlukan dan sebenarnya kumpulan sukarelawan ini akan juga diberikan *allowance* bagi memberikan rawatan yang terhad kepada rawatan kecemasan dan rawatan asas.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat juga, peruntukan ini di samping membeli peralatan, pihak kementerian juga memastikan bahawa keperluan modal insan juga akan diberikan terutama sekali kawasan-kawasan yang memerlukan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sabah.

Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu]: terima kasih. Di Kota Kinabalu Sabah, masalah Hospital Besar Queen Elizabeth. Ambulans di Kota Kinabalu sangat kurang sebab semua ambulans sudah dipakai untuk *transfer patient*. Untuk *emergency*, kami betul-betul kurang ambulans.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Singkatkan Yang terhormat, masa tidak ada.

Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu]: bolehkah kementerian tolong tambah *ambulance* di Kota Kinabalu. Di Kota Kinabalu juga, terima kasih.

Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, untuk negeri Sabah sahaja ya, khususnya untuk Queen Elizabeth Hospital. Kita memperuntukkan beberapa ambulans untuk digunakan bagi pengangkutan terutama sekali apabila hospital Queen Elizabeth menghadapi masalah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk negeri Sabah sahaja, sebanyak 25 buah ambulans telah dibeli dan sebanyak 15 lagi akan dalam proses pembelian bagi menangani kekurangan perkhidmatan ambulans di negeri Sabah. Insya-Allah perkara ini akan dapat diselesaikan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang terhormat, masa untuk soalan jawab telah tamat.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

■1130

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA (PINDAAN) 2008

Bacaan Kali Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas masalah “Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali kedua sekarang”. *[16 Jun 2009]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih. Saya ingin memaklumkan kepada Majlis, Ahli-ahli Yang Berhormat, di atas meja Ahli Yang Berhormat ada kertas berwarna kuning ini, iaitu pengaturan semula, peruntukan semula kewangan di bawah Peraturan 66A dan juga 67B. Jadi saya mahu Yang Berhormat terima, dan jika Ahli Yang Berhormat tidak menerima lampiran itu, beritahu dengan Bentara supaya Yang Berhormat dapat peruntukan rangka butiran kewangan itu.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sekarang menjemput Yang Berhormat Pengkalan Chepa untuk menyambungkan ucapan.

11.32 pg.

Dato’ Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, semalam saya telah menganalisis sedikit secara rambang bahawa pembangunan ini hendaklah merangkumi tidak fizikal semata-mata, tidak ekonomi semata-mata tetapi pembangunan sosial dan juga pembangunan insan mestilah seimbang, di dalam membangun negara.

Sekiranya kita menumpukan pembangunan pada fizikal sahaja, sosialnya akan bertambah dan mat rempit, jenayah, maksiatnya semua akan bertambah. Jika kita tidak membangun insan, berlaku rasuah, berlaku penyalahgunaan, sekolah runtuh, hospital runtuh. Ini ialah hasil tangan manusia, stadium pun runtuh. Jadi pembangunan ini mestilah seimbang di antara empat perkara tadi.

Dalam pembangunan yang lain, dalam Islam disebut *[Membaca sepotong hadis]* ertinya hubungan antara manusia dengan Allah, hubungan manusia dengan manusia, hubungan manusia dengan alam. Contoh yang paling dekatnya ialah Putrajaya. Itu gambaran yang nak kita bina, di mana Putrajaya dibina di atas asa hubungan manusia dengan Allah, hubungan manusia dengan alam sekitar, dan hubungan manusia dengan manusia.

Tuan Yang di-Pertua, saya respons kepada sahabat saya daripada Yang Berhormat Putatan. Dia bertanya kerajaan *unity, unity government*, kerajaan perpaduan. Ingin saya

tegaskan di sini bahawa tidak ada rancangan yang diputus oleh parti Pas, untuk membentuk sebuah kerajaan perpaduan, tak ada. Saya sebagai Ahli Syura, majlis yang tertinggi yang menentukan dasar dan haluan. Salah seorang yang diketuai Pengerusinya oleh Datuk Mursyidul Am, iaitu Menteri Besar Kelantan, tidak pernah berbincang perkara ini. Parti tidak boleh membuat keputusan hendak membentuk kerajaan campuran kalau tidak diluluskan oleh Majlis Syura. [Tepuk]

Kami juga tidak bincang dalam majlis, dalam jawatankuasa politik. Saya sendiri ahli jawatankuasa politik, tidak pernah dan kami tidak pernah berbincang dalam Jawatankuasa Agung, dan kami tidak pernah berbincang dalam Pakatan Rakyat, tidak ada. Ini lambungan-lambungan ini, katakanlah ialah di awang-awangan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan, penjelasan. Bukankah benar bahawa kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semalam mengenai *unity government*, sebenarnya satu percubaan untuk memecah belah, bukan sahaja Pas, tetapi Pakatan Rakyat, ada niat yang jahat dan bukannya benar bahawa sebenarnya pada awalnya Timbalan Perdana Menteri dan Presiden UMNO, dengan izin *poke a water* mengenai perkara ini.

Sekarang nampaknya ada *chance* untuk memecahkan perpaduan rakyat ini. Ini semua tidak selaras dengan apa yang beliau kata, Satu Malaysia, dia patut menjadi Perdana Menteri Malaysia untuk semua Malaysia, dan buka cuba untuk *divide and rule*, so, macam selalu berlaku di Perak, Perak *divide and rule*, bukan Perdana Menteri "Satu Malaysia", tetapi Perdana Menteri Satu Malaysia yang tidak ada, No "One Malaysia", adakah Yang Berhormat bersetuju?

Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Ya, saya bersetuju. Ini yang dibuat oleh Perdana Menteri ini adalah gerak saraf. Gerak saraf ini sebelum serangan saraf, ertinya bila kita membuat gerak saraf, kita tuju kepada parti lawan, tuju kepada pilihan raya Manik Urai. Kalaulah rakyat mengundi di atas pagar itu bercelaru, dia akan kalah Pas.

Ini ada motif, jadi sebab itu Yang Berhormat, bahawa tidak ada sama sekali rancangan..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, yang bab itu cukuplah Yang Berhormat, balik kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. [Ketawa]

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Minta penjelasan lebih lanjut. Kami dari Sabah. Saya tertarik dengan hujah-hujah Yang Berhormat tadi, sebab itulah persoalan saya tadi yang meminta penjelasan tadi itu timbul, kerana hujah Yang Berhormat tadi, seolah-olah kita ini berhadapan dengan cara pendekatan yang murni. Masyarakat yang majmuk, kerjasama, tidak kira Kerajaan Pusat, kerajaan negeri akan sama-sama bertujuan untuk perpaduan dengan harmoni, dengan semua rakyat di negara ini.

Alangkah baik hati murni daripada Yang Berhormat apabila saya mendengar hujah-hujah itu. Jadi oleh sebab itu, alangkah baik kita bersama membentuk satu kerajaan yang bertujuan memberi kesejahteraan rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Cukuplah itu Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Duduklah Shah Alam, saya minta penjelasan daripada Pengkalan Chepa bukan Shah Alam.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tak apalah, sabarlah. *[Ketawa]* Yang Berhormat Pengkalan Chepa, Timbalan Pengerusi. Saya rasa Yang Berhormat Putatan ini macam seolah-olah mengaku bahawa Kerajaan Barisan Nasional ini tidak mampu hendak mewujudkan satu kerajaan yang baik, yang boleh menyatupadukan rakyat, sampai dia memohon supaya kita ini tolong dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Putatan, tidak boleh bangun Yang Berhormat.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya rasa macam inilah, kalau Kerajaan Barisan Nasional tidak mampu, dia letak jawatan sajalah, biar kita ambil alih sajalah, apa macam? Boleh? *[Ketawa]*

Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya tak nak respons banyak dalam perkara itu.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, kita dalam bab Lembaga Hasil Dalam Negeri, Yang Berhormat.

Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Dalam perbahasan Lembaga Hasil ini, minta maaf Putatan ya? Saya ingin menyatakan Perdana Menteri, menteri-menteri, menteri besar, pegawai-pegawai kerajaan sana, polis dan tentera, wakil-wakil rakyat semuanya dibayar gaji daripada cukai yang dipungut oleh daripada rakyat. Biar paku dalam kepala kita, kita hanya memegang amanah menjalankan kerja, bukan wang parti Barisan Nasional, bukan wang parti Pas, bukan wang parti DAP, tapi wang rakyat.

Kenapa kita agih tidak adil? Kita pulangkan ini kepada rakyat, tak kira parti pembangkang atau parti kerajaan. Ini hak rakyat, kenapa parti Barisan Nasional menganggap bahawa wang ini, wang dia? Ini masalahnya.

Seorang Ahli: Tak sedar diri.

Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Saya tengok kelmarin, Menteri Pertanian ke mari, menjawab dari segi politik ke parti UMNO yang telah pun dihapuskan oleh Datuk Mustapha. Jadi saya pun hairan. Jadi adakah sedar bahawa kita ini menjadi kakitangan rakyat? Adakah kita sedar, Perdana Menteri sedar, menteri-menteri sedar, wakil rakyat sedar, pegawai kerajaan sedar bahawa kita adalah dibayar gaji oleh rakyat.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Kita jalankan tugas kita mengikut jawatan masing-masing dengan penuh amanah, dengan penuh keadilan, kita agih kepada negeri-negeri dan juga kepada rakyat. Ini saya nak bangkit kerana nampak sangat bahawa pungutan yang dibuat oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri ini, masuk sebagai *revenue* kerajaan ini, nampak bahawa hasil itu daripada rakyat.

■1140

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Minta laluan.

Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Ya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mendapat pandangan daripada Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Bukan sahaja wakil rakyat dinafikan untuk mendapatkan peruntukan daripada kerajaan kerana masalah politik, malah wakil-wakil rakyat juga dinafikan sekian lama, daripada pembangkang sekian lama dinafikan peruntukan kepada wakil rakyat. Kita pun tidak tahu sampai sekarang walaupun dinyatakan peruntukan wakil rakyat itu sekian-sekian, sebanyak RM1 juta misalnya pada tahun 2008, tetapi ke mana perginya peruntukan itu? Kita sebagai wakil rakyat dan Ahli Parlimen yang dilantik secara sah melalui pilihan raya dinafikan langsung.

Malah di Wilayah Persekutuan, Yang Berhormat Menteri Wilayah dengan secara terbuka menyatakan hanya tandatangan daripada Ketua Bahagian UMNO sahaja yang laku ataupun diterima di peringkat Kementerian Wilayah Persekutuan dan di DBKL. Jadi ini adalah bukannya satu konsep ataupun satu tindakan yang menyokong konsep "SATU MALAYSIA", tetapi adalah satu konsep untuk memecahbelahkan rakyat Malaysia. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Setuju 100% sebab saya tahu. Saya tahu walaupun prinsip atau konsep yang dibuat oleh Menteri-menteri ini baik kadangkadangkang, tetapi bila sampai pelaksanaan di bawah, ketua cawangan itulah atau pengerusi JKK itu yang akan menentukan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Krau bangun, Yang Berhormat.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Kuala Krau, sahabat. Kita sudah duduk jauh, ya. Terima kasih.

Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Biasanya setiap belanjawan ataupun pembentangan bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dan juga di dalam perbahasan-perbahasan sama ada di peringkat dasar dan juga di peringkat jawatankuasa, apabila hendak diluluskan belanjawan atau bajet tersebut, adakah Yang Berhormat Pengkalan Chepa dan rakan-rakan parti pembangkang bersetuju dengan belanjawan yang telah dibentangkan khusus untuk perbelanjaan dan juga untuk peruntukan bagi membela rakyat dan membangunkan negara? Terima kasih.

Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Perbelanjaan ini kita terpaksa luluskan. Kalau kita tidak luluskan, Ahli Parlimen pun tidak boleh dibayar gaji, Yang di-Pertuan Agong pun tidak boleh dibayar gaji, Perdana Menteri pun tidak boleh dibayar gaji. Pembangunan pun *jam*. Sama ada kita setuju atau tidak setuju itu soal lain. Namun dalam belanjawan itu banyak kekurangan dan kelemahan yang perlu diperbaiki. *Political power* sahaja yang boleh baiki. Bukan pegawai. Saya tengok dan saya mengendalikan kewangan ini selama 14 tahun, buat bajet di negeri. 14 tahun. Pegawai-pegawai ini dia ikut perintah kita. Kalau kita hendak macam ini, dia ikut. Kalau kita biarkan dia, dia buat secara manual sahaja.

Jadi kalau menteri yang *in charge* ataupun yang bertanggungjawab tentang bajet ini tidak mempunyai skop yang luas dan tidak mempunyai idea-idea yang baru dan tidak *consult* dengan wakil-wakil rakyat ini, bajet itu akan mempunyai kelemahan. Itulah yang dilaungkan oleh wakil-wakil rakyat. Sepatutnya sebelum bentang bajet ini, Yang Berhormat Menteri Kewangan mesti membuat satu *pre-council* dengan wakil-wakil rakyat Barisan Nasional untuk mendapatkan pandangan-pandangan daripada Sabah sana. Ini yang kita buat di Kelantan. Kenapa tidak buat? Untuk menutup kelemahan ini. Kita ada *pre-council*. Wakil rakyat ini, ini. Bahagian ini tidak cukup. Bahagian luar bandar, dekat sini tidak cukup. Yang ini lebih. Ini tidak dibuat. Ini akan nampak kelemahan-kelemahan itu.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: [*Bangun*]

Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Tuan Yang di-Pertua, *respond* kepada... sikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rantau Panjang bangun, Yang Berhormat.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Minta laluan sikit, Yang Berhormat.

Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Ya.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Dato'. Saya tertarik dengan apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat berkenaan dengan bagaimana pentingnya ketelusan dalam pengurusan kewangan negara demi kepentingan rakyat. Apa lagi kita melihat seluruh hasil yang didapati oleh kerajaan ini adalah untuk membayar gaji kakitangan awam, bukan sahaja Ahli Yang Berhormat tetapi seluruhnya. Sudah tentulah yang penting ialah keberkatan dan kesucian.

Saya minta pandangan Yang Berhormat. Apa pandangan Yang Berhormat apabila hasil-hasil daripada cukai syarikat termasuklah cukai judi dan cukai arak yang disatukan atau yang dimasukkan sekali dengan cukai-cukai yang lain. Adakah ini memberikan kesan dari sudut keberkatan dan sepatutnya kerajaan meletakkan pengasingan antara pendapatan hasil yang haram dan halal. Ini penting sebab setiap titik darah hasil daripada sumber yang haram nerakalah tempatnya di akhirat.

Jadi bagaimana pandangan Yang Berhormat dalam isu ini untuk memastikan supaya negara kita ini mendapat hasil yang diberkati dan mendapat keredaan daripada Allah SWT.

Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Tuan Yang di-Pertua, itulah yang saya minta Yang Berhormat Menteri Kewangan sedar. Kita boleh belanjakan hasil-hasil daripada wang-wang yang haram dari segi Islam ini terutama sekali kepada misalnya jalan raya yang terlibat dengan manusia, kepada kuil-kuil, kepada perkara-perkara yang tidak memberi macam makan gaji ataupun bayar gaji. Kita hasil. Maknanya hasil dia panggil pendapatan yang bukan hasil. Itu boleh dibuat. Jadi agihan ini penting, kerana kita dalam sebuah kerajaan pertama sekali kita hendak rakyat kita ini terutama sekali orang Islam tidak terlibat dengan perkara-perkara maksiat. Ini tanggungjawab kerajaan.

Sekiranya kita membuat satu perancangan yang menjurus ke arah neraka dan ke arah maksiat, Perdana Menteri bertanggungjawab, Menteri-menteri bertanggungjawab, Menteri Besar bertanggungjawab. Saya ingat orang Kristian pun begitu juga. Tidak mahu benda ini. Jadi kita bertanggungjawab sebagai bapa. Itulah saya rasa dalam agihan ini sangat perlu ditengok balik, tetapi oleh kerana agihan ini tidak di tangan kita, tidak diminta pandangan, pegawai sahaja buat dan Menteri-menteri pun tidak peduli, itulah yang berlaku. Dari segi kemurnian, mungkin bercampur aduk dan ini akan menjadi candi dalam keberkatan hasil gaji dan hasil elaun kita termasuklah elaun wakil-wakil rakyat ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengajak Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional, daripada PAS dan daripada Pakatan Rakyat. Dalam pilihan raya kecil Manek Urai ini, kita pergi ke Pengkalan Chepa. Seperti mana Yang Berhormat Pasir Mas kata sudah tutup semua. Kilang pun tidak ada. 12 hari bulan baru-baru ini, satu rombongan daripada USM membawa pelajar-pelajarnya kepada *Medicare*. Satu kilang mengeksport tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan mata ke Singapura. Dia terkejut kerana banyak kilang di sana. Jadi saya tidak fahamlah. Tidak faham Yang Berhormat Pasir Mas ini dia tidak pergikah?

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Saya minta pergi.

Seorang Ahli: Dia naik kereta saja.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Dia duduk terperosok dekat Pasir Mas saja.

Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: *[Ketawa]* Yalah semua. Pilihan raya kecil Manek Urai ini kita pergi tengok berapa banyak kilang. Bravonya ada dan banyak lagi enjin daripada Jepun pun ada. Kita tidak boleh membuat banyak *heavy industry* ini kerana kita tidak ada pelabuhan, kita tidak ada kargo dan tidak ada lebuhraya yang baik. Kita telah panggil satu konsortium daripada Dubai yang pergi melabur di Pasir Gudang untuk melihat pelabuhan di Kelantan ini. Boleh buat atau tidak boleh. Dia pergi. Dia melawat semua sekali. Dia kata okey, potensi ada. Namun tidak akanlah lori besar-besar ini, treler besar-besar ini hendak masuk jalan

kampung. Maksudnya tidak ada lebuhraya. Tidak ada infrastruktur. Ini tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Kenapa tidak buat?

Dok buat jalan raya di Pantai Barat. Sabah pun tidak buat. Kenapa tidak buat? Kalau kita buat, rakyat bayar cukai. Kita buat, insya-Allah pelabuhan akan dapat dibuat. Baru boleh *heavy industry* dapat dibangunkan. Satu lagi saya hendak cadangkan kepada Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak lonjakkan ekonomi dan pembangunan di Kelantan dan Terengganu Utara ini termasuk Setiu dan termasuk Jerneh, boleh dibuat.

■1150

Dalam ECER ini ada disebut bahawa pembangunan petrokimia. Hasil daripada gas di luar pantai Kelantan, daripada kawasan GDA antara Siam dengan Kelantan-Terengganu-Malaysia ini telah keluar gas ini dan didaratkan di Songkla ini dan hendak dibangunkan di Gurun. IPP di Gurun hendak hantar balik ke Selatan Thailand. Semua pengguna ini ialah 69% sahaja. Ada lagi 31% baki yang masih dijual oleh Petronas Carigali, PTT Carigali. Kenapa tidak didaratkan di Jerneh kah, Pasir Puteh kah, Bachok kah? Kalau ini didaratkan maka ekonomi yang rendah di kawasan ini akan jadi *boom! Jump!* Akan jadi *jumping*, melonjak. Akan tetapi UMNO tidak hendak buat ini. Ini masalahnya. Saya telah berbincang dalam masa...

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: UMNO khianat!

Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Dalam masa Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi ada rombongan daripada UMNO Kelantan hantar memorandum, supaya didaratkan di sana, di Bachok. Kita sediakan 5,000 ekar tanah, 3,000 ekar untuk kawasan industri, 2,000 ekar untuk *buffer zone*... [Disampuk] Tuan Yang di-Pertua kata biar dulu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Timbalan Menteri Kewangan Yang Berhormat Bachok. Dato' Mustafa daripada Kelantan...

Seorang Ahli: MITI.

Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: MITI. Kenapa tidak boleh alih ini? Saya ingat kalau ini dapat didaratkan, PAS pun terancam, mungkin kalah... [Disampuk] [Ketawa]

Jadi di sini, selama tidak ada bukti yang boleh wakil rakyat daripada Barisan Nasional membuat satu janji untuk melonjakkan ekonomi dengan mendaratkan gas ini, saya rasa tidak usah haraplah Barisan Nasional akan menang di Kelantan... [Tepuk]

Rakyat Kelantan dia tahu sangat, dia tahu memilih. Rakyat di Kelantan ini paling takut. Saya paling takut. Tempat saya memang..., saya paling takut sebab rakyat Kelantan ini jati diri, seperti rakyat Sabah juga, 50% ini, dia tidak boleh kita hendak cucuk hidung. Kalau dia tidak setuju dengan PAS dia halau PAS. Kalau dia tidak setuju dengan Barisan Nasional, jangan harap Barisan Nasional boleh bertapak. Ini sikap. Jadi sikap ini mesti tengok dari kaca mata rakyat Kelantan itu sendiri.

Jadi sebenarnya dari segi ini, Barisan Nasionallah sebenarnya yang menghalang pembangunan di tempat-tempat orang Islam... *[Tepuk]* Dan khususnya bumiputera di kawasan Terengganu, Utara dan Kelantan. Ini lebu raya tidak ada, pelabuhan tidak ada, petrokimia daripada kawasan kita pun tidak dibuat. Ini sebenarnya. Kalau ikhlas tidak ada kerajaan perpaduan pun boleh. Boleh buat...!

Seorang Ahli: Ya!

Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Tidak payah nantikan kerajaan perpaduan. Kalau buat ini mungkin Kerajaan PAS sendiri di Kelantan itu akan tersungkur, tapi tidak buat. Jadi bukan Sabah sahaja.

Jadi sebelum itu seperti di Sabah, ada gas, ada minyak kenapa tidak ada kursus latihan, kolej-kolej latihan untuk anak-anak Sabah ini mengambil tempat pekerja-pekerja asing atau pegawai-pegawai asing ini. Jadi kalau kita ada rancangan itu, kita kena sediakan infrastruktur bagi melatih anak tempatan menguasai keadaan itu. Jangan jadi seperti Kerteh, sebagaimana yang disuarakan oleh Tun Mahathir. Kerteh itu banyak, tapi pendapatan dan pekerjaan kepada anak tempatannya sangat sedikit. Sebab itulah kemiskinan tinggi di Terengganu, 9%. Hasilnya banyak satu bilion lebih setahun....

Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid Endut [Kuala Terengganu]: *[Bangun]*

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Stadium baru runtuh.

Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Jadi inilah pengurusan kewangan yang salah, tidak betul dan agihan ini tidak betul...

Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid Endut [Kuala Terengganu]: Minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya nampak Yang Berhormat, sebentar ya? Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Jadi kesimpulan ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi Yang Berhormat Kuala Terengganu mencelah. Hendak bagi jalan? Sila Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid Endut [Kuala Terengganu]: Terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Chepa dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bila sentuh hal minyak, hal Terengganu saya cukup terasa kerana saya datang dari sebuah negeri yang dikatakan begitu kaya sehingga boleh buat stadium beratus juta tapi boleh runtuh bumbungnya. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan, pandangan wakil Pengkalan Chepa.

Sepertimana yang disebutkan tadi tindakan yang dilakukan oleh Kerajaan Pusat menganiayai negeri Kelantan dengan tidak mendaratkan apa yang sepatutnya bahagian kekayaan hasil gas turun di Kelantan. Akan tetapi di Terengganu yang sudah ada sudah berpuluh-puluh tahun, dirampas dengan sewenang-wenangnya sejak tahun 2000, apakah setuju

dengan pandangan saya, Kerajaan Barisan Nasional ini bukan sahaja menganiayai dan tidak berlaku adil tetapi khianat pada rakyat, khianat kepada negeri, derhaka kepada Raja... [*Tepuk*]

Daripada dulu sampai sekarang. Sehingga sekarang di Terengganu, untuk makluman Yang Berhormat Pengkalan Chepa, dia telah 'merompak' duit daripada RM14 bilion lebih sekarang telah meningkat RM15.1 bilion. Rampas, 'rompak' harta dan hak kerajaan negeri. Itu 'rompak' duit, yang 'rompak' kuasa di Perak satu hal lain.

Jadi ini adakah, dalam suasana yang ada sekarang ini, Yang Berhormat Pengkalan Chepa setuju dengan saya bahawa Barisan Nasional ini betul-betul khianat kepada negeri, khianat kepada rakyat, khianat kepada negara, derhaka kepada Raja.

Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Setuju. Akan tetapi saya tidak hendaklah guna 'khianat', saya hendak guna tidak amanah. Tidak amanah dalam menjalankan tugas ini. Kalau amanah, tidaklah berlaku khianat. Ini kerana amanah itu lawan daripada khianat... [*Ketawa*]

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Sama lah tu... [*Ketawa*]

Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Jadi bila ini berlaku, tidak ada tempat. Sekarang ini rakyat sedar, tidak ada tempat pada UMNO dan Barisan Nasional kecuali diubah.

Saya hendak respons sikit kepada Yang Berhormat Batu Pahat tadi, *unity government* tadi. Baik saya kata andai dalam keadaan andaian. Yang Berhormat Batu Pahat dan Yang Berhormat Putatan. Dalam andaian saya kata tadi bahawa PAS tidak pernah membahas untuk *unity government* ini sama ada dengan UMNO, atau dengan lain-lain kita tidak pernah bahas. Oleh kerana itu tidak ada. Jadi kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Timbalan Presiden kelmarin itu, kenyataan politik, bukan kenyataan PAS. Kenyataan politik peribadi sahaja.

Jadi saya hendak respons kepada Yang Berhormat Batu Pahat ini, takdirkanlah kita ambil satu daripada slot yang dicadangkan oleh Tun Mahathir. *Unity government* ini mungkin dia kata semua parti-parti politik berada dalam satu kerajaan. Ini membuatkan tidak ada pembangkang yang ketara tetapi pembangkang dalaman ada. Itu yang dikatakan oleh Tun Mahathir. Ini tidak sihat kerana kita tidak ada cermin hendak tengok muka kita. Jadi dalam dasar ini katalah andaian kita buat itu, ertinya kalau 24 parti, semuanya ada dalam kerajaan. Seorang parti ada menteri.

Perdana Menteri ini akan ditentukan oleh wakil-wakil ini. Belum tentu lagi Dato' Sri Mohd. Najib akan menjadi Perdana Menteri. Belum tentu lagi menteri-menteri ini akan menjadi menteri dan Kerajaan Barisan Nasional hancur, akan naik 'Kerajaan Perpaduan Rakyat'. Setujukah tidak setuju? Tidak setuju di sini. Pasti tidak setuju. Kalau andaian itu pasti tidak setuju. Itu andaian...

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Bentang dulu. Kita hendak dengar. Pakai buat rumusan sahaja, tidak hendak bentang.

Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Tidak. Kita sekarang ini hendak tengok .

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan lagi Yang Berhormat?

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Penjelasan Yang Berhormat.

Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Ini saya buat andaian, *long time....* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat Pengkalan Chepa tidak boleh bagi peluang?

Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Boleh kalau hendak bagi. Sila.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua boleh? Tuan Yang di-Pertua bagi, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya duduk dengar di luar dan masuk dalam dengar, macam tengok wayang kulit Tuan Yang di-Pertua. Seronok penglipur lara kita. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: *[Menyampuk]*

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Hendak cakap kena berdiri Yang Berhormat Pokok Sena. Jangan duduk atas pokok kena turun sekali-sekali bawah pokok.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Tidak. Saya ingatkan dia duduk belah sana. Tidak ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak boleh cakap Yang Berhormat. Dia tengah mencelah itu.

■1200

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ya, dalam pencelahan. Okey, saya hendak bertanya Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Saya tengok, kadang-kadang saya naik iri hati juga dengan keupayaan parti Yang Berhormatlah bagaimana boleh menguasai tampuk pentadbiran negeri Kelantan, kuasa politik sehingga menjangkau keempat penggal, *[Disampuk]* masuk ke lima penggal.

Yang Berhormat, di India saya pernah bertanya dengan *The President of Lok Sabha* macam Tuan Yang di-Pertualah kedudukannya, saya tanya. Bila kita berada di jalan-jalan raya, kita lihat orang India ini begitu melarat keadaannya. Yang tidak ada rumah, buang air di tepi jalan dan sebagainya. Akan tetapi apabila kita masuk ke kawasan istana mereka, kawasan hotel mereka, keadaan berbeza sama sekali. Daripada kedudukan yang melarat masuk ke dalam kawasan Parlimen mereka, kawasan orang kenamaan mereka, begitu hebat. Saya tanya mengapa ini berlaku dan pihak mereka masih lagi berada di tampuk kuasa? Mereka mengatakan, mudah. Dia kata di India ini, orang yang melarat itu merasakan bila mereka mati besok, mereka akan hidup balik dan mereka pula akan jadi kerajaan.

Jadi hari ini, buatlah pilihan raya sebanyak mana pun, mereka tetap memilih kami sebagai pemerintah mereka. *[Ketawa]* Jadi saya hendak bertanya Yang Berhormat, apa kaedah parti Yang Berhormat pakai ini sehingga rakyat yang begitu daif kedudukannya tetap memilih parti Yang Berhormat. Adakah kaedah memberitahu mereka besok mereka mati, mereka akan mendapat kebahagiaan di akhirat apabila memilih parti Yang Berhormat. Terima kasih. *[Ketawa][Dewan riuh][Disampuk]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik kepada satu analisa Public Bank beberapa tahun lepas. *Purchasing power*, kuasa beli di Kelantan ini kedua selepas Selangor. *[Dewan riuh][Tepuk]* Maknanya rakyat itu kaya. TESCO sekarang ini dia boleh pungut RM1 juta satu hari, pada bulan puasa *KB Mall* dia dapat RM1 juta satu hari. Maknanya, kalau andaian bahawa rakyat ini merempat tidak pernah berlaku kelaparan di Kelantan.

Seorang Ahli: Ha!

Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Ini tidak pernah. Pergi tengok Manek Urai ini. Tidak pernah.

Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid Endut [Kuala Terengganu]: Terengganu berlaku.

Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Ya, Terengganu berlaku. Yang daif itu ada. Untuk ini katakanlah di Manek Urai. Manek Urai ini kawasan KESEDAR. Sama ada dalam RPT KESEDAR atau RKT KESEDAR. RPT ini maknanya Rancangan Pemulihan KESEDAR. RKT ini Rancangan Kemajuan KESEDAR. Kerajaan Pusat telah memberi peruntukan khusus untuk jaga kawasan ini sama ada airnya, jalan rayanya, kemudahan-kemudahan awamnya tidak di bawah tanggungan kerajaan negeri.

Jadi kalau Yang Berhormat Ahmad Maslan mengatakan hendak jalan luas, itu tanya KESEDAR. Bila boleh pukul, satu kali pukul, rebah Barisan Nasional kerana tidak tahu tanggungjawab siapa ini? Jadi ini kesalahan KESEDAR.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Dia tak sedar.

Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Tak sedar.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Ha!

Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Ha, jadi kalau ada orang yang merempat di kawasan KESEDAR...

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Dia tak sedar macam Batu Pahat.

Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: ...Tanya KESEDAR apa pasal hasil kelapa, hasil getah ini tidak... Mana bantuan-bantuan dalam masa meleset ini? Tanya KESEDAR. Saya akan tanya. Barisan Nasional kena kunci mulut, tidak boleh bercakap. Inilah masalah-masalah yang saya kata tidak ada di Kelantan ini. Dahulu pernah orang bawa beras ke negeri Kelantan takut beras itu tidak ada. Rupa-rupanya orang Kelantan makan beras siam lebih baik daripada beras di sini.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Lebih baik daripada Batu Pahat lagi.

Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Hai, jauh lebih baik daripada Batu Pahat. Jadi masalah sekarang ini, cuba tengok di Manek Urai ini. Pergi tengok, kita terbuka. Jadi perkara-perkara yang semacam itu hanya kempen-kempen untuk menakutkan bahawa kalau Parti Pakatan Rakyat berkuasa, macam-macam. Sebenarnya Pakatan Rakyat, kalaulah saya kata duduk lagi dalam Pakatan Rakyat akan datang ini, saya rasa kita boleh buat yang lebih elok dalam pengurusan kewangan, dalam pembangunan daripada apa yang ada sekarang ini. Terutamanya sekali dalam pemantauan, cukup-cukup lemah di dalam *delivery system* ini. Itulah Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Sepanggar.

12.05 tgh.

Datuk Eric E. Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih oleh sebab diberi peluang untuk membahaskan undang-undang di dalam Lembaga Hasil Dalam Negeri. Seperti mana kita tahu bahawa hasil dalam negeri ini adalah hasil yang dikutip dari rakyat jelata yang dikutip dengan membayar hasil kepada negeri kepada negara kita. Tentu sekali hasil ini berbeza di antara negeri-negeri. Maka itulah sebab saya perlu bagi Hasil Dalam Negeri ini supaya *transparent* dengan kutipan-kutipan mereka di setiap negeri. Maka ini sebab saya rasa dalam kutipan ini yang pada masa ini kita nampak seolah-olah mereka tidak mahu *transparent*. Apa yang mereka kata ialah kerajaan kutip dan beri balik kepada rakyat. Akan tetapi berapa peratusnya kutipan itu telah diberi kepada rakyat? Contohnya di Sabah.

Kita nampak mungkin banyak kutipan daripada hasil-hasil tetapi malangnya bila hasil peruntukan itu kita tidak nampak di mana sebenarnya, berapa peratus sebenarnya telah diturunkan untuk membina ataupun untuk pembangunan bagi rakyat. Contohnya di mana kawasan saya sendiri bila kita pohon untuk pembangunan, apa yang kita dapati ialah mungkin akan dirancang, akan diberi kepada Rancangan Malaysia Kesepuluh nanti. Akan tetapi bilakah sampainya pembangunan itu? Inilah masalahnya dan cabaran yang dihadapi oleh rakyat sekarang ini. Maka bagi setiap kutipan dan bagi setiap hasil ini, kita mohonlah dan kita merayu kepada kerajaan supaya setiap negeri diberi berapa sebenarnya kutipan dalam setiap tahun di setiap negeri.

Dari jumlah itu, berapa peratuskah yang diberi balik kepada negeri masing-masing. Dengan adanya *transparent* ataupun keterbukaan ini, tentu sekali rakyat dapat melihat bagaimana hasil itu dapat dilaksanakan. Akan tetapi pada ketika ini kita tidak dapat lihat, contohnya di dalam tender-tender. Kononnya ada tender terbuka tetapi bila masuknya tender itu, bila kita dapat lihat, bila kita nampak pelaksanaan itu, menjunam. Peruntukan sebenarnya lebih daripada 100% menjunam tinggi daripada hasil peruntukan asalnya. Maka, di manakah sebenarnya transparensi ini?

Di mana sebenarnya, bagaimana peruntukan ini dapat diagih-agihkan kepada rakyat? Oleh sebab kita mahu supaya pembangunan itu kita dapat sama-sama rasai. Kita dapat rasai. Contohnya di Sabah, kita nampak dan lihat begitu teruknya jalan-jalan raya. Pembekalan air begitu teruknya, lebih-lebih lagi dengan pembekalan elektrik. Semalam kita telah dengar Yang Berhormat Tawau telah mencadangkan supaya beberapa perkara harus diperbaiki di dalam penjanaaan elektrik ini. Namun begitu, malangnya kita tidak dapat sebenarnya, apa sebenarnya keputusan? Apa sebenarnya yang akan dirancang? Sekarang ini kita hadapi satu masalah yang besar mengenai Hospital Queen Elizabeth.

■1210

Pada suatu ketika Yang Amat Berhormat Perdana Menteri datang pada bulan Mei untuk mengumumkan RM245 juta bagi pembelian satu SMC. Ini SMC yang kedua. Sebelum itu SMC yang pertama sudah dibeli oleh kerajaan semata-mata untuk membeli bangunan yang sudah sedia. Namun akhirnya kita dapat lihat juga Menteri Kesihatan datang menyusul kononnya pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu salah. Yang Berhormat Menteri Kesihatan umumkan bahawa sebenarnya wang yang akan digunakan untuk pembelian SMC yang kedua itu ialah RM280 juta bukan RM245 juta.

Tambahan lagi ada tambahan oleh kerana tidak cukup kelengkapan untuk mencukupi kelengkapan itu bagi menggunakan SMC haruslah ditambah dengan RM90 juta lagi.

Beberapa Ahli: Tambah lagi!

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Berjumlah RM370 juta. Jadi, bagaimana sebenarnya berlaku. Sudah hampir sembilan bulan telah diisytiharkan sebahagian bangunan Hospital Queen Elizabeth tidak selamat diduduki. Sehingga sekarang sudah 240 hari belum ada pergerakan, belum ada tindakan. Inikah *efficiency* nya kerajaan? Adakah ini sebenarnya kerajaan yang prihatin kepada rakyat? Kita tidak dapat lihat keprihatinan itu kepada rakyat. Hasil-hasil yang dikutip daripada rakyat begitu banyak sekali, lebih-lebih lagi hasil petroleum tetapi berapa peratus telah disalurkan kepada negeri Sabah?

Sedih bila kita lihat angka kemiskinan di seluruh negara kita. Kelantan, kononnya termiskin tetapi masih lagi di bawah 7.2%. Akan tetapi Sabah pada tahun yang lalu diumumkan bahawa peratus kemiskinan di Sabah ialah 17%. So, di manakah yang sebenarnya salah?

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Saya hendak betulkan sikit. Dalam data MPA ini Sabah ialah 26.3%.

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Ha!? 26.3%, tambah lagi. Di manakah sebenarnya keprihatinan ini? Adakah yang 3.2 atau 3.1 juta rakyat di Sabah ini kalau kita hitung hampir setengah juta yang termiskin. Bagaimana ini terjadi? Bagaimana ini boleh berlaku? Hanya kerajaan sahaja yang boleh menjawabnya.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Minta laluan sikit, Yang Berhormat, boleh? Terima kasih, Yang Berhormat. Saya tertarik dengan apa yang dikatakan

oleh Yang Berhormat dan memang kita cukup sedih dengan apa yang berlaku. Kalau sebelum ini kita dimaklumkan dalam Dewan ini bagaimana satu jalan raya sudah tiga orang Menteri yang rasmi, satu butir pasir pun tidak sampai. Hari ini kita dikejutkan lagi bagaimana peruntukan Hospital Queen Elizabeth yang telah ditambahkan sampai RM370 juta, sampai sekarang pun tidak ada apa pergerakan berlaku, adalah satu perkara yang sangat menyinggung perasaan hati rakyat. Tambahan pula Sabah adalah penyumbang khazanah yang sangat besar kepada negara.

Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat sudah sampai masanya rakyat Sabah kena buat perubahan tukar kerajaan?

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih, Yang Berhormat. Tentu sekali. *[Disorak][Tepuk]* Ini sebenarnya pandangan kita daripada rakyat Sabah di mana tujuan itu memang kita akan susuli dan tujuan ini haruslah dipastikan untuk kejayaannya. Rakyat Sabah sudah begitu lama menderita disebabkan kerenah birokrasi ini. Kerenah ini haruslah diketepikan. Rakyat Sabah telah menderita.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Apa dia? Tidak!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tiada yang bercakap, Yang Berhormat. Tiada yang bangun.

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Kita tidak. Kita adalah rakyat tempatan. Kita adalah parti rakyat tempatan dan harus kita perjuangkan rakyat tempatan. Oleh sebab itu saya rasa bagi kita sampai masanya rakyat... Saya minta kepada Yang Berhormat di sini untuk melihat sebenarnya keadaan kita di Sabah ini termasuk Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua kita. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua telah pun bertungkus-lumus untuk memohon supaya mempertingkatkan kawasan beliau tetapi sehingga sekarang ini apa yang terjadi? Menteri demi Menteri melawat ke tempat itu tetapi masih juga mundur, masih juga hospitalnya begitu mundur sekali.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Balik kepada Lembaga Hasil, Yang Berhormat.

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Ini ada kaitan dengan hasil.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Pindaan Lembaga Hasil.

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Ini ada kaitan dengan hasil negeri. Oleh kerana semua hasil itu dikutip daripada rakyat tentu sekali kita mahu supaya kembali kepada rakyat. *[Disampuk]* Apa yang sudah terjadi di mana kemiskinan ini masih menghantui rakyat di Sabah ini. Siapa yang akan mengadakan satu mukjizat supaya Sabah ini boleh kepada...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Pakatan Rakyat.

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Yang pada ketika kita tubuh satu negara Malaysia ini pada tahun 1963. Pada tahun 1963 begitu bila Sabah menyertai bersama untuk

menubuhkan Malaysia. Sabahlah yang terkaya di dalam Malaysia ini tetapi pada ketika ini apa yang sudah terjadi? Bukan sahaja bankrap - muflis. Inilah sebenarnya bahawa kita minta, kita merayu kepada kerajaan bahawa ambillah keprihatinan untuk melihat perasaan rakyat di Sabah ini. Sekiranya rakyat Sabah ini masih juga tidak diambil perhatian tentu sekali rakyat ini kecewa. Bila rakyat kecewa saya pasti rakyat akan mengambil satu tindakan yang mungkin tidak disenangi oleh kerajaan sekarang ini.

Penduduk rakyat di Sabah ini bukan lagi seperti yang dulu di mana kita digelar sebagai penduduk yang boleh diatur, rakyat boleh dibincang tetapi rakyat di Sabah sekarang ini pintar-pintar belaka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Kita mahu supaya sekali lagi dalam perbahasan ini, saya mohon supaya kerajaan *transparent* dengan hasil-hasil yang dikutip daripada setiap negeri supaya hasil dari setiap negeri ini kita dapat lihat dan pandang supaya kita dapat minta supaya pengagihan hasil itu dapat sama rata kita rasai untuk nikmat bagi rakyat kita di seluruh Malaysia. Sekian.

■1220

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Langat.

12.20 tgh.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk membicarakan dalam perbahasan Rang Undang-undang Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2008. Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan hujah-hujah semalam, sepatutnya saya berbahas semalam oleh sebab ruang itu tidak ada. Namun peluang ini saya ambil dalam mukadimah saya, begitu kecewa dengan ada Yang Berhormat yang selalu membicarakan soal keperkasaan bangsanya, agamanya ikhlasnya tetapi tidak menghargai siapa dirinya. Bercakap seolah-olah dia sahaja yang hebat dan dia sahaja yang terbilang tetapi menafikan pandangan rakan-rakan yang memberikan rangsangan untuk memperkasakan ekonomi negara tetapi bicaranya seolah-olah dia seorang pakar yang cukup hebat. Meluat saya tengok.

Namun, jelas ini adalah permulaan mukadimah saya dalam perbahasan Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri. Tuan Yang di-Pertua, menjurus kepada pindaan ini, saya mengungkap sedikit laluan silam yang mana dalam hasil negeri ini, sumbernya banyak dan penguatkuasaannya pun saya kira begitu longgar dan rapuh sampai ke hari ini. Saya pernah membahaskan beberapa isu yang dalam peringkat Jawatankuasa dalam pembentangan kewangan dan sebagainya. Bagaimana hasil itu boleh diambil daripada sumber yang jelas seperti mana yang kita dimaklumkan oleh rakan-rakan Yang Berhormat sebelum ini. Kedapatan pagi tadi pun dibahaskan jua dalam konteks pekerja asing.

Seperti mana yang kita tahu bahawa penguatkuasaan percukaian pekerja asing ini tidak pernah dibuat secara konsisten atau secara kolektif dan penghasilannya tidak pernah dibahaskan. Merujuk kepada kedapatan, hampir tiga juta lebih pekerja asing yang halal dan haram ini yang boleh dikenakan atas percukaian pendapatan mereka untuk diterima pakai dan disalurkan terus kepada rakyat kerana pekerja tempatan pun dicukai manakala pekerja asing dibiarkan begitu sahaja.

Saya pernah cadangkan juga sebelum di Parlimen ini dengan potongan EPF. Saya nampak potongan EPF kepada pekerja asing ini boleh dibuat mengikut seksyen 24 dan telah pun dibuat di Singapura. Saya tidak tahu kenapa susah sangat kita hendak kuatkuasakan pekerja asing ini dikenakan EPF, usia 50 tahun dan diberikan kepada pulangan. Di antara masa itu, kita boleh gunakan wang itu untuk memperkuatkan ataupun mendomestikkan ekonomi negara kita. Akan tetapi tidak dilaksanakan. Ini memberikan satu ruang yang saya kira cukup luas untuk kerajaan atau Kementerian Kewangan untuk mencukai pekerja-pekerja asing ini di samping memantau wang keluar. Bila wang keluar, kita boleh kenakan cukai seperti mana yang dikenakan ke atas korporat-korporat. Individu pun perlu dikenakan secara konsisten. Sebab itu saya tidak nampak perkara ini mustahil dilakukan disebabkan oleh pekerja tempatan pun dikenakan EPF, kenapa tidak pekerja asing. 20% Tuan Yang di-Pertua, kalau dibandingkan dan dikalikan dengan tiga juta lebih pekerja saya kira cukup lumayan pendapatan itu. Cukup lumayan.

Namun, yang jelas ialah dalam keadaan itu, dalam keadaan itu, dalam keadaan sekarang ini, dalam keadaan ekonomi yang begitu merudum, rang undang-undang pindaan hendak dilakukan dalam Jadual Pertama. Katanya, sekurang-kurangnya sekali sebulan dalam perkataan sekali dalam tiap-tiap dua bulan. Daripada tahun 1995 pindaan ini hendak dibuat. Saya pun tidak nampak relevannya dalam keadaan sekarang.

Ia memerlukan banyak masa untuk bermusyawarah. Ia memerlukan masa yang banyak untuk kita berbincang bagaimana untuk kita mendapatkan hasil yang cukup untuk disalurkan hasil kepada rakyat. Seperti mana yang kita di disarankan oleh rakan-rakan dari Sabah yang begitu memerlukan sangat sumber-sumber ini. Saya kesian tetapi apa hendak buat. Lain kali pilihlah Pakatan Rakyat, barulah kita boleh memperkasakan [*Tepuk*] dan memastikan bahawa negeri itu dibela dan pada masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada percukaian.

Saya pernah cadangkan cukai itu dikenakan 100 % bukan di *waive* kan cukai itu seperti yang pernah dibuat oleh Menteri Kewangan. Saya bersyukur dan berterima kasih bahawa Menteri Kewangan telah pun menetapkan tarif RM6,000 hingga RM10,000. Akan tetapi saya cadangkan di sini untuk tahun 2009/2010, untuk menjaga kepentingan 11.3 juta ini, saya cadangkan supaya pekerja-pekerja mereka dikenakan cukai.

Peningkatan tidak dikenakan cukai daripada 10,000 yang dikenakan sekarang kepada individu, saya cadangkan supaya untuk menyelamatkan, memberikan sedikit ruang udara kepada

pekerja-pekerja dan juga rakyat yang ada kepentingan cukai ini ditingkatkan kepada 12,000. Begitu juga dengan isteri. Isteri hari ini dikenakan cukai RM3,000. Saya mencadangkan supaya diberikan anjakan 10,000 ke bawah tidak dikenakan cukai. Begitu juga dengan anak-anak sekolah. Bila mana anak-anak kita hendak masuk ke universiti dan kolej dikenakan hanya RM1,000 setahun. Mana mungkin perbelanjaan RM1,000 itu yang dikenakan kepada ibu bapa atau penjaga dalam RM 1,000 itu di *waive* kan cukai. Akan tetapi perbelanjaan anak untuk masuk ke kolej universiti *masya-Allah* punya banyak peruntukan keperluan yang diperlukan.

Saya ingin cadangkan supaya Menteri Kewangan memikir semula cukai itu yang ditingkatkan cukai itu kepada RM5,000 ke bawah tidak dikenakan cukai atas dasar keprihatinan untuk melihat kerancakan pendidikan diberikan keutamaan yang sekarang ini RM1,000. Begitu juga dengan anak-anak di bawah 18 tahun yang tidak dikenakan cukai RM800. RM800 mana mungkin dapat memberikan kesan beban yang begitu meringankan kepada penjaga dan ibu bapa. Saya ingin cadangkan supaya anak 18 tahun ke bawah yang masih bersekolah diberikan ruang tidak bercukai RM3,000 untuk kita melegakan sedikit keperluan ibu bapa dan penjaga untuk melegakan pendapat, untuk mengurangkan kenaikan cukai dan memberikan kesan yang positif untuk merencanakan lagi apa nama ini keperluan pendidikan yang dia perlukan oleh pendidik pelajar itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, apabila saya melihat daripada pindaan yang cuba dibuat oleh kementerian di bawah Peraturan 4A, saya berasa begitu keliru. Satu, saya merungkap kembali KWSP. Dulu PERWAJA, bila diambil kemudian tidak dapat dibayar, di *waive* kan cukai itu ataupun pembayaran semula dan sekarang ini ValueCap, RM 5 bilion ValueCap ambil daripada EPF dengan kuasa yang saya lihat akhirnya kuasa eksekutif itu berada di tangan Menteri Kewangan.

Saya melihat daripada sudut akan datang. Kalau ini yang akan dilakukan seperti mana yang berlaku dalam EPF, persoalannya ialah beban atas pengambilan daripada EPF sebanyak RM5 bilion itu, sebanyak RM5 ribu juta itu kesannya ialah pada tabungan itu sendiri yang diberi kepada ValueCap Sendirian Berhad yang tidak begitu meyakinkan dan tidak disandarkan kepada laporan atau penyata kuasa pelabur. Ini memberikan satu isyarat bahawa kalau kuasa itu keseluruhannya diberi tanpa mesyuarat, hanya dimaklumkan. Ini lagi parah. Menteri punya kuasa yang cukup hebat dan ini akan memberikan satu lagi fenomena yang mana bila-bila pun boleh diambil tabungan itu.

Saya cukup rasa terdesak dalam pandangan ini dan saya berpandangan secara serius bahawa apa yang berlaku dalam EPF, kuasa Menteri Kewangan yang begitu besar sehingga boleh *overule* lembaga akan memberikan kesan yang negatif yang negatif kepada tabungan itu sendiri dan kesannya ialah pencarum-pencarum yang mencarum dalam KWSP begitu juga dengan hasil negeri, dikutip daripada hasil kutipan cukai. Saya mendesak supaya dikaji semula di atas tetapan tanpa mesyuarat untuk pindaan ini atas Peraturan 4A supaya lebih konsisten

meyakinkan dengan hanya memaklumkan sudah dapat satu dasar untuk menyediakan keputusan, ini saya rasa tidak demokrasi.

Saya hendak mempersoalkan lagi tentang KPI. Dalam lembaga ini, siapa yang *memonitor* ataupun memberikan kekuatan untuk *supervise* lembaga ini. Ini juga satu persoalan yang harus kita rujuk. Pada tahun 1995, sampai sekarang tahap mana kekuatan atau efisiennya Lembaga Hasil Dalam Negeri ini? Ini memberikan satu persoalan. Sepanjang ini saya percaya dan yakin rakyat tidak pernah dimaklumkan tentang pencapaian dan kekuatan yang ada yang sebelum ini saya dimaklumkan 2008 kita *waive* kan cukai hampir RM1 bilion dan siapa mereka yang telah di *waive* kan, kenapa di *waive* kan dan alasannya apa? Hanya ketulusan ini yang diperlukan dalam memastikan lembaga ini dalam ada dalam kedudukan integritinya sendiri.

■1230

Kalau tidak ini akan memberikan kesan yang cukup tidak molek kepada pentadbir urus tadbir negara. Saya melihat daripada apa yang berlaku dalam diri saya sendiri Tuan Yang di-Pertua. Saya baru tiga minggu sudah saya *submit* satu cukai saya sendiri kerana saya diminta untuk menyelesaikan masalah gred duti saya Ahli Parlimen tidak boleh kerja, dia dapat gred duti dan lebih daripada itu saya diberitahu oleh pekerja Hasil Dalam Negeri, dia kata minta maaf encik, encik punya tahun 2004 dan 2005 tidak masuk, tidak *submit* jadi encik kena *submit* balik.

Saya kata tahun 2006, 2007 saya *submit you* terima, kenapa tidak dimaklumkan 2006 itu sendiri yang saya tidak *submit*? Dia kata itu kami tidak dapat menghubungi encik. Jadi persoalannya ialah kenapa harus dalam keadaan urus tadbir sebegini dengan sebegini efisien, dengan komputer, dengan data yang cukup hebat masih lagi dalam keadaan yang tidak terurus data pentadbiran urus tadbir pembayaran cukai itu sendiri.

Saya berasa cukup keliru dan selepas itu apabila saya *submit*, dia kata encik tunggu dua minggu kita akan panggil. Apabila saya sudah *submit* dua minggu dia kata minta maaf encik fail encik hilang. Baru dua minggu saya *submit*, dia kata fail saya hilang. Apa pentadbiran ini? Siapa yang monitor urusan yang berlaku dalam Hasil Dalam Negeri ini?

Dalam masa yang sama kuasa ada kita hendak bagi kepada orang lain. Kuasa pentadbir pun yang ada sekarang ini tidak efisien dan tidak di monitor. Saya hendak tanya siapa yang mengurus KPI mereka ini dan akhirnya saya terpaksa pergi sekali lagi dan buat satu lagi *submission* dan akhirnya mereka kategori saya kena cukai RM13,000.

Jadi melihat daripada sudut apa yang berlaku ini, keseluruhan pindaan ini harus menjurus kepada kekuatan urus tadbir itu sendiri. Ketulusan dalam segi lembaga membuat keputusan dalam atur cara bagaimana agenda negara ini perlu diurus dengan baik. Kesaksamaan dan juga urus tadbir itu harus dilebarkan kepada semua orang. Ini yang kita hendak lihat, bukan memberikan kuasa satu kuasa kepada satu orang membuat keputusan.

Ini saya rasa melonggarkan dan mencerminkan bahawa kepimpinan diktator sudah pun tidak dipupuskan malah bermaharajalela. Saya tidak bersetuju langsung kalau sekiranya kuasa

lembaga ini ditarik dalam segi konsep dasar kekuatannya sendiri. Ingin saya tegaskan bahawa mereka juga perlu di KPI kan, *keep performance indicator* mereka perlu dibuat berpandukan kepada *performance* dan siapa yang mereka dalam kelompok ini yang tidak efisien ini ditukar ganti, siapa yang tidak boleh buat tugas dengan terbaik ditukar ganti dan untuk pergi ke dua bulan dalam keadaan sekarang Tuan Yang di-Pertua saya tidak setuju.

Kalau boleh lebih kerap seperti mana Yang Berhormat Kota Belud cakap kena lebih kerap kita adakan perbincangan untuk melihat dari sudut mana boleh membantu negara dan dalam bentuk pendapatan. Saya tahu Tuan Yang di-Pertua sudah mengantuk namun saya mengambil sedikit masa lagi iaitu dalam apa sekalipun bentuknya Tuan Yang di-Pertua kalau ruang itu kita ada, sebab itu saya tegaskan dari dahulu kena ada *retrenchment fund* kerana dengan ada *retrenchment fund* itu dapat menyelamatkan dan mengumpul dana yang besar dan kita dapat agihkan kepada rakyat.

Dana ini tidak semestinya di Kelantan dapat, di Negeri Sembilan dapat, di Sabah dan Sarawak pun dapat. Saya ambil daripada Thailand bila mana implementasinya dibuat *retrenchment fund* ini saya ungkapkan kerana inilah sumber yang boleh menyelamatkan rakyat. Dia tidak mengira siapa, India, Cina, Melayu, Kadazan, Iban, siapa yang terlibat dalam proses pembuangan kerja akan diberikan tabungan ini dan tabungan ini *diutilizekan* dengan cara yang begitu konsisten iaitu ambil RM1 daripada majikan, ambil RM1 daripada pekerja dan kerajaan yang bagi RM550 juta untuk buat latihan dan sebagainya, manfaatnya siapa? Yang manfaatnya pelatih yang membuat latihan itu. Ini yang manfaatnya.

Akan tetapi adakah tabungan itu merakyatkan ekonomi pekerja? Ini tidak, susah sangatkah saya ulang balik susah sangatkah hendak mengadakan *retrenchment fund* ini? Susah sangatkah untuk menyelamatkan hampir enam juta pekerja tempatan dan 11.3 juta pekerja seluruh negara ini dibela dalam bentuk yang ada dalam sistem yang cukup comel, yang boleh dirujuk kepada negara lain untuk kita memastikan rakyat kita terbela?

Tidak adakah inisiatif kerajaan untuk memikir secara kalau bicara soal kerja, soal hak rakyat, rakyat nombor satu. Apabila kita bincangkan untuk bilakah hendak dibuat, tunggu dahulu. Tunggunya bila? Macam levi. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, sedikit saya ambil masa.

Levi Menteri Kewangan kata dibayar oleh majikan tetapi apabila Menteri Sumber Manusia kata dibayar oleh pekerja. Saya pun keliru mana yang betul. Akhirnya saya kata tanggung-langgang dasar yang dibuat tetapi diutarakan di dalam Dewan yang mulia ini. Menteri cakap satu hal, Menteri Kewangan cakap satu hal, mana yang betul? Akan tetapi yang jelas dan tegasnya itu adalah satu sumber yang harus disegerakan.

Saya percaya dengan permohonan EPF, dengan *retrenchment fund* disegerakan, dengan levi yang dikenakan berlipat kali dibayar oleh majikan. Lagi satu saya ingin mengulas daripada apa yang dibicarakan oleh Yang Berhormat Sri Gading pagi tadi dalam soal bagaimana kita hendak mempertahankan. Saya hendak bangun tidak dapat Tuan Yang di-Pertua, saya

hendak luahkan juga iaitu bagaimana kita hendak memastikan bahawa masalah sosial, masalah pekerja asing ini dapat kita kawal.

Saya hendak cadangkan satu sahaja, kenakan hukuman kepada majikan yang ambil mereka yang bekerja. Kalau dia buat nakal, dia buat jenayah, majikan bertanggungjawab atas hukuman, dua dalam satu. Begitulah majikan akan terkencing takut. Kalau tidak melaunglah apa laungan sekalipun, tidak bergegar Pulau Samudera, tidak runtuh Gunung Kinabalu seperti mana yang Sabah dan Sarawak bicarakan dan Yang Berhormat Sri Gading bicarakan, macam mana kita hendak kawal? Hendak kawal senang sahaja, hukum dan tangkap pekerja itu, hukum juga majikannya. Habislah dia punya sistem itu iaitu sistem makan sama rata, duduk sama rendah, berdiri sama tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu memanjangkan bicara namun jelas dan tegas bahawa pindaan ini sama sekali saya memohon supaya dikaji semula dengan *efficiency* nya dan jangan diberi pada satu kuasa. Ianya akan memberikan mudarat kepada mereka yang di bawahnya dan saya percaya serta memohon supaya kementerian mengkaji semula dalam rang undang-undang pindaan yang dibuat dalam tahun 1995 Akta 533 yang dibuat pembentangan pada dua hari yang lepas, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Keningau.
12.37 tgh.

Datu Seri Joseph Pairin Kitingan [Keningau]: Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberi kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan untuk meminda Akta Hasil Dalam Negeri.

Tentu sekali dalam Dewan yang mulia ini kita sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat haruslah dan telah pun berkali-kali diberi peringatan bahawa apa yang kita bawa ke dalam Dewan ini adalah berasaskan yang benar dan yang betul dan bukan sangkaan yang tidak berasas sama sekali ataupun sama sekali tidak melihat rekod-rekod yang memang sudah sedia dibentuk oleh sistem kerajaan dan mahupun apa yang telah diutarakan dalam surat khabar.

Dalam hal yang ada berkaitan dengan sumber pendapatan negeri, saya mengetahui bahawa ianya sentiasa terbuka, ianya sentiasa *transparent* kerana itu adalah kutipan-kutipan yang dilakukan oleh jentera kerajaan berasaskan sistem yang telah sedia wujud sekian lama dan saya tidak nampak di manakah tempatnya kita tidak *transparent*.

Sumber pendapatan daripada setiap negeri dibentangkan setiap tahun di dalam Dewan Undangan Negeri masing-masing dan dalam perkara yang lain Tuan Yang di-Pertua ialah fakta mengenai dengan perkara tindakan kerajaan terhadap usaha untuk mengatasi masalah kemiskinan dan khususnya miskin tegar di negeri Sabah.

Sebenarnya angka kemiskinan memang sudah menurun apatah lagi kemiskinan tegar di mana pada tahun 2004 angka itu miskin tegar adalah lebih kurang 30,000 ketua isi rumah termiskin dan sekarang sudah menurun kepada lebih daripada 17,000. Jadi ini bererti bahawa

pihak kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan telah pun mengambil langkah-langkah tertentu untuk menurunkan dan mengambil langkah-langkah dan berusaha bersungguh-sungguh untuk mengatasi masalah miskin tegar ini.

■1240

Ini menunjukkan keprihatinan daripada kedua-dua peringkat kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan. Apatah lagi dengan kerjasama dan keprihatinan daripada Kerajaan Persekutuan dengan persetujuan untuk membekalkan peruntukan untuk mewujudkan Sistem Agropolitan ini.

Datuk Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Minta jalan sedikit.

Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan [Keningau]: Dan juga untuk memberi peruntukan, menyediakan kemudahan-kemudahan tertentu di dalam kawasan Agropolitan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat.

Datuk Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Saya dengar daripada Yang Berhormat Keningau, bekas Ketua Menteri Sabah yang saya hormati mengatakan bahawa kemiskinan telah turun. Ini data yang baru saya terima, baru dua hari daripada Unit Perancang Ekonomi, JPM.

Sabah, isi rumah sebanyak 56,162, bukan 32,000. Peratus dalam bajet dahulu 23%. Sekarang ini telah mendaki kepada 26.3%. Mana yang betul?

Datu Seri Joseph Pairin Kitingan [Keningau]: Tuan Yang di-Pertua, tentu sekali angka yang telah disebut sebentar tadi itu adalah langkah mungkin mengenai dengan kemiskinan pada keseluruhannya. Apa yang pasti di sini ialah bahawa tumpuan perhatian kita menjelang tahun 2010 adalah untuk memastikan supaya masalah kemiskinan tegar ini ditiadakan.

Ini adalah satu usaha yang suci murni dan bukan mudah untuk dilakukan. Namun, langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan adalah mengarah kepada objektif itu. Dalam apa sahaja angka yang ada, sekarang ini apa yang saya sebutkan itu adalah menunjukkan bahawa ketua isi rumah miskin tegar ini sudah memang menurun. Apatah lagi dengan usaha Kerajaan Persekutuan membantu dalam membekalkan peruntukan dan kerajaan negeri membekalkan tanah untuk mewujudkan kawasan untuk dipindah ketua-ketua ataupun keluarga isi rumah termiskin ini ke tempat yang disediakan dan terus disediakan dengan perumahan dan juga kemudahan-kemudahan seperti jalan raya, elektrik, dan juga air.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: *[Bangun]*

Datu Seri Joseph Pairin Kitingan [Keningau]: Dengan adanya tanah yang dibekalkan oleh kerajaan negeri itu, urusan ekonomi untuk rakyat termiskin ini telah dipastikan. Dengan adanya pendekatan seperti yang baru ini, kita mengharapkan dan itu tujuan kita supaya menjelang penghujung tahun 2010 ini, tidak ada lagi masalah yang kita katakan miskin tegar ini.

Sekali gus juga kita mengharapkan kemiskinan pada keseluruhannya akan juga menurun. Ini bererti bahawa pihak kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan benar-benar memberi tumpuan, perhatian terhadap masalah rakyat pada keseluruhannya. Apatah lagi dengan adanya Rancangan Sabah Development Corridor yang telah disediakan untuk memastikan supaya semua dan keseluruhan wilayah negeri Sabah ini dapat dibangunkan dengan teratur, tersusun dan dengan bantuan kewangan daripada Kerajaan Persekutuan ...

Seorang Ahli: Mohon ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Datu Seri Joseph Pairin Kitingan [Keningau]: Tentu sekali kita akan melihat perubahan positif di negeri Sabah ini. Bagi ...

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Minta sedikit penjelasan.

Datu Seri Joseph Pairin Kitingan [Keningau]: Tidak boleh beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Okey.

Datu Seri Joseph Pairin Kitingan [Keningau]: Bagi pihak yang berkenaan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tuaran bangun di belakang Yang Berhormat.

Datu Seri Joseph Pairin Kitingan [Keningau]: Oh, saudara kita. Okeylah. *[Ketawa]*

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Terima kasih Yang Berhormat dari Keningau. Saya merujuk kepada statistik kemiskinan tegar yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Keningau tadi. Ini soal Sabah ya. Saya ingin menarik perhatian dalam soal membasmi kemiskinan di luar bandar, di Sabah ini.

Satu perkara spesifik, satu ketika dahulu kerajaan negeri, ini bukan masa Yang Berhormat Keningaulah. Kawasan-kawasan perhutanan di Sabah ini telah dibahagi-bahagikan dalam satu kotak yang dikenali sebagai (FMU) *Forest Management Unit*. Apabila kawasan ini diberi kepada syarikat-syarikat tertentu, saya juga dalam Kabinet pada masa itu. Saya khuatir dan telah merakamkan kekhuatiran saya, bahawa apabila kawasan-kawasan FMU ini diserahkan kepada syarikat, kampung-kampung dan rakyat di luar bandar yang terperangkap dalam FMU ini akan mengalami hidup yang susah.

Saya telah melawat Tuan Yang di-Pertua beberapa kawasan kampung yang terperangkap dalam FMU ini. Kalau dahulu semasa kawasan ini menjadi *forest reserve*, ia dikendalikan oleh kerajaan mereka agak bebas untuk bercucuk tanam, berburu, menggunakan kayu-kayan untuk perumahan. Akan tetapi, sekarang ini kampung-kampung yang terperangkap ini, mereka ini dilarang untuk bercucuk tanam atas alasan kawasan itu sudah dalam FMU. Kayu-kayu akasia mangium yang mereka tanam sendiri 20 tahun, 30 tahun yang lalu tidak lagi boleh ditebang untuk membuat perkakas rumah.

Jadi, saya lihat beberapa kampung yang saya lawat ini, Tuan Yang di-Pertua kehidupan mereka tidak berubah ke hadapan, tetapi *reverse* kerana dia ...

Datu Seri Joseph Pairin Kitingan [Keningau]: Soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Ini penjelasan. Saya mohonlah oleh kerana Yang Berhormat Keningau ini dalam Kabinet. Kalau boleh ini dibawa dalam mesyuarat yang kita telah...

Datu Seri Joseph Pairin Kitingan [Keningau]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli Yang Berhormat...

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Jadi, ini...

Datu Seri Joseph Pairin Kitingan [Keningau]: Saya fikir...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli Yang Berhormat, kaitkan sedikit dengan Lembaga Hasil Yang Berhormat.

Datu Seri Joseph Pairin Kitingan [Keningau]: Ini bukanlah dalam Dewan Undangan Negeri. Oleh sebab itu, saya fikir ini sudah terlari daripada tajuk yang kita tujukan.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Saya telah bawa ini dalam forum negeri tetapi *respond* nya tidak banyak. Jadi, saya kira ini adalah forum yang terbaik untuk saya bawakan kerana ini melibatkan dengan isu kemiskinan.

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Bincang dalam kampunglah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Saya sokong Yang Berhormat Tuaran.

Datu Seri Joseph Pairin Kitingan [Keningau]: Terima kasih.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan lagi Yang Berhormat? Yang Berhormat Shah Alam bangun.

Datu Seri Joseph Pairin Kitingan [Keningau]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Boleh beri laluan sedikit sahaja? Soalan juga.

Datu Seri Joseph Pairin Kitingan [Keningau]: Masa mahu habis dah.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Cukup masa, cukup masa. Seminit sahaja.

Datu Seri Joseph Pairin Kitingan [Keningau]: Jadi, Tuan Yang di-Pertua ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak bagi jalan. Tidak bagi jalan Yang Berhormat. Duduklah.

Datu Seri Joseph Pairin Kitingan [Keningau]: Perkara yang ada kaitan dengan hasil negeri memang semua adalah tercatat di dalam rekod yang dibentangkan pada setiap tahun

dalam Dewan Undangan Negeri. Segala butir-butiran itu mesti ada di dalamnya. Jadi, saya fikir itu bukan satu persoalan.

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Minta penjelasan.

Datu Seri Joseph Pairin Kitingan [Keningau]: Kita telah membangkitkan di sini supaya kita dapat gambaran yang benar mengenai dengan kedudukan Program Membasmi Kemiskinan Tegar khususnya. Saya telah pun memberi gambaran bahawa ianya adalah dalam perhatian kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan yang begitu mendalam sekali dengan usaha untuk menumpukan perhatian supaya dapatlah kita membasmi kemiskinan tegar ini menjelang tahun 2010. Segala urusan perancangan telah pun disediakan.

Seperti mana yang saya bangkitkan juga sebentar tadi, kita mempunyai perancangan *Blueprint Sabah Development Corridor* yang memberi tumpuan, perhatian terhadap bukan sahaja pembangunan infrastruktur dan juga ekonomi negeri Sabah, tetapi khususnya untuk memastikan...

■1250

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Minta penjelasan.

Datu Seri Joseph Pairin Kitingan [Keningau]: Supaya untuk memastikan penduduk-penduduk negeri Sabah ini mendapat tambahan peluang pekerjaan dan sebagainya. Ini bererti bahawa kerajaan Barisan Nasional negeri dan kerajaan Barisan Nasional persekutuan mempunyai penuh tumpuan perhatian untuk memastikan masa depan rakyat itu akan terus membangun dan dalam keadaan yang lebih baik daripada yang sudah-sudah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat? Yang Berhormat Sepanggar bangun.

Datu Seri Joseph Pairin Kitingan [Keningau]: Walaupun ada yang membangkitkan bahawa keadaan sekarang lebih teruk itu adalah kenyataan politik kerana mereka yang mengeluarkan hujah-hujah seperti ini telah pun bersama-sama dengan Kerajaan Barisan Nasional sekian lama dan tidak pernah membangkitkan perkara seperti ini hanya sekarang ini mereka sudah terkeluar daripada Barisan Nasional barulah membawa masalah seperti ini...

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tak bagi jalan Yang Berhormat.

Datu Seri Joseph Pairin Kitingan [Keningau]: ...untuk memainkan politik...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduklah Yang Berhormat Sepanggar.

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Ya, kalau tidak...

Datu Seri Joseph Pairin Kitingan [Keningau]: ...di dalam Dewan Parlimen. Jadi Tuan Yang di-Pertua mengenai dengan apa yang kita bentang hari ini iaitu pemindahan dalam dua perkara itu saya fikir ini adalah masih dalam kuasa lembaga dan bukan seperti mana yang

dikatakan tadi ada tujuan untuk merumitkan lagi peranan ahli lembaga seolah-olah ada tujuan untuk memperketatkan lagi kuasa kerajaan sehingga sampai tersebut perkataan diktator. Saya fikir itu jauh daripadanya dan saya di sini menyokong pindaan yang dibentangkan.

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Sebelum itu minta penjelasan.

Datu Seri Joseph Pairin Kitingan [Keningau]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah habis sudah. Yang Berhormat Pokok Sena.

12.52 tgh.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua bagi kesempatan kepada saya. Saya pun tak tau apa rasional kerajaan memberikan keutamaan kepada pembentangan rang undang-undang ini dan menarik balik dua rang undang-undang yang sebelum ini yang dianggap sebagai tidak menjadi satu keperluan kerana bagi saya bahawa rang undang-undang ini juga merupakan bukan satu keperluan kepada kita untuk membahas pada kali ini.

Namun begitu apa yang saya hendak tegaskan sebelum saya masuk ke rang undang-undang ini ialah keutamaan yang harus diberikan oleh pihak kerajaan sekarang ini ialah selain daripada memastikan kutipan hasil dalam negeri itu dapat ditingkatkan ia ialah untuk memastikan bagaimana pengurusan perbelanjaan pendapatan hasil dalam negeri yang telah diperolehi oleh kerajaan itu dapat dibelanjakan secara yang terbaik untuk memastikan keberkesannya sampai kepada manfaat yang besar kepada masyarakat dan kepada rakyat dalam negara kita kerana apa yang kita lihat pada hari ini bahawa banyak hasil yang dipungut oleh pihak kerajaan tetapi langsung tidak mengambil kira persoalan-persoalan hak dan kepentingan masyarakat dan rakyat yang ada di dalam negara kita.

Apatah lagi dalam konteks demokrasi umpamanya saya katakan bahawa di negeri-negeri yang diperintah oleh Pakatan Rakyat hasil yang dipungut oleh Kerajaan Pusat ini tetap terus dipungut daripada rakyat di dalam negeri tersebut tetapi bagaimana apabila kerajaan di peringkat negeri-negeri yang diperintah oleh Pakatan Rakyat dan juga agensi-agensi kerajaan negeri termasuk kami Ahli-ahli Parlimen dan ADUN-ADUN daripada Pakatan Rakyat di negeri-negeri ini dan juga di negeri-negeri yang bukan diperintah oleh Pakatan Rakyat dinafikan hak dari sudut untuk sekurang-kurangnya selain daripada peruntukan tetapi saya lihat bahawa umpamanya sehingga kepada peringkat untuk menandatangani bagi *recommendation* kepada apa-apa permohonan daripada rakyat dalam kawasan kami ataupun negeri-negeri yang diperintah oleh Pakatan Rakyat dinafikan.

Ini bagi saya bahawa suatu yang tidak sewajarnya. Seolah-olahnya macam menafikan dari sudut demokrasinya bahawa hak rakyat dari negeri tersebut yang berhak untuk memilih mana-mana parti untuk menerajui kerajaan di negeri tersebut.

Tuan Ahmad Maslan: [Menyampuk]

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Ya Yang Berhormat Pontian ada apa? Sudah habis menoreh? Ini penoreh profesional. Saya sambut baik Yang Berhormat Pontian turun menoreh, menebas rumput. Jadi saya ingat boleh teruskan. Di sana ada jawatan kosong ketua tukang kebun di Manek Urai. *[Ketawa]* Ketua tukang kebun di Manek Urai di KESEDAR kan Yang Berhormat Pengkalan Chepa? Ya, di KESEDAR ada ketua tukang kebun. *[Ketawa]* Yang Berhormat Batu Pahat pun boleh.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Ketua penoreh, ketua penoreh.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Jadi ketua penoreh Yang Berhormat Batu Pahat. Ketua penolong penoreh Yang Berhormat Pontian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu Pahat dia Timbalan Menteri tak boleh menyampuk.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Ya dia tidak boleh menyampuk sebab saya kasihkan dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tak payah usik dia Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Saya minta kalau boleh dia datang ke sini dia pun ada ketagihan. Dia sudah ada satu ketagihan untuk bercakap. Gian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tak payah usik dia Yang Berhormat, tak payah usik dia.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Lebih kurang macam penagih dadah jugalah. Baik, terima kasih. Sebab itu saya katakan bahawa umpamanya satu arahan pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani membuat satu pekeliling baru kepada agensi-agensi kerajaan di bawah kementerian supaya sebarang peruntukan yang hendak disalurkan kepada mana-mana peserta dalam projek-projek pertanian di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ini hanya boleh di *recommendation* oleh JKKP di negeri-negeri yang diperintah oleh Pakatan Rakyat kemudian di peringkat negeri-negeri lain ialah JKK dan di negeri Kelantan ialah Penyelia Pembangunan Mukim (PPM) untuk negeri Kelantan.

Jadi sebelum ini saya lihat bahawa dia masih lagi memberikan ruang untuk MKK iaitu Majlis Ketua Kampung di negeri Kedah, JKK di negeri-negeri lain yang diperintah oleh Pakatan Rakyat malah ada satu borang daripada MADA. Sebelum keluar pekeliling ini masih terdapat satu borang yang berkaitan dengan peruntukan untuk petani-petani yang hendak menjalankan usahawan-usahawan kecil ini peruntukan bantuan RM5,000 kalau tidak silap saya masih lagi dibenarkan ialah Ahli Parlimen untuk menandatangani borang-borang tersebut dan sebelum daripada pekeliling ini dikeluarkan saya telah menandatangani hampir 100 borang tetapi akhirnya bila pekeliling ini dikeluarkan bermasalah kepada petani-petani yang telah pun mendapat tandatangan saya terpaksa pergi balik kepada JKKP dan juga pihak-pihak yang lain.

Jadi bagi saya bahawa sudahlah menafikan hak Ahli Parlimen itu sendiri dan juga hak agensi-agensi kerajaan negeri yang lain di peringkat negeri yang diperintah oleh Pakatan Rakyat tetapi menyusahkan dan menyulitkan rakyat khususnya petani-petani. Dia hendak pergi cari orang itu pula, hendak cari orang ini pula dan sebagainya.

Jadi bagi saya bahawa apalah kerajaan sampai kepada peringkat ini menunjukkan satu sikap bebal mereka akibat daripada...

Beberapa Ahli: *[Tepuk]*

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: ...kekalahan dalam pilihan raya. Sepatutnya kita sudah setahun lebih daripada tempoh tahun 2008 Pilihan Raya Umum yang lalu. Sepatutnya pihak kerajaan sudah boleh *reduce* kemarahannya, kekecewaannya, dan supaya kembali insaf bagaimana untuk mencari faktor penarik bagi orang menyokong Barisan Nasional seperti mana yang disebut oleh Timbalan Perdana Menteri sebelum pemilihan UMNO yang lalu beliau mengatakan bahawa UMNO Barisan Nasional sudah hilang faktor penarik. Jadi sepatutnya hendak cari faktor penarik bukan buat perkara yang boleh menyebabkan orang marah lagi kepada Barisan Nasional. Akan tetapi persoalan itu saya boleh bersetuju orang marah pada Barisan Nasional akhirnya orang tak undi Barisan Nasional tapi saya lebih pentingkan ialah apa yang disebutkan sebagai rakyat didahulukan.

Beberapa Ahli: Ya!

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Kenapa kita tidak boleh mendahulukan rakyat? Kami juga merupakan wakil rakyat merupakan sebahagian daripada rakyat Malaysia. Ini persoalan yang harus dilihat oleh pihak kerajaan dalam memastikan supaya pengagihan, pengurusan, penyaluran segala hasil yang dipungut oleh Kerajaan Pusat kepada rakyat ini dapat berlangsung secara yang lebih baik, secara yang lebih adil kecuali kalau kerajaan boleh mengisytiharkan, mengemukakan satu rang undang-undang pada sidang ini ataupun pada sidang akan datang negeri-negeri yang diperintah oleh Pakatan Rakyat dan mana-mana penyokong Pakatan Rakyat tidak perlu dan tidak wajib untuk bayar cukai kepada kerajaan.
[Tepuk]

Saya rasa itu satu yang wajar. Kita boleh bersetuju. Kemukakan rang undang-undang, kami akan menyokong. Kita tidak akan bantah. Saya percaya bahawa semua orang akan menyokong. Ahli-ahli Parlimen daripada Pakatan Rakyat akan menyokong rang undang-undang untuk membatalkan syarat wajib rakyat yang menyokong Pakatan Rakyat daripada membayar cukai kepada pihak Kerajaan Persekutuan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Panjang lagi Yang Berhormat?

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Panjang lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sambung petang.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ini ditempohkan sehingga pukul 2.30 petang ini.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.32 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pokok Sena sudah ada kah? Sudah dua hari?

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak cukup kuorum.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak hitung pun.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Hanya Yang Berhormat Batu Pahat sini.

Tuan Yang di-Pertua: Sila bunyikan loceng.

[Loceng dibunyikan]

Tuan Yang di-Pertua: Okey, sila Yang Berhormat Pokok Sena.

2.34 ptg.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua mengizinkan saya untuk menyambung. Tadi Tuan Yang di-Pertua masuk-masuk tadi terkejut tengok saya. Sudah dua hari? Saya kata sudah dua hari. Jangan tambah pula Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Masa berlalu terlampau cepat.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Ya, ya, ya. Akan tetapi saya orang yang menghormati Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua suruh saya keluar, gantung saya, saya keluar. Saya tidak seret Tuan Yang di-Pertua keluar dengan kerusi-kerusi. Saya tidak bawa samseng jalanan seret. Ada orang SMS kat saya suruh buat *report* polis terhadap Speaker. Saya kata jangan, Speaker saya hormati dia ada kuasa. Saya menghormati Speaker yang ada kuasa.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila. Yang ini dia meminta hujah panjang-panjang. Sila, sila.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: *[Ketawa]* Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya balik kepada penghujahan saya sebelah sesi pagi tadi.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Apa Yang Berhormat Batu Pahat? Yang Berhormat Batu Pahat ini Tuan Yang di-Pertua, dia memang tidak berasa seronok duduk sebelah sana. Dia seronok sebelah sini. Dia tidak boleh bercakap. Saya pun kasihan dengan dia. Jiwa dia tertekan. *[Ketawa]*

Dia dahulu begitu lantang menentang PPSMI, sekarang tertekan. Jadi payah pada dia. Dia tidak sejiwa dengan dia duduk sebelah sana. Jadi saya rasa Tuan Yang di-Pertua rekomenlah pada dia balik sini. *[Ketawa]* Yang Berhormat Tangga Batu balik sana. Yang Berhormat Batu Pahat sini, Yang Berhormat Tangga Batu sana. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila terus, sila.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Baik, berkaitan dengan soal pengurusan kewangan. Sebelum saya menyentuh secara spesifik berkaitan dengan fasal-fasal yang dipinda dalam rang undang-undang ini. Umpamanya macam saya katakan tadi bahawa ada satu tambahan. Sekarang ini kenapa kerajaan mahu membelanjakan kewangan yang lebih sedangkan kerajaan boleh menggunakan kakitangan-kakitangan kerajaan negeri, kita kerjasama dengan kerajaan negeri untuk memastikan penyaluran peruntukan, pembangunan projek-projek seperti mana yang dibuat sebelum ini. Umpamanya di negeri-negeri Pakatan Rakyat memerintah.

Kalau sebelum itu di negeri Kedah memang Kerajaan Pusat dalam hendak membelanjakan kewangannya menggunakan jentera kerajaan di peringkat negeri. Akan tetapi apabila kita mengambil alih lalu jentera kerajaan sudah jadi berbeza. Kalau dahulu kita menggunakan jentera kerajaan di pejabat daerah, sekarang kita gunakan satu *instrument* baru iaitu ada DO baru, ada ADO baru, ada JKK baru.

Jadi saya katakan bahawa ini sudah memperlihatkan bahawa kita tidak menggunakan wang pungutan dari hasil dalam negeri itu sebaik mungkin untuk memastikan penjimatan dia kemudian memastikan bahawa segala peruntukan perbelanjaan itu berlaku, berjalan sampai kepada rakyat bukan kepada untuk memberikan elaun ataupun gaji kepada orang-orang yang kita lantik kerana kepentingan-kepentingan politik ini. Jadi bagi saya ini menunjukkan bahawa kita tidak menggunakan wang peruntukan yang dipungut dari hasil dalam negeri untuk pastikan supaya satu perbelanjaan yang berhemat, yang cermat bagi memastikan bahawa setiap yang kita berbelanja itu boleh memberikan kesan kepada perkembangan peningkatan taraf hidup di kalangan masyarakat dan rakyat dalam negara kita.

Begitu juga kita lihat bahawa saya tidak nampak bahawa kerajaan serius untuk melihat bagaimana program-program pembangunan atau program-program yang bersifat latihan modal insan dan sebagainya. Umpamanya contoh dalam PLKN saya tidak sempat untuk berucap dalam PLKN kerana saya digantung dua hari tempoh hari. Ini kerana bagi saya, sepatutnya PLKN ini sama ada dihapuskan atau dirombak atau dibuat sesuatu yang lebih baik...

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Minta penjelasan sedikit.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Untuk pastikan supaya satu perbelanjaan wang rakyat ini dapat dilihat keberkesannya dalam usaha untuk kita mengatasi masalah-masalah yang berbangkit selepas daripada kita membuat PLKN, sila.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya balik kepada masalah pembaziran pertindihan jawatan. Di Kelantan dahulunya sebelum PAS mengambil alih memerintah, waktu Barisan dahulu ia menggunakan Pegawai Penyelaras Pembangunan seorang sahaja dan di salur melalui pegawai-pegawai federal; JKR

pegawai federal, pertanian pegawai federal, perhutanan federal, perikanan federal, haiwan federal, JPS federal – *concurrent government*. Ini disalurkan begitu. Jadi apabila kita mengambil alih pemerintahan ia membentuk satu Jabatan Pembangunan Persekutuan. Belanja saya dapat data-data tidak kurang daripada - gaji sahaja RM250 juta setahun. Tidakkah ini pembaziran? Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Ya, saya kira bahawa sepatutnya kerajaan yang meletakkan slogan 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan' sepatutnya melihat bahawa inilah masa untuk kita melihat bagaimana menstrukturkan semula perbelanjaan kita. Kita tidak boleh macam saya katakan pada pagi tadi kerana kepentingan politik bebal kita, lalu kita menyalahgunakan kuasa yang ada pada kita hanya untuk kepentingan politik.

■ 1440

Bagi saya bahawa apa yang disebut oleh Yang Berhormat Pengkalan Chepa tadi cukup jelas bahawa satu pembaziran yang cukup besar. Itu di negeri Kelantan. Sekarang sudah ada Kedah, Pulau Pinang dan juga Selangor. Jadi sudah tentu bahawa ia akan berlaku peningkatan perbelanjaan yang lebih besar daripada, tak kurang daripada RM1 bilion. Sudah tentu ini sangat merugikan kita.

Jadi saya berbalik kepada soal PLKN tadi, saya katakan bahawa, seumpamanya cadangan pindaan yang dibawa datang ke sini bahawa hendak buang denda dan juga penjara kepada khidmat masyarakat. Jadi maknanya selepas ini siapa pun tak payah pergilah PLKN sebab dia tahu tidak ada denda dan penjara, jadi dia pergi kepada khidmat masyarakat. Jadi saya bukan nak persoalkan itu sangat tetapi saya lihat bahawa tidak ada satu yang lebih konkrit untuk nak dilihat bahawa apa sebenarnya yang kita nak daripada PLKN.

Jadi akhirnya kita telah membelanjakan RM3.2 bilion seperti mana disebut oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan, RM3.2 bilion dalam tempoh lima tahun untuk PLKN. Sekarang kita dok terfikir sekarang ini apa keberkesanannya kepada 400,000 nak dipanggil balik 417,000 peserta PLKN yang telah dilatih ini hendak dipanggil balik dan di *check*. Kemudian kata Menteri pula bahawa hendak diwujudkan satu Jawatankuasa Penasihat dan Pemantau Tempatan melalui penglibatan 222 UMNO bahagian seluruh negara.

Jadi saya fikir bahawa ini sudah tentu akan membabitkan kepada perbelanjaan yang lebih. Kita tidak menggunakan satu-satu peruntukan yang sepatutnya kita melihat keberkesanan yang lebih baik kepada soal pembinaan, pembangunan mereka ini tadi, kepada budak-budak iaitu mereka lepasan sekolah. Sebab bagi saya Tuan Yang di-Pertua bahawa untuk nak mengatasi masalah moral mereka, masalah akhlak, masalah lepak, ini asas penubuhan PLKN satu ketika dulu iaitu isu lepak. Mana mungkin tiga bulan kita selesai masalah kepada mereka sedangkan daripada Darjah Satu hingga Tingkatan Lima kita gagal untuk membentuk mereka, lalu tiga bulan kita hendak menyelesaikan masalah.

Sebab itu bagi saya bahawa akhirnya kita akan mensia-siakan satu tempoh dan juga satu bentuk perbelanjaan yang begitu besar seperti mana saya sebutkan tadi RM3.2 bilion akhirnya menjadi satu kerugian. Objektif yang kita hasratkan untuk kita capai itu pun tidak akan tercapai dan berlakulah pembaziran. Jadi sebab itu wang rakyat yang kita pungut daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri ini tidak diurus secara yang terbaik dan ini sudah tentu akan memberikan kesan yang lebih buruk kepada masa depan khususnya dalam kita berhadapan dengan masalah krisis ekonomi yang kita hadapi sekarang ini.

Kemudian akhir sekali yang saya hendak sentuh berbalik kepada isu pokok dalam rang undang-undang ini ialah begitu juga saya hendak mempersoalkan bahawa bagaimana kerajaan boleh dalam peruntukan-peruntukan yang telah diberikan kepada negeri-negeri umpamanya. Umpamanya saya lihat bahawa negeri Pahang, mungkin setiap tahun kerajaan telah memperuntukkan kepada negeri Pahang, kerajaan diperintah oleh kerajaan Barisan Nasional. Akan tetapi baru-baru ini kita lihat bahawa mahkamah memerintah supaya Kerajaan Pahang bayar RM63 juta. Jadi walaupun mendapat perintah mahkamah untuk menanggungkan pembayaran tersebut tetapi saya hendak katakan bahawa, nak menunjukkan bahawa dia tak bayar kenapa, tak ada duit kah, mana pergi duit itu, duit yang diperuntukkan oleh Kerajaan Pusat sendiri kepada pihak kerajaan negeri dan juga hasil dalam negeri. Jadi ini soal kecekapan yang harus diutamakan oleh pihak kerajaan.

Jadi akhirnya ialah perkara pokok bahawa saya bersependapat dengan rakan-rakan saya tadi khususnya daripada Yang Berhormat Kuala Langat bahawa tidak wajar rang undang-undang ini dibentangkan, ia bukan satu keutamaan, ia bukan satu keperluan. Apatah lagi dibentangkan untuk merampas ataupun mengambil alih kuasa Lembaga Hasil Dalam Negeri ini, kuasa-kuasa anggota lembaga iaitu mereka boleh dijadikan keputusan tanpa ada satu-satu mesyuarat lembaga. Jadi bagi saya bahawa kenapa sedangkan sebelum ini lembaga boleh bermesyuarat, boleh membuat keputusan. Kenapa perlu kita ambil kuasa lembaga ini untuk diletakkan kepada kuasa Menteri dan juga pihak pengurusan iaitu Menteri dan juga pihak pengurusan di peringkat operasi, ketua pengarah dan juga jentera di peringkat Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Jadi apa rasionalnya saya hendak tanya di sini. Walaupun saya tidak sokong, apa rasionalnya, munasabahnya untuk kita merampas kuasa lembaga ini, apakah ada muslihat di sebalik ini seperti mana yang disebut oleh rakan-rakan iaitu Yang Berhormat Kuala Langat juga tadi bahawa macam tahun yang lalu, RM1 bilion telah di *waive* kan ataupun dihapus kira kepada mereka-mereka yang tertentu akibat daripada kegagalan mereka dan juga kegagalan pihak LHDN untuk memungut hasil cukai pendapatan daripada mereka.

Pertama, saya hendak minta senarai siapa di kalangan mereka itu yang telah di *waive* kan sebanyak RM1 bilion itu, individunya, syarikatnya, kita minta kerajaan supaya menyenaraikan mereka yang telah di *waive* kan sebanyak RM1 bilion.

Yang keduanya ialah ini akan menimbulkan persepsi yang tidak baik kepada pihak kerajaan kerana dibimbangi bagi saya bahawa orang akan melihat bahawa ini ada agenda politik. Mungkin ramai orang politik daripada UMNO dan Barisan Nasional yang tidak boleh nak bayar cukai pendapatan, lalu inilah masa ambil kesempatan iaitu kuasa Menteri tanpa perlu disemak oleh lembaga. Sepatutnya kuasa Menteri itu harus disemak oleh lembaga, kuasa pengurusan harus disemak oleh lembaga.

Jadi sekarang ini tidak ada kuasa untuk disemak. Jadi kuasa Menteri boleh untuk lupuskan, untuk hapuskan, untuk *waive* kan mana-mana mereka yang tidak mampu ataupun gagal untuk membayar cukai pendapatan. Tambah-tambah saya bimbang bahawa Menteri Kewangan – Presiden UMNO, Menteri Kewangan II – Bendahari UMNO. Jadi ini satu perkara yang saya kira bahawa dibimbangi bahawa akan ada kepentingan-kepentingan politik.

Sebab itu saya minta Tuan Yang di-Pertua, kerajaan harus membentangkan siapa di kalangan mereka yang telah di *waive* kan, dihapuskan sebanyak RM1 bilion pada tahun yang lalu. Kita nak lihat siapa di kalangan mereka sebab benda ini boleh berlaku. Kalau seseorang itu cukai sampai RM100 juta, dia kata kalau pihak LHDN, menteri bagi hapuskan RM100 juta ini, RM10 juta saya bagi kepada UMNO, boleh jadi, kita nak tahu juga. Kita nak tahu, kalau RM100 juta dia boleh lupus, RM10 juta, maknanya dia boleh untung lagi RM90 juta. Ini satu benda yang tidak mustahil boleh berlaku. Sebab itu saya cukup meragui dan saya sangat tidak menyenangi apabila menghapuskan kuasa lembaga ini.

Apabila menghapuskan kuasa lembaga, bermakna memberikan kuasa penuh kepada pihak pengurusan yang hanya akan berurusan dengan pihak Menteri, pihak operasi akan berurusan dengan pihak Menteri dan menteri akan buat keputusan, hanya perlu sampai melalui SMS kepada ahli lembaga. Itu menunjukkan tanda persetujuan, itu yang saya boleh faham daripada apa yang telah diperuntukkan, yang dicadangkan oleh pihak kerajaan dalam meminda rang undang-undang ini.

Jadi sebab itu saya minta kerajaan tarik balik dan saya mohon untuk tidak menyokong pindaan rang undang-undang. Sekian, terima kasih. [*Tepuk*]

2.48 ptg.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya ingin menyentuh satu dua perkara mengenai dengan akta ini tetapi sebelum itu saya ingin mengulangi apa yang telah saya nyatakan apabila saya minta ruang penjelasan daripada Yang Berhormat Kota Belud iaitu menjurus kepada peruntukan 4a seperti juga yang disentuh oleh Yang Berhormat Pokok Sena tadi. Iaitu perkara pertama ialah peruntukan 4(a) ini dinyatakan bahawa sesuatu ketetapan dianggap telah diluluskan seperti yang dikatakan tadi jika semua anggota lembaga telah diberitahu mengenai ketetapan atau usaha yang munasabah. Ini perkataan munasabah, tadi disentuh oleh Yang Berhormat Pokok Sena, SMS itu sesuai atau tidak. Jadi ini yang menjadi persoalan.

Saya bersetuju Tuan Yang di-Pertua, satu lembaga yang penting sekali yang dipertanggungjawab untuk menguruskan kutipan hasil dalam negara kita ini. Cara lembaga bermesyuarat ini agak begitu longgar. Selain daripada peruntukan 4A(a) ini, 4A(b) juga mengatakan keputusan oleh *resolution by circular* juga dibenarkan seperti yang diterangkan oleh Menteri. Jadi satu lembaga yang mengendalikan kutipan wang negara ini dibenarkan seperti ini, seperti yang telah saya katakan hanya prosesnya seolah-olah seperti sebuah syarikat sendirian berhad sahaja yang membolehkan *circular resolution*.

Jadi saya juga turut merayu agar peruntukan ini dipertimbangkan semula oleh kerajaan kerana ini akan menjadi persoalan kerana kita ini *this the custodian* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *the custodian of the country* dan harus diperketatkan.

■1450

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang disentuh oleh beberapa Yang Berhormat, dalam keadaan kemelesetan ekonomi negara ini, sudah tentunya persoalan mengenai dengan keberkesanan oleh lembaga ini untuk memungut hasil negara ini menjadi perbualan penting di mana kerajaan harus mendapat jalan bagaimana untuk memungut sebanyak boleh pendapatan melalui percukaian.

Kita sedia maklum bahawa sekarang ini masih tinggi dengan izin, *it's an open secret* Tuan Yang di-Pertua, bahawasanya masih tinggi peratusan *taxable income*, dengan izin di negara ini yang masih berleluasa, yang tidak dapat dicukai oleh sebab beberapa cara. Kita tahu bahawa masih ramai lagi tanpa menyentuh mana-mana pihak, masih ramai pihak yang cuba dan telah lari daripada cukai ataupun *taxation*. Memang saya faham Tuan Yang di-Pertua bahawa pihak lembaga mempunyai *handicap* dalam beberapa perkara untuk mengesan pihak-pihak tertentu.

Saya ingin cadangkan di sini kalau boleh pihak lembaga meng *adopt* kan sistem *informers* iaitu pelapor dan *informers* ini diberi ganjaran - *ratio* peratusan jumlah cukai yang diperoleh. Saya percaya bahawa ramai yang menawar diri untuk maklumkan kepada lembaga mana-mana pihak yang sengaja melarikan diri daripada membayar cukai. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh satu dua perkara iaitu soal pemungutan cukai. Satu gejala yang melanda negara kita ini adalah kewujudan judi haram, empat ekor atau empat digit haram yang berleluasa di seluruh negara.

Saya hairan Tuan Yang di-Pertua, ini adalah menjadi pengetahuan umum tetapi nampaknya mereka ini masih dapat beroperasi secara meluas di sana sini. Bukan sahaja di bandar-bandar tetapi saya lihat di luar bandar, kita lihat agen-agen mereka ini di kampung-kampung dengan motosikalnya, dengan *note book* yang *simplenya* memungut wang dari mereka yang berminat untuk membeli nombor gelap ini. Apabila saya melawat di kawasan saya Tuan Yang di-Pertua, di pelosok kampung-kampung, saya lihat budak-budak pakai motosikal menjual

nombor dan mereka ini mendapat keuntungan yang begitu tinggi tetapi tidak ada satu sen pun cukai yang dipungut oleh kerajaan.

Saya pernah juga ditawarkan, “*YB mahu beli empat nomborkah?. Hari Sabtu ini ada special draw*”. Saya ingat saya di kampung mana beli nombor. Saya ingat ada di sini, dengan *notebook* saya. Memanglah Yang Berhormat, saya tahu ini haram saya tidak beli lagipun saya tidak minat. Tuan Yang di-Pertua, saya percaya pendapatan ini kalau dapat dicukai, kerajaan akan dapat bilion ringgit tetapi nampaknya mereka ini dibiarkan. Adalah komen-komen bahawa ada pihak-pihak tertentu melindungi kegiatan ini. Masih berleluasa dan saya percaya saya tidak tahu di Semenanjung tetapi setiap hari hampir setiap pekan di Sabah ini ada sahaja dia punya agen-agen ini berjalan di kampung-kampung.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, ini gejala ah long. Kita tahu baru-baru ini along telah melebihi batas di mana mereka yang gagal membayar ini dirantai berbulan-bulan.

Dato’ Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat Tuaran. Boleh?

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Boleh.

Dato’ Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Tuaran ada mengatakan tentang judi haram dan kita minta supaya satu jalan dibuat untuk memastikan bahawa pendapatan mereka ini dicukai, dipungut dan sebagainya.

Saya ingin tanya kepada Tuaran dan minta penjelasan, kenapa orang sukakan judi haram ini? Apakah kerana sistem ataupun perkhidmatan mereka itu lebih baik daripada yang judi halal ini. Apakah... [Disampuk] Terma sahaja, terma, “halal”. Kalau itulah masalahnya, sebab yang saya tahu...

Tuan Yang di-Pertua: Istilah Yang Berhormat, istilah. Istilah yang digunakan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh kelmarin judi yang berlesen.

Dato’ Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Dia lebih tahu Tuan Yang di-Pertua sebab dia pernah jadi Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Dato’ Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Ya, kalau itulah Tuan Yang di-Pertua masalahnya, kalau perkhidmatan itu orang ramai suka kepada judi haram ini kerana perkhidmatannya mungkin *delivery systemnya*, kemenangannya boleh dihantar ke mana sahaja, mungkin boleh dihantar ke luar negara atau pun bermacam-macam jenislah. Servis perkhidmatan yang dibuat oleh operator judi tak berlesen ini.

Jadi saya ingin tanya pandangan Yang Berhormat Tuaran, kalau inilah masalahnya, mungkin syarikat-syarikat yang mempunyai lesen judi “halal” ini atau berlesen ini perlu inovatif, mencari jalan bagaimana pelanggan-pelanggan ini tidak pergi kepada judi haram dan pergi kepada mereka. Apa pandangan Yang Berhormat Tuaran?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuaran. Tadi Yang Berhormat Kota Belud ada bangkitkan soal judi atau sindiket judi yang tidak

berlesen. Seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuaran tadi ada berhubung kait dengan empat ekor yang haram.

Akan tetapi untuk empat ekor ini dia ada alternatif. Dia ada empat ekor yang berlesen di mana boleh pergi kedai dan tikam empat ekor itu, tetapi kita ada lagi satu fenomena yang mana tidak bayar cukai iaitu judi untuk perlawanan bola sepak, untuk sukan dan sebagainya. Ini tidak ada alternatif langsung sebab kalau hendak *betting* untuk satu perlawanan bola sepak dan perkara ini berlaku di *open secret* di Malaysia. Tidak ada alternatif. Maka apabila tidak ada alternatif, maka mereka akan terus dengan *illegal bookie* atau *bookie* yang haram. Satu, gejala ini berleluasa, yang keduanya cukai tidak didapati dan mereka akan pergi ke *internet* dan juga *illegal bookie*. Apakah pandangan Yang Berhormat Tuaran tentang masalah ini? Untuk masalah empat ekor itu dia ada alternatif iaitu yang berlesen. Untuk sukan tidak ada alternatif. Apa yang patut kerajaan buat?

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Belud dan Yang Berhormat Rembau.

Tuan Yang di-Pertua ada mengatakan bahawa istilah judi dengan *betting* ini berlainan. Dalam permainan golf, kadang-kadang kita jumpa dengan pegawai kerajaan, “*Eh you are betting?*,” dengan izin. “*You are gambling?*” “*No no Tan Sri, we are only betting.*” Jadi tadi disentuh oleh Yang Berhormat Rembau, berjudi dengan empat ekor dan sukan ini mungkin dilihat sebagai istilah yang berlainan. *Betting* ke atas sukan itu mungkin senang untuk dicari jalan untuk di *legalise*. Saya difahamkan Singapore ini dibenarkan ya Yang Berhormat?

Jadi kalau sukan ini lain ceritalah Tuan Yang di-Pertua, mungkin boleh dibincang. Akan tetapi mengenai dengan empat ekor yang disentuh oleh Yang Berhormat Kota Belud ini, ada orang mengatakan bahawa manusia ini mempunyai *natural tendency* dengan izin, untuk berjudi. Kalau dibendung pun dia berjudi juga. Jadi soal tentang *delivery system* itu. Kalau saya lihat, kalau kena hujung minggu ini Tuan Yang di-Pertua, di kedai-kedai kecil kita lihat kawan-kawan ini berbaris ikut barisanlah ambil nombor. Ada juga kawan-kawan ini malu dilihat oleh kawan untuk berbaris membeli nombor, jadi mereka ke tempat nombor ekor yang tidak berlesen.

Soal *delivery system* ini agak *interesting*. Kalau seorang itu *strike* atau kena nombor yang berlesen ini kena juga balik kepada *booth*, *small number* dia panggil *booth*. Malu juga, dia pegawai kerajaan. Akan tetapi kalau gelap ini yang tidak berlesen ini, operator ini sendiri dia bawa *cash* itu ke kampung, ke rumah dia. Itu satu. Kedua kalau beli nombor yang berlesen ini RM1 kena *tax* 20 sen, yang gelap ini RM1 itulah RM1 Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, pokok persoalan ini yang saya ingin sentuhkan. Kalau ini hanya berfikir secara *wild thinking*, dengan izin. Kalau pihak kerajaan tidak bendung hal ini kerana kalau tidak kasi lesen sahaja mereka ini. Bukan saya galakkan berlesen tetapi kita telah suarakan. Tolonglah banteras perkara ini kerana ia mengaut pendapatan mereka di kampung-kampung. Isteri jual sayur, separuh itu dibuang kepada perjudian. Ada kesnya. Rumah tangga ini kucar kacir ya, porak

peranda oleh sebab perjudian ini. Suami tidak tahu, isteri tinggal di rumah dan mereka yang menjual ini pujuk-pujuk untuk beli. Tolonglah nombor ini selalu keluar dan sebagainya.

■1500

Jadi saya berdiri ini bukan mencadangkan untuk melesenkan empat ekor yang tidak berlesen ini, tapi tolonglah bendung. Kalau kita katakan bahawa perjudian ini haram, seperti ini, tolong ambil tindakan. Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, adalah masalah ah long tadi, saya telah melihat kesan along ini di mana-mana. Saya lihat di kawasan saya sendiri, satu ketika dulu ada seorang suami datang kepada saya merayu, rumahnya diganggu oleh along, isterinya diganggu.

Apabila isterinya diganggu, suaminya pun bingung, jadi hujung-hujung "*Yang Berhormat tolong bayar saya punya hutang along*" ini banyak Tuan Yang di-Pertua. Hutang satu ribu kena bayar empat, lima ribu. Jadi secara prinsip anak kita ada wang pun, kita tidak dapat tolong, ini hutang punya masalah. Jadi kita bertanya kepada pihak yang berkenaan, kenapa ah long ini dibiarkan, adakah ini satu kegiatan yang sah, tetapi ada yang maklumat dan juga komen kepada kita daripada pihak tertentu mengatakan bahawa, kalau rakyat sudah tahu inilah modus operandi along ini, kenapa pergi berhutang?

Jadi pendekatan penjelasan itu Tuan Yang di-Pertua, adalah negatif. Tidak menerangkan bahawa ini salah dan sebagainya. Saya terbaca dan melihat gambar dua orang yang dirantai oleh ah long ini, dua bulan sampai begitu sekali. Saya pun kenal beberapa orang di mana terpaksa lari daripada kawasan dia, hilang entah ke mana. Isteri ditinggalkan di rumah kerana diburu oleh a long ini. Apabila si berhutang itu lari, along ini kejar dia punya adik, dia punya kakak, dia punya saudara dan tidak akan berhenti dan bunga itu, *interest* itu sentiasa berjalan.

Jadi saya merayu kepada kerajaan, tolonglah banteras gejala yang melanda rakyat kita ini. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh satu perkara lagi iaitu mengenai dengan percukaian ke atas pekerja asing. Kita tahu bahawa beberapa sektor di negara kita ini menggunakan pekerja asing, adakah cukai yang dikenakan kepada mereka ini sama atau setimpal dengan cukai yang dikenakan kepada rakyat Malaysia sendiri.

Kita tahu bahawa pekerja asing ini, setiap bulan mereka remit pendapatan mereka ke negara asing, sama ada percukaian itu diatur dengan baik ke atas mereka ini sama dengan cukai yang dikenakan kepada rakyat Malaysia. Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, ini soal tentang pihak tertentu yang lari daripada membayar cukai dan sebagainya. Satu perkara yang saya tahu ialah mengenai dengan dalam sektor *fishing industry*, industri perikanan di mana kita dapat maklumat bahawa ada kapal-kapal daripada negara lain, daripada China dan sebagainya, masuk ke perairan negara kita ini dan memancing secara haram. Mereka ini komisenkan beberapa bot kecil, tetapi *mother ship*nya tetap tinggal di *international water*. Apabila tangkapan ini dibuat daripada bot-bot kecil ini, mereka terus datang ke *mother ship*, memunggah ikan itu kepada *mother ship*, dan balik kepada negara mereka tanpa membayar apa-apa cukai kepada negara

kita ini. Jadi saya mohon penjelasan daripada kerajaan sama ada ini masih lagi terdapat kerana perairan Sabah ini berlaku daripada China, daripada Vietnam.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Minta laluan, boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya nak tanya pendapat Tuaran, rata-rata rakan kita di Dewan ini, bercerita ataupun menyuarakan pandangan yang masalah kita pada hari ini, berkenaan *under statement of income* dengan izin. Iaitu terkurang lapor ataupun sengaja melarikan cukai seperti yang disebut oleh Tuaran tadi, termasuk dalam kes-kes juga yang disokong oleh usaha-usaha penyelewengan, rasuah dan ada setengah disebut sebagai *kick back expenses*, bayar kepada syarikat-syarikat tertentu untuk tujuan dipulangkan semula keuntungan itu kepada syarikat yang menawarkan khidmat itu.

Kita ada masalah untuk menilai mana yang penting, sama ada nak membanteras perkara ini, ataupun meningkatkan keefisienan ataupun kecekapan proses, ataupun tugas memungut cukai oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri. Oleh sebab itu, rang undang-undang yang kita bincangkan ini dan nak diluluskan ini hanya menyentuh secara spesifik berkenaan dengan perkara-perkara yang menyentuh terhadap Ahli Lembaga Pengarah, Lembaga Hasil Dalam Negeri, bukannya operasi penguatkuasaan pengutipan cukai dan sebagainya, oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri sebagai enjin ataupun jabatan ataupun lembaga itu sebagai enjin mengutip cukai.

Ini kerana apa yang diperbincangkan ini, cuma berkenaan dengan kedudukan Ahli Lembaga Pengarah, tujuh orang yang dilantik oleh kerajaan, sebagai penasihat kepada lembaga itu sendiri. Apa yang dibentangkan ini cukup ringkas, untuk menghadkan jumlah bilangan bermesyuarat, menghadkan bidang kuasa untuk menerima satu resolusi, tanpa memanggil mesyuarat mengikut kuorum dan sebagainya. Ini adalah satu perkara yang cukup tidak signifikan untuk kita bawa berbincang dua hari, sedangkan yang hendak kita putuskan hanyalah perkara 2a(i) dan sebagainya.

Ini perkara yang cukup mudah, sedangkan masalah yang kita hadapi sekarang di bincang oleh semua Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, semuanya menyentuh kebimbangan, kerugian pendapatan kerajaan disebabkan oleh wujudnya aktiviti-aktiviti seperti yang saya katakan tadi, di dalam ruang lingkup *under statement of income*, atau pun juga kurangnya keefisienan undang-undang cukai kita, dari segi kegiatan ataupun tanggungjawab untuk mengutip hasil itu sendiri, macam mana pandangan Tuaran? Terima kasih.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Yang Berhormat, itulah tadi Tuan Yang di-Pertua, walaupun *amendment* ini hanya melibatkan beberapa *clause*, tetapi isu tadi iaitu kekerapan mesyuarat lembaga itu ada kaitan dengan operasi lembaga itu. Selepas itu, cara bermesyuarat, keputusan melalui *secular resolution* dan sebagainya, ataupun *just* dengan izin *just inform* kepada Ahli-ahli Lembaga, kerana kalau lembaga itu bermesyuarat sekali sebulan seperti dulu.

Permasalahan kekurangan *inefficiency* juga semua komen-komen itu boleh dibincang dalam lembaga, itu sebabnya kita tidak lari daripada menyentuh tentang perkara operasinya. Jadi itulah, saya hanya menyentuh beberapa perkara tadi, dan saya tidak menyentuh tentang perkara lain, hanya fokus hujah saya ini, hanyalah berkisar kepada perkara di mana masih banyak lagi, hasil-hasil *potential* hasil yang *taxable income*, dengan izin, boleh dipungut.

Saya akui bahawa dalam beberapa tahun kebelakangan ini, pihak lembaga telah mempertingkatkan kegiatan mereka untuk memungut cukai, termasuklah *raiding* premis-premis persyarikatan. Selain daripada itu juga, pihak respons daripada lembaga daripada perhubungan dengan pembayar cukai itu, telah meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya katakan di sini, masih banyak ruang yang masih boleh dipungut, umpamanya kereta-kereta yang disediakan oleh syarikat kepada Ahli Lembaga mereka kepada Pengerusi, banyak syarikat menyediakan kereta kepada Pengerusi Lembaga. Sebenarnya penggunaan kereta itu *is taxable* ini di luar dari gaji rasmi Pengerusi. Dalam syarikat yang saya Pengerusikan, penggunaan kereta yang sebenar itu, *reported to income tax*, dan gaji saya dipotong dengan kadar peratusan berapa lama saya gunakan kereta.

Ini satu model yang bagus, tapi saya khuatir sama ada semua syarikat ini menggunakan kaedah seperti ini Tuan Yang di-Pertua, masih banyak ruang ini, dengan izin, *the used the official car, is taxable*. Akan tetapi saya khuatir sama ada syarikat-syarikat ini mengamalkan amalan seperti ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingat itu sahajalah saya ingin katakan, apa yang saya rumuskan ialah, kita masih ada ruang untuk mempertingkatkan keberkesanan efisiensi lembaga ini. Jadi dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kuala Selangor.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dia saya nampak kepingin sangat untuk berucap kerana kelmarin tidak dapat berucap sama kelmarin dulu. Sila teruskan.

■ 1510

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Saya merakamkan setinggi-tinggi jutaan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya juga rasa terpanggil untuk berucap. Walaupun seringkas mana pun, tetapi dalam perkara yang dibentangkan oleh kerajaan dalam rang undang-undang sebutan suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995.

Tuan Yang di-Pertua, berlatarbelakangkan kedudukan yang berdepan dengan pelbagai kegawatan, kegawatan ekonomi, pemberontakan, perundangan, politik dan kehakiman. Saya memerhatikan satu pembentangan Rang Undang-undang LHDN ini yang tidak sama sekali membayangkan keprihatinan kerajaan. *[Tepuk]* Di mana kalau kita lihat, apa yang hendak diminta persetujuan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, dan kita memuliakan Dewan ini Tuan Yang di-Pertua, maka rang undang-undang ini sewajarnya membayangkan dan mencerminkan kemuliaan Dewan ini.

Apa yang dipinta adalah pada akhirnya hanya pindaan terhadap kekerapan atau lebih tepat di sana dikatakan, tujuan untuk membenarkan Lembaga bermesyuarat sekali dalam tiap-tiap dua bulan berbanding dengan sekurang-kurangnya sekali sebulan sebagaimana yang dikehendaki oleh peruntukan yang sedia ada. Tuan Yang di-Pertua, LHDN ini yang bukan hanya tanggungjawabnya mengurus pendapatan negara, bahkan juga terlibat dalam pelaburan seperti mana kalau kita baca dalam laporan balas Ketua Audit Negara. Kalau kita perhatikan di sana, ada kegiatan-kegiatan pelaburannya seumpama yang disebutkan di sana. Tentang bagaimana pada tahun akhir 2007, *Crown Agent Investment Management Limited* mengurus sejumlah 419 juta pelaburan untuk Kerajaan Malaysia yang diizinkan ataupun yang disetujui oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia atau JANM.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga ini adalah cukup penting dalam membawa, mengisi dan melunaskan dengan izin *fiduciary role* ataupun pertanggungjawaban pengurusan kewangan negara. Namun, tatkala dibentangkan hanya pindaan-pindaan seperti ini, ini cukup mengecewakan rakyat khususnya Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Pakatan Rakyat di sebelah sini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sebutkan, Lembaga ini yang seharusnya bertanggungjawab terhadap segala *taxation policy*. Sahabat-sahabat saya telah menyebutkan bagaimana satu *policy* yang benar-benar dapat membayangkan keadilan dalam satu *taxation* yang cerdik pandai, melakukan *tax evaluation* dan segala *maneuvering* yang telah disebutkan sebentar tadi. Namun yang saya hendak sebutkan, kalau hanya pindaan ini yang dipinta, termasuklah juga satu persetujuan melalui *secular resolution* sahaja, perkara ini adalah cukup mengaibkan dan bertentangan dengan semangat Lembaga ini, Tuan Yang di-Pertua. Kerana apa? Kerana *secular resolution* ini Tuan Yang di-Pertua.

Saya juga pernah menjadi seorang pengarah sebuah *PLC main board* di Bursa dan saya tahu bahawa kalau *secular resolution* ini, ia adalah bersangkutan dengan hanya perkara-perkara *operational*. Namun di sini, LHDN mengurus tidak kurang saya kira 1,189 bilion kalau tidak silap saya, jumlah dana yang mereka urus. Hari ini, Yang Berhormat Menteri meminta ahli-ahli yang mereka lantik memberikan seumpama satu *blank cheque* dengan hanya *secular resolution*, Tuan Yang di-Pertua. Ini perkara yang perlu dirakamkan sebagai teras dan premis kepada penolakan kami atas pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita perhatikan, terdapat perkara-perkara seperti tunggakan-tunggakan bayaran pinjaman badan-badan berkanun, syarikat-syarikat kerajaan dan bukan kerajaan yang kesemuanya menantikan supaya *revenue* dan pendapatan negara diurus tadbir dengan baik. Malangnya yang kita terima adalah hanya pindaan seperti ini.

Saya ingin menyebutkan pada tahun 2007, sebanyak 46 ataupun bersamaan dengan 63.8% daripada 72 pinjaman yang disalurkan kepada syarikat-syarikat kerajaan dan bukan kerajaan mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman dengan tempoh tunggakan antara 6

hingga 18 bulan. Jumlahnya yang boleh saya baca di sini, akhir tahun 2007, tunggakan bayaran balik pinjaman adalah berjumlah RM10.62 bilion melibatkan ansuran tertunggak sebanyak 15 hingga 2,663 ansuran ataupun *installment*.

Tuan Yang di-Pertua, keseluruhan perkara ini menunjukkan kepada kita betapa dalam suasana yang berlatarbelakangkan segala yang menakutkan dan menggerunkan negara, yang sudah pun diakui mengalami kemelesetan dalam suku yang pertama tahun ini. Penguncupan sebanyak 6.2%. Apakah ini sahaja yang mampu Kerajaan Barisan Nasional bentangkan dalam Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua? Oleh kerana itu, sepakat kami di pihak Pakatan Rakyat mahu perkara ini ditimbang balik oleh kerajaan. Kalau tidak memang kami bantah dan tolak mentah-mentah 100%. [*Tepuk*]

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor. Kalau ikut penjelasan Yang Berhormat Kuala Selangor tadi Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini macam remeh sangat. Dibentangkan kepada satu sidang yang hanya ada 10 hari ini, yang banyak kita hendak buat, tetapi terpaksa menumpukan satu hari untuk ini.

Namun sedarkah Yang Berhormat Kuala Selangor bahawa sebenarnya pindaan ini tidak seremeh yang disangka. Dengan membolehkan *secular resolution* ini, sebenarnya satu kuasa yang cukup penting telah diambil daripada Lembaga ini dan diserahkan kepada orang tertentu. Ini bukan perkara kecil. Ada orang yang mendapat kuasa yang besar daripada pindaan ini. Bukan Lembaga dan saya mengesyaki Yang Berhormat Menteri Kewangan yang akan mendapat kuasa besar ini. Apa pandangan Yang Berhormat Kuala Selangor?

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua, saya cukup mengiktiraf pandangan sahabat saya daripada Kuala Krai sebentar tadi, kerana kalau pun kita tidak membuat tuduhan, tetapi yang tersirat dalam keseluruhan perkara ini adalah memberikan dan mengumpulkan kuasa kepada Yang Berhormat Menteri yang merupakan cara, sifat dan gelagat pengurusan kewangan di seluruh negara ini. Ini yang paling mengecewakan, Tuan Yang di-Pertua. Kita telah dengar beberapa bulan yang lalu betapa pengurusan pelaburan akhirnya berakhir dengan pelbagai yang disebutkan oleh penulis-penulis dalam majalah-majalah *financial* sebagai *bad decision*. Keputusan-keputusan buruk yang dilakukan oleh *bad governance* dan saya tambah oleh *bad leaders*.

Kalau hanya retorik, kita tengok sekarang ini apa yang berlaku kepada Maybank? Bangun kalau berani bercakap.

Beberapa Ahli: Bangun, bangun.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Keputusan yang dibuat, Tuan Yang di-Pertua, yang kami tentang pembelian empat kali ganda nilai buku, Bank BII, Bank Internasional Indonesia, dan begitu juga Bank Komersial Pakistan yang hari ini Maybank meringkuk mengalami kerugian-kerugian yang bukan hanya dari sudut *foreign exchangenya*, tetapi benar-

benar satu keputusan yang tidak cermat dari sudut *governancenya*. Sebab itu persoalan, perkara ini saya rasa terpanggil untuk bangun kerana tidak boleh diserahkan kepada orang-orang politik, kerana kalau mahu perkara itu... *[Disampuk]*

Apa benda ini? Hendak suruh lilit?

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Tuan Yang di-Pertua, jiwanya tertekan.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: *[Bangun]*

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Kuala Selangor, sedikit mohon penjelasan, Yang Berhormat Kuala Selangor.

Dr. Dzulkefly Ahmad: [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Balik Pulau mohon penjelasan sedikit. Boleh?

Dr. Dzulkefly Ahmad: [Kuala Selangor]: Ya, sila.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Tadi dikatakan bahawa kerisauan oleh Yang Berhormat Kuala Selangor itu merupakan satu retorik kepada andaian sesetengah pihak.

■1520

Saya melihat seksyen 6, Keanggotaan Lembaga ini. Pertama dia katakan lembaga hendaklah terdiri daripada anggota berikut:

- (i) Ketua Setiausaha Perbendaharaan;
- (ii) Peguam Negara, banyak masalah; dan
- (iii) Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

Tidak lebih daripada dua orang lain yang mewakili kerajaan yang hendaklah dilantik oleh Menteri. Ketika mana krisis politik negara merujuk kepada krisis kepimpinan. Saya tidak melihat mana lagi *safeguards*, dengan izin, untuk rakyat diyakini bahawa hasil titik peluh mereka yang dikutip yang mana mengambil kira hendak tolak duit susu anak, nafkah isteri itu ditadbir dengan baik. Jadi saya mohon penjelasan berdasarkan keanggotaan Lembaga itu.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua, inilah perkara yang paling kita takuti. Kita takut datangnya satu waktu di mana pembayar-pembayar cukai sudah tidak lagi beri keyakinan kepada pungutan cukai ini kerana wang yang mereka berikan dan serahkan kepada kerajaan diurus tadbir secara buruk seperti ini. Ini yang paling kita takuti. *The tax payer will no longer be willing to pay their tax* kerana pengurusan yang begini buruk oleh Kerajaan Barisan Nasional...

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Tambah sikit boleh?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Boleh saya?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Padang Besar.

Seorang Ahli: Pengerusi PAC pun nak....

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Saya tidak tahu hendak penjelasan atau tidak. Akan tetapi sebagai Pengerusi PAC dan semua yang ada dalam PAC, kita dapat *briefing* daripada Bank Negara, dan mengatakan bahawa urusan bank yang dibeli oleh Malayan Banking Indonesia menunjukkan prestasi yang tinggi dan mendapat keuntungan di Indonesia. Dari segi harga itu lain, itu *willing seller, willing buyer*. Akan tetapi dari segi prestasinya, ia menunjukkan keuntungan dan membantu dalam membawa keuntungan kepada Maybank.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua, Pengerusi PAC ini benar-benar mencari nahas sesungguhnya. Saya hanya boleh menyebut dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *Maybank is more complicated problems, having lost much of it last year following dubious investment in Pakistan, and its price acquisition of Bank International Indonesia after it is quite over 65% of Indonesia Bank at close four time its book value*. Ini analisis daripada 'Research Houses'. Kalau mahu tahu saya boleh sebutkan.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Itu pandangan sahaja.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *Business Time Magazine*. Memang semua pandangan. Akan tetapi ada yang lebih baik ...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *You* tidak boleh konder kerajaan pasal pandangan seorang analis.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Yang Berhormat Kota Belud, kalau berani betul-betul kita debat dalam satu tentang perkara ini sahaja. Apa yang berlaku Tuan Yang di-Pertua, PAC *Chairman* tolonglah tengok sikit. Dalam persoalan PKFZ yang mulanya harga RM1.96. Hari ini sudah membelon hampir RM12.8 bilion. Apa pengujahan yang hendak diberikan semasa Yang Berhormat Ipoh Timur yang saya rasa tidak kurang daripada lima, enam kali membangkitkan perkara ini. PKFZ tetap memberikan penafiannya. Akan tetapi hari ini dengan laporan yang diberikan oleh PricewaterhouseCoopers sudah tidak dapat lagi disangkal. Oleh kerana itu, inilah perkara yang besar Tuan Yang di-Pertua persoalan *governance*, persoalan urus tadbir yang baik yang merupakan satu perkara yang saya ingin sebutkan adalah *so enshrine* dalam al-Quran apabila Allah SWT menyebutkan dengan izin... [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] "*Dia (yakni Allah) yang menjadikan...*"

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Boleh saya...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: "*...kamu di muka bumi ini supaya kamu urus tadbir dan memakmurkan muka bumi ini*". Bukan dengan cara seperti ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk, saya banyak lagi perkara untuk saya

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Sikit. Berilah laluan.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Hendak bagi laluan? Sila, sila.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Terima kasih. Tentang PKFZ Tuan Yang di-Pertua kita akan kemukakan laporan kepada Parlimen dan Parlimen boleh buat keputusan. Minta maaf. Kedua, Maybank yang saya sebut, urusan Maybank di Indonesia, bank yang dibeli

itu menunjukkan prestasi yang baik ada dapat keuntungan. Di Pakistan itu tidak tahulah. Kalau hendak dikatakan bank itu meleset dan membawakan kemudaratan kepada Maybank itu satu perkara yang lain. Cuma saya hendak sebut bahawa laporan daripada Bank Negara mengatakan prestasinya baik di Indonesia.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Satu kenyataan yang saya ingin sangkal sama sekali Tuan Yang di-Pertua. Saya dalam *concluding* ataupun dalam rumusan perbahasan saya Tuan Yang di-Pertua, dalam suasana negara yang sedang mendepani pelbagai kemelut khusus ekonomi dan kewangan dan dengan unjuran. Apabila berlaku kemelesetan, dan tentunya akan berlaku dalam dua *technical quarter* ini Tuan Yang di-Pertua. Kita akan dapat membayangkan dan mengunjurkan bahawa *revenue* Lembaga Hasil Dalam Negeri akan tentunya menguncup dan terkesan. Tuan Yang di-Pertua, dalam suasana kegawatan ini adalah amat diperlukan supaya..., sekali lagi saya sebutkan *fiduciary role*, pertanggungjawaban urus tadbir kewangan yang baik adalah amat diperlukan untuk mengurus khazanah kekayaan negara ini yang sudah semakin punah dan musnah oleh *governance* yang buruk seperti saya sebutkan sebentar tadi.

Oleh kerana itu Tuan Yang di-Pertua, kalau kita ingin untuk terus meletakkan negara ini punya daya saing persoalan rasuah telah kerap kita sebutkan. Ini persoalan sebuah lembaga yang bertanggungjawab bukan hanya mengurus pendapatan tetapi juga melaburkan. Dia tidak boleh diberikan dengan pindaan yang semudah ini Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana itu saya memohon membangkang dan tidak menyokong pindaan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jasin

3.26 ptg.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi saya peluang untuk mengambil bahagian untuk sama-sama berbahas rang undang-undang untuk meminda Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri. Tuan Yang di-Pertua, akta yang kita bentangkan ini adalah cukup bertepatan sekali. Walau apa pun persepsi yang dibuat oleh pihak pembangkang sebenarnya LHDN ataupun Lembaga Hasil Dalam Negeri adalah sebuah agensi utama yang fungsinya adalah mengumpul hasil negara di bawah Kementerian Kewangan. Kementerian itu ada menteri, jadi memang cukup bertepatanlah. Bukan tujuan kerajaan untuk mengambil alih tugas dan tanggungjawab lembaga bahkan mereka *answerable* kepada menteri. Ini kerana ia di bawah Kementerian Kewangan. Jadi akta ini cukup bertepatan sekali. LHDN ataupun Lembaga Hasil dalam Negeri adalah sebuah daripada agensi yang telah menjalankan kerjanya dengan cukup terbaik dan telah terbukti.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Yang Berhormat, minta penjelasan sikit boleh?

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Jemput, jemput.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Saya hendak mengulang lagi sekali. Kalau boleh tujuan untuk memperjelaskan pemahaman kita terhadap

cadangan untuk pindaan rang undang-undang ini. Seperti yang dikatakan oleh semua rakan-rakan kita, tidak ada siapa pun pertikaian fungsi atau tanggungjawab Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Namun rang undang-undang ini tidak menyentuh berkenaan dengan isi kandungan operasi Lembaga Hasil Dalam Negeri. Dia Cuma menyentuh berkenaan dengan Ahli Lembaga Pengarah, tujuh orang yang dilantik itu sahaja. Sedangkan pada saya dan saya juga merasa agak terkilan sebab kita ingat dulu semasa Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri diwujudkan dan dikuatkuasakan pada 1 Mac 1996 dulu ada satu perkara yang penting iaitu *urgency agreement*. Di mana ahli-ahli atau organisasi Lembaga Hasil Dalam Negeri itu boleh mempunyai kuasa *financial autonomy*, dengan izin untuk menggunakan atau untuk *utilization*, dengan izin, menggunakan kutipan itu sebanyak 1% untuk kegunaan membangunkan organisasi Lembaga Hasil Dalam Negeri meningkatkan keupayaan untuk menggunakan dana itu.

Tapi tidak pernah dituntut dan tidak pernah diberi kuasa itu mempergunakan dana itu kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri sehingga sekarang. Ini satu isu yang cukup besar dan saya harap dan saya menjangkakan perkara ini dibawa sekurang-kurangnya dalam rang undang-undang dipinda dan dikuatkuasakan perkara ini kerana sudah tentu jumlah ini boleh mempertingkatkan keupayaan dan kecekapan Lembaga Hasil Dalam Negeri sebagai agen pengutipan cukai bagi pihak kerajaan Yang Berhormat. Terima kasih.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota. Sekurang-kurangnya Yang Berhormat Indera Mahkota cukup positif sekali. Apa pun yang diperkatakan oleh sahabat-sahabat yang lain tadi seolah-olah memperkecil ataupun meremehkan usaha kerajaan untuk memperkukuhkan akta yang sudah sedia ada. Sebenarnya akta yang kita hendak pinda pada ketika ini sebagai pelengkap kepada akta yang sedia ada tahun 1995.

■1530

Ini kerana sebelum ini, selain daripada lembaga seramai tujuh orang yang menjadi penasihat, kita dapat sekurang-kurangnya idea daripada Yang Berhormat, tentang apa juga hasil-hasil yang patut kita pungut.

Keduanya, kita hendak tengok supaya lembaga ini lebih efisien lagi menjalankan kerja dengan kuat kalau tidak, pada tahun lepas Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengumumkan bahawa kita telah berjaya mengutip sebanyak RM90.6 bilion daripada hasil pendapatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya melihat daripada buku bajet tahun 2009. Daripada buku bajet itu, jumlah unjuran kita, *revenue* sebanyak RM176 bilion.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan mesyuarat**]

Jumlah perbelanjaan kita sebanyak RM206 bilion, maknanya kita akan menghadapi satu defisit. Defisit ini akan terus melebar dalam keadaan ekonomi yang terus lembap. Apa yang saya hendak tekankan di sini, dalam buku bajet tersebut, jumlah *direct tax* ataupun cukai terus yang

akan kita dapati adalah sebanyak RM92.1 bilion yang mewakili sebanyak 52.3% daripada pendapatan negara. Jadi, ini menunjukkan bahawa lembaga ataupun agensi ini cukup penting. Ia memungut hasil dan memastikan supaya apa juga hasil mahsul negara, dapat kita gunakan bagi pembangunan ekonomi dan juga perbelanjaan negara.

Seterusnya, walaupun kita akan menghadapi defisit, tetapi seperti Yang Berhormat maklum, bahawa kita yakin kerajaan kita akan mengambil satu pendekatan iaitu bajet yang bersifat dengan izin *expansionary* dan kita bukan hendak buat macam dahulu punya. Bajet yang memang menyusahkan rakyat. Satu ketika dahulu Yang Berhormat Menteri Kewangan yang mengambil tindakan bajet *contractionary* yang menyusahkan orang. Walaupun kita akan menghadapi defisit, tetapi ini adalah satu keadaan yang kita jangka dalam keadaan ekonomi yang lembap.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi satu kemestian kepada agensi yang terlibat mengutip cukai supaya melipat gandakan usaha kita, supaya kita dapat memastikan kita dapat mempertingkatkan mutu...

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Jasin, minta sedikit penjelasan boleh tak? Sebab saya berminat dengan soalan bajet yang menyusahkan tadi itu. Sebab setahu saya, dalam sejarah ekonomi Malaysia hanya dua ketika, di mana negara mempunyai surplus. Betulkan saya fakta ini, kerana fakta itu diberi oleh MIER oleh Profesor Emeritus yang kita kenali itu.

Hanya dua ketika 1960-an itu saya tidak ingat. Akan tetapi yang saya ingat ialah sekitar awal 1990-an. Di mana negara ada surplus, selepas itu sudah tiada. Jadi saya sebagai rakyat, kalau hutang negara dapat dilangsaikan ada lebih saya rasa suatu perkara yang bagus. Jadi, saya hendak mungkin Jasin yang pakar ekonomi ini dapat menjelaskan di mana aspek yang menyusahkan beliau daripada dibebani hutang. Terima kasih.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya bukan pakar. Akan tetapi saya ingin mengambil bahagian dan memberikan sedikit penerangan.

Untuk maklumat, bahawa walaupun kita menghadapi keadaan ekonomi yang cukup meleset tetapi sistem kewangan kita berada dalam keadaan yang cukup sihat. Selain daripada rizab internasional kita berada pada tahap yang cukup meyakinkan. Kerajaan kita sebenarnya, walaupun menghadapi... kita akan menghadapi bajet pada tahun ini yang kita anggap dalam jangkaan 7% defisit. Namun ini adalah satu keadaan ekonomi yang kita jangkakan. Mana-mana kerajaan pun serupa. Bukan sahaja bahkan Malaysia, dianggap sebuah daripada negara, kita *top ten*, insya-Allah yang akan memulihkan kembali kegawatan yang kita hadapi pada ketika ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun sudah hilang apa yang saya sebut tadi. Seharusnya kita mahu melipat gandakan usaha mana-mana agensi yang terlibat dalam pungutan cukai. Cukai ini yang menjadi hasil yang pertama cukai pendapatan, cukai petroleum, cukai perniagaan dan korporat adalah di bawah Lembaga Hasil Negara. Kita ada lagi tiga cukai, dua cukai lagi iaitu

indirect tax daripada kastam, ini penting, hasil daripada eksport dan import. Yang ketiganya, hasil cukai daripada *non-tax revenue*. Ini macam-macamlah kita ambil daripada saman polis, daripada JPJ dan daripada Imigresen. Semua ini akan dikumpulkan di bawah Kementerian Kewangan. Itu yang Menteri sebut-sebut tadi. Menteri dikata, yang dianggap mempunyai kuasa mutlak. Namun sebagai Menteri, beliaulah sebenarnya mengepalai kementerian tersebut. Yang memastikan supaya, pendapatan kita dapat terus diurus dengan yang paling baik sekali.

Seterusnya, kita hendak memperlihatkan supaya mutu perkhidmatan LHDN selaras dengan misinya iaitu memberikan perkhidmatan percukaian yang berkualiti dan berintegriti ke arah meningkatkan pematuhan sukarela. Misi ini cukup luas sekali, bukan sahaja ia meliputi kepada LHDN, bahkan ia juga terlibat kepada rakyat awam yang mesti menunaikan tanggungjawab untuk melunaskan cukai.

Dalam konteks ini, bukan sahaja LHDN diperkukuhkan, dengan Lembaga Pengarah yang tujuh orang tadi yang berkemampuan dengan pengalaman dan juga kepakaran berserta dengan pengurusan dan kakitangan dan staf yang terlatih, supaya mereka diberikan latihan walaupun pada ketika ini kita mempunyai pusat latihan LHDN. Akan tetapi kita hendak lihat kalau boleh pegawai-pegawai dan staf kita ini didedahkan dengan teknik-teknik yang terbaru, kalau boleh kita *attach* kan mereka ke negara-negara lain.

Dalam masa yang sama, rakyat juga mesti dididik kerana kita mempunyai satu tanggungjawab besar bagi memastikan supaya bebanan hutang mesti kita bayar. Semua pendapatan yang bercukai mesti dilunaskan.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga ingin mengucapkan tahniah atas pendekatan sesi dialog secara berkala yang dianjurkan oleh LHDN, dengan pengamal percukaian, badan-badan profesional dan juga pembayar cukai. Apa yang menjadi isu pada ketika ini, saya hendak minta kalau boleh Yang Berhormat Menteri dapat memastikan supaya apa jua isu yang dibangkitkan dalam pertemuan dan sesi-sesi dialog yang diadakan secara berkala ini, dapat diambil tindakan ataupun senaraikan apa juga syor-syor yang kita tolak, supaya kita dapat mengetahui setakat manakah sebenarnya keberkesanan ataupun keefisienan LHDN itu sendiri.

Saya sebenarnya banyak menerima keluhan daripada pembayar-pembayar cukai terutamanya syarikat-syarikat yang mengalami kesan daripada kemurungan ekonomi pada ketika ini. Mereka sebenarnya mendakwa bahawa satu sistem yang tidak adil daripada pihak LHDN terutama dalam Sistem Kutipan Cukai Berjadual (PCB) di bawah seksyen 107 dan 107(c). Saya baca benda itu, mula-mula saya tidak faham. Selepas saya tanya betul-betul, baru saya nampak cukai semasa ini sebenarnya cukup membebankan. Apabila syarikat lambat menghantar sahaja, dia akan didenda 10%. Bayangkanlah, dalam keadaan aliran tunai yang cukup terjejas ketika ini, kalau kita bebaskan mereka ini adalah satu perkara yang cukup tidak sepatutnya. Ini kerana dalam keadaan sekarang adalah menjadi tanggungjawab kerajaan, kita membantu. Kerana pihak

swasta kalau ia tidak tambah perniagaan, tidak dapat keuntungan maka, ia tidak akan boleh menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan tidak boleh bayar cukai.

Seterusnya, dalam keadaan ekonomi sekarang, peranan LHDN adalah amat mencabar. Terutama sekali untuk membantu menambahkan pendapatan negara daripada hasil cukai.

■ 1540

Ini selari dengan slogan LHDN “Bersama Membangun Negara”. Kalau slogan inilah kita hendak melihat LHDN benar-benar insaf bahawa mereka memegang satu tanggungjawab yang cukup besar. Kita hendak tengok kalau boleh imej LHDN ini dapat ditukar. Walaupun suatu ketika dulu kita tengok KWSP tidak begitu *friendly* tetapi sekarang KWSP telah berubah kepada satu imej yang *customers oriented*, dengan izin. Kita hendak kalau boleh walaupun LHDN menganggap dia bukan *service oriented*. Orang yang datang ini bukan hendak minta *service* apa-apa pun, datang hendak bayar cukai sahaja. Kita mahu kalau boleh LHDN lebih dengan izin, *friendly* lagi supaya dapat memberi tunjuk ajar kepada pembayar cukai bagaimana untuk memenuhi borang, apa perkara yang boleh kita “larikan” cukai – *rebate*. Bukan kita lari daripada cukai, tidak, yang boleh dikecualikan daripada percukaian.

Seterusnya kitalah di antara negara yang mengenakan cukai korporat yang tertinggi. Seperti yang saya sebutkan tadi pihak swastalah yang amat penting kerana ia adalah satu daripada penjana ekonomi. Kalau boleh Yang Berhormat Menteri pertimbangkan permohonan mereka supaya cukai mereka ini dapat diturunkan.

Seterusnya berhubung dengan zakat. Saya pada suatu ketika hilang resit zakat yang asal. Saya tidak diberikan potongan. Apabila saya pergi ke pusat zakat negeri untuk berurusan dengan pejabat LHDN, saya dimaklumkan bahawa mereka tidak ada mempunyai rangkaian di antara pusat zakat dan juga Lembaga Hasil. Saya berharap supaya Yang Berhormat Menteri dapat melihat supaya semua pusat zakat negeri ini kita diselaraskan supaya kita *link* dengan LHDN. Jadi, apa juga pembayaran cukai atau zakat boleh dikecualikan daripada pembayaran cukai.

Saya hendak mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Hulu Langat yang mencadangkan supaya pekerja-pekerja asing ini dikenakan juga cukai. Saya telah dimaklumkan bahawa lebih kurang RM2 bilion daripada setahun setengah yang kedua pada tahun 2008 mengalir keluar wang kita ke negara asing, wang pembayaran gaji pekerja-pekerja asing.

Apa yang saya hendak sebutkan di sini ialah tentang wang EPF kerana saya salah seorang daripada pencarum. Saya pun hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat. Apa yang saya dimaklumkan bahawa wang RM5 bilion yang digunakan daripada KWSP untuk dipinjamkan kepada ValueCap dan dikenakan *interest* yang berpatutan satu pulangan kepada KWSP bukan ValueCap menggunakan wang KWSP sewenang-wenangnya. Itu maklumat yang saya dapat. Jadi, saya minta kalau boleh penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Saya rasa itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya rasa sudah cukup ramai Ahli-ahli yang berucap. Saya akan beri seorang sahaja kemudian selepas itu saya minta Menteri untuk menjawab. Yang Berhormat Wangsa Maju.

3.44 ptg.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua memberikan peluang saya untuk membahas akta ini untuk meminda Akta Hasil Dalam Negeri. Saya menyokong penuh dengan apa yang disebut oleh sahabat-sahabat daripada Pakatan Rakyat, khasnya daripada Kuala Selangor, Kuala Langat dan juga Indera Mahkota.

Saya ingin menarik perhatian kerajaan terhadap kegiatan-kegiatan haram yang mengancam kesejahteraan masyarakat kita seperti perjudian haram iaitu 4 Ekor, perjudian bola sepak, kegiatan along dan juga maksiat lain seperti pelacuran dan sebagainya. Saya percaya bahawa kegiatan perjudian haram bola sepak itu melibatkan berjuta-juta ringgi setiap hari. Cuba bayangkan berapa banyak wang cukai yang terlepas daripada kawalan pihak kerajaan.

Perjudian haram dan pelacuran adalah pekerjaan yang paling tua di mana pihak kerajaan tidak dapat mengawal sehingga kini. Kita sudah menjangkau era IT dan kegiatan perjudian haram ini telah menjadi lebih mudah dengan adanya *internet*. Pada hemat saya pihak kerajaan telah menghilangkan berjuta-juta ringgit wang cukai daripada kegiatan haram tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, punca kehilangan pendapatan cukai untuk kerajaan bukan terhad sahaja kepada akibat daripada perjudian haram, pelacuran dan kegiatan along. Gejala ini juga berpunca daripada kegiatan perniagaan haram melalui rasuah dan *kickback* atau komisen di mana projek atau kontrak kerajaan telah diberi kepada pihak yang tidak berkelayakan ataupun kepada pihak berkelayakan tunggal mereka hanya kerana perhubungan rapat mereka dengan para pemimpin parti-parti tertentu dan juga pegawai kerajaan.

Dalam keadaan ini dana kerajaan telah dibayar dengan cepat tanpa kawalan ataupun pemantauan kepada syarikat-syarikat palsu yang ditubuhkan di dalam dan di luar negara. Kononnya pembayaran itu adalah kerana perbelanjaan palsu tersebut untuk melaksanakan kerja-kerja yang telah diberikan oleh kerajaan. Sebenarnya perbelanjaan tersebut adalah komisen haram atau wang rasuah yang mengakibatkan kehilangan wang cukai kepada pihak kerajaan.

Saya ingin menarik perhatian pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri kepada perkara ini supaya kaedah dan jalan dapat dicari untuk mendapatkan kembali berjuta-juta ringgit yang hilang akibat aliran wang haram ini yang sebenarnya merupakan pendapatan dan keuntungan cukai. Saya harap pegawai-pegawai daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri akan memberi perhatian kepada fakta-fakta sebenar yang saya akan bentangkan kini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan Parlimen semalam mengenai suatu akta meminda Latihan Khidmat Negara 2009 saya telah mengucapkan betapa mudahnya dua orang warga asing dari Taiwan telah diberi kewarganegaraan Malaysia kerana perhubungan erat mereka dengan ahli politik tertentu. Dua orang warga Taiwan ini adalah Kuan Cheng O Jun Sai... Nombor IC... *[Memandang ke arah Menteri Pelancongan]* Ha, Menteri Pelancongan ada di sini. Nombor IC 560330-71-5044 dan anaknya Encik Chin Fook Onn nombor IC 850803-14-6689. Saya rasa Kementerian Pelancongan ini *very familiar*, dengan izin, dengan Chen O... ini.

Menteri Pelancongan [Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen]: *[Menyampuk]*

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Saya kata "kementerian". Hendak minta jalan?

Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen: *[Menyampuk]*

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tidak boleh. Kalau saya yang tanya saya yang jadi Menteri sekarang. *[Ketawa]* *[Tepuk]*

Seorang Ahli: Mikrofon. Mikrofon.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Sila...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Saya ini jadi Menteri atau...

■1550

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat katakan bahawa yang dua nama itu *familiar* dengan Kementerian Pelancongan.

Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Saya kata *familiar*. Ada *familiar* dengan dua-dua orang ini di dalam Kementerian Pelancongan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia hendak perjelaskan bahawa dia minta bukti, Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Nanti, ada peluang, ada peluang sebab saya belum habis lagi. Jangan, jangan...

Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: *I think it's a bit hot*. Saya rasa ini sangat panas. Saya tahu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, balik pergi *income tax*lah, Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ini memang mengenai dengan wang negara, hasil.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: *Income tax* itu.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Saya hendak cakap, kita hendak dapatkan wang ini balik untuk negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya bagi kelonggaran kepada Yang Berhormat, saya cuma kaitkan balik Yang Berhormat kepada *income tax* terutama kepada dua pindaan yang dicadangkan.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Memang ini... Saya juga harap kementerian dan khasnya kerajaan kita, Lembaga Hasil Dalam Negeri akan ambil tindakan supaya kita boleh dapatkan. Saya akan sebut di luar. Jangan bimbang, *guaranteed*.

Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen: [Menyampuk]

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Saya ada banyak lagi. Nanti, sabar, Menteri. [Ketawa] Belum sampai yang panas lagi ini. Puan Chen Yu Sai ini amat berkuasa kerana beliau boleh mendapat kontrak atau projek daripada Kerajaan Malaysia, khasnya Kementerian Pelancongan [Tepuk][Sorak] dan juga Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Pelancongan ini di dalam negeri dan di luar negeri termasuk khasnya di negeri China. [Tepuk] Orang ini juga boleh mengawal *management* untuk *Malaysia House* di Hong Kong. Kementerian Pelancongan juga menggunakan syarikat yang terlibat dengan orang ini...

Timbalan Menteri Pelajaran II [Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi]: [Bangun]

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Batu Pahat dia tidak dapat kontrak ini. Memang dia marah. Kalau dia dapat, dia takkan marah, tetapi projek-projek ini telah diberi kepada orang luar, orang asing, bukan rakyat Malaysia. Kalau diberi kepada Yang Berhormat Batu Pahat, saya tidak setuju tetapi saya boleh terima, dia orang Malaysia juga. Akan tetapi yang ini seperti menggadai negara kita kepada orang asing. [Disampuk] Saya rasa malu, Tuan Yang di-Pertua.

Ini bukanlah keistimewaan tunggal yang dapat diperolehi oleh kedua-dua orang Taiwan tersebut dengan hubungan rapat dan kedudukan mereka sebagai rakyat Malaysia yang baru. Kedua-dua orang ini telah menubuhkan banyak syarikat di Malaysia dengan menggunakan penama atau *nominee* atau nama-nama mereka sendiri sebagai pemegang saham dan pengarah. Pihak kerajaan, khasnya Kementerian Pelancongan, yang dikatakan tadi itu, dan juga Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan juga Kementerian Kesihatan yang beri *mobile clinic* – kesihatan pun dia dapat. Hebat atau tidak?

Dia telah dengan senang-senang meluluskan pemberian projek dan kontrak kepada syarikat yang dikawal secara langsung atau tidak langsung oleh Puan Chen Oyan Yun Shai – sama ada kawan yang rapat kepada Menteri tertentu, saya tidak tahu...

Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen: Tuan Yang di-Pertua, saya harap...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: ...Dan dia menggunakan anaknya...

Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen: Tuan Yang di-Pertua, saya harap Yang Berhormat cakap dengan bertanggungjawab.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Minta penjelasankah?

Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen: Kalau ada bukti, katalah. Jangan saya duduk di sini terus tanya saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak payah sindir-sindir Menteri, Yang Berhormat.

Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen: Ya, saya tanya sebab ini di depan...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat Wangsa Maju. Wangsa Maju...

Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Wangsa Maju, peraturan mesyuarat, Ahli tidak boleh menyentuh sifat seseorang Ahli yang lain.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Ya.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Saya kata...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat boleh berucap...

Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen: *[Menyampuk]*

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar, Yang Berhormat. Yang Berhormat boleh berucap tetapi jangan sindir dengan Menteri yang...

Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen: Jikalau tidak tahu, jangan tanya.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Saya kata...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak payah sindir.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tuan Yang di-Pertua, saya tahu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Lagipun Yang Berhormat, dalam peringkat ini, pindaan undang-undang, kita hanya dibenarkan membahaskan perkara-perkara yang hendak dipinda, tetapi saya bagi kelonggaran kepada Yang Berhormat tetapi saya tidak ingin Yang Berhormat jauh terpesong daripada pindaan rang undang-undang yang ada.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tuan Yang di-Pertua, tidak terpesong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dengar Yang Berhormat, dengar Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Saya tidak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya bagi kelonggaran kepada Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Okey, saya tidak akan tengok kepada Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak payah sebut nama. Yang Berhormat sebut nama Menteri. Tidak boleh, Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Saya akan tengok kepada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat tidak perlu sebut nama Menteri.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Saya tidak sebut...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak boleh menyentuh sifat seorang Ahli ketika berucap, Yang Berhormat, tidak boleh.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: ...Saya kata kementerian. Tuan Yang di-Pertua, saya kata Kementerian Pelancongan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak boleh, Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: ...Oleh kerana banyak wang di Kementerian Pelancongan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya boleh berhentikan Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: ...Telah keluar daripada... Telah disalurkan kepada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya harap Yang Berhormat balik kepada rang undang-undang.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ya, saya akan. Sebab ini melibatkan wang negara kita, wang hasil, wang rakyat, *tax-payer's money*.

Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Bukan semua dilambakkan dalam satu rang undang-undang. Rang undang-undang ini adalah rang undang-undang meminda dua seksyen.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Cukai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Mengikut peraturan mesyuarat hanya perkara yang hendak dipinda boleh dibahas.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ya, ini dasar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Akan tetapi saya bagi kelonggaran tetapi Yang Berhormat tidak perlu *abuse* kelonggaran yang saya bagi. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini peringkat dasar. Saya juga hendak menyentuh dan bercakap di sini bahawa *no taxation without representation* oleh kerana wang yang digunakan oleh semua kementerian sama ada Kementerian Pelancongan, Kementerian Kesihatan atau kementerian yang lain. Wang siapa? Termasuk Kementerian Pelajaran, Yang Berhormat Batu Pahat. Dia sudah senyap sekarang. Termasuk itu, semua wang rakyat, *tax-payer's money*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya Yang Berhormat, memang betul pun tetapi kalau Yang Berhormat baca 36(1), "*Seseorang Ahli Dewan apabila membahaskan rang undang-undang yang meminda akta induk, hanya perkara-perkara yang berkaitan rang undang-undang itu sahaja yang dibenarkan bercakap dan tidak kepada perkara yang melibatkan akta induk.*"

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Maknanya, *it's very clear*, hanya dua perkara yang hendak dipinda. Walau bagaimanapun, sepanjang semalam dan hari ini, kita telah memberi ruang yang besar dan luas untuk Ahli-ahli Yang Berhormat membahis isu ini. Okey.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tetapi akta ini terlibat dengan akta cukai, hasil dalam negeri dan juga ini melibatkan *tax-payer's money*. Kita hendak menarik perhatian kerajaan untuk menjaga wang hasil yang dikutip daripada rakyat. Saya hendak sentuh di sini, memberi contoh bahawa kerajaan kita boleh dikatakan sudah cuai seperti di Daro Worldwide Sdn. Bhd. Lembaga Hasil Dalam Negeri ada di sini. Nombor syarikat 725963-U. Daro Worldwide Sdn. Bhd. yang beralamat di 96A, Jalan Cerdas, Taman Connaught, Cheras, 56000 Kuala Lumpur telah ditubuh oleh Puan **Chen Oyan Yun Shai** dan anaknya Chin Fook Kwon dengan menggunakan Rohani binti Abdul Rafar dan Mustafa bin Juman sebagai Pengarah Syarikat.

Chin Fook Kwon adalah salah seorang pengarah syarikat ini. Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia di bawah kementerian – saya tidak boleh sebut ya [*Ketawa*] – telah melantik Daro Worldwide Sdn. Bhd. untuk mengendalikan, dengan izin, *tourism call service center* ataupun pusat panggilan untuk bantuan pelancong tanpa ada proses tender terbuka setelah diberi kontraknya secara *direct* atau secara sulitlah. Daro Worldwide telah dibayar RM3.8 juta sebagai wang pendahuluan oleh kementerian *dot dot dot* dan Daro Worldwide juga dibayar sebanyak RM47,500 sebulan untuk mengendalikan...

Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: ...Pusat panggilan tersebut, tidak termasuk pula kos komunikasi. Ini wang rakyat.

Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen: Tidak payah *dot dot dot*.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Puan Chen Oyan Yun Shai telah menggunakan syarikat berlainan dan dikenali...

Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sebentar, Yang Berhormat.

Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen: Habis cakap?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi: Tuan Speaker, peraturan mesyuarat.

Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen: Tidak payah dot dot dot.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi: Peraturan mesyuarat.

Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen: Dengar cakap Kementerian Pelancongan.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Oh, sekarang boleh, okey.

Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen: Tidak salah...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi: Tuan Speaker, peraturan mesyuarat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar, Yang Berhormat, peraturan mesyuarat.

Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen: Di sini selalu bagi sesuatu *indication*. Tidak payah *dot dot dot*. Biar sebut Kementerian Pelancongan, kita tidak takut.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: *Dot dot dot* ialah Kementerian Pelancongan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Wangsa Maju, Yang Berhormat Batu Pahat ada peraturan mesyuarat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Alamak, Yang Berhormat Batu Pahat dia Kementerian Pelajaran.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, tidak payah komen macam itu, Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi: Duduklah, peraturan mesyuarat, duduklah. *[Ketawa]*

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Sabar.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi: Tuan Speaker, 36(1), seperti kita sebut. Nampaknya Wangsa Maju masih berdegil, tidak mematuhi peraturan, masih membawa perkara tidak berkaitan dengan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Pindaan.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi: Akta yang dibahaskan. Tendang keluar sahaja.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk] [Dewan riuh]*

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Hai... ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu Pahat, saya telah tegur Yang Berhormat Wangsa Maju untuk tidak salah gunakan kelonggaran yang kita berikan, Yang Berhormat. Balik kepada rang undang-undang.

■ 1600

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Saya tidak lari daripada rang undang-undang kerana saya hendak ingatkan Lembaga Hasil Dalam Negeri ambil perhatian untuk hendak *check* atau semak sama ada cukai untuk Daro Worldwide ini telah dibayar kepada kerajaan atau tidak dan yang saya tahu nanti saya hendak beri fakta-fakta dengan lagi tepat.

Puan Chen Oyan Yun Shai telah menggunakan syarikat berlainan yang dikenali sebagai Develop Trend Sdn Bhd *company* syarikat nombor 2461689-W ...

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Peraturan Tuan Yang di-Pertua. Peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ada peraturan mesyuarat Ahli Yang Berhormat Wangsa Maju. Ada peraturan mesyuarat. Ya, sila Yang Berhormat Jasin.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Alamak, takut juga. *[Ketawa]* Jaga kepentingan negara dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, tidak payah komen Yang Berhormat. *I will decide* sama ada peraturan mesyuarat sesuai atau tidak.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya nampak Yang Berhormat Wangsa Maju ini berdegil-degil. Walaupun Tuan Yang di-Pertua telah membuat pentafsiran.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Peraturan mesyuarat mana Yang Berhormat?

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Peraturan saya Peraturan 44 disebut di sini Pengerusi setelah menarik Majlis Mesyuarat kepada kelakuan seorang ahli yang berdegil menyebut perkara yang tidak ada kena-mengena dengan perkara mesyuarat atau berulang-ulang menyebutkan hujahnya sendiri bolehlah memerintahkan Ahli itu suruh berhenti bercakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Saya minta kalau boleh Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang itu kuasa Tuan Yang di-Pertua Dewan.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua tahu sendirilah.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ini orang kata syok sendiri sahaja. Dia tidak faham daripada buku peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, memang betul pun Tuan Yang di-Pertua boleh memberhentikan mana-mana Ahli yang berdegil berucap perkara yang tidak sesuai tetapi saya tiada, belum sampai ke tahap itu Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua yang amat demokratik saya tahu. Ya, sabar Ahli Yang Berhormat Jasin. Dia takut apa yang saya hendak sebut. Itu menggunakan satu Syarikat Develop Trend iaitu Chen Oyan Yun Shai menggunakan satu syarikat bernama Develop Trend Sdn Bhd nombor syarikat 241689-W untuk tujuan mengeluarkan invoice kepada Daro World Wide ini.

Syarikat ini juga mempunyai alamat yang sama iaitu 96 A Jalan Cerdas dan pengarahnya adalah Abu Bakar Karim, Azhar bin Ahmad, Sulaiman bin Tamanan dan Rohani

binti Abdul Rafar pula. Pengarah yang sama untuk kedua-dua syarikat ini adalah Cik Rohani binti Abdul Rafar. Ini sebagai nombor *nominee sahajalah*.

Puan Chen Oyan Yun Shai ini menggunakan Mega Rider Off Shore Limited yang beralamat di Room 1701, Tan Yau Building 1681, John Stone Road Wan Chai, Hong Kong untuk mengeluarkan juga kepada Daro Worldwide Sdn Bhd.

Selepas Daro Worldwide menerima invoice itu, ia akan membayar terus kepada akaun Bank Negara Rider Off Shore Limited di Hong Kong. Ini bermakna bahawa wang negara kita telah dihantar keluar terus ke negara lain. Ini adalah menjejaskan kepentingan negara kita. Saya harap ada Pegawai-pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri sila menyasat syarikat ini sama ada mereka bayar cukai dengan penuh ataupun wangnya telah keluar ke negara lain. Kalau pegawai-pegawai mengambil tindakan menyasat saya boleh *guarantee* mesti dapatkan wang ini semua keluar dari negara tanpa membayar cukai.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya syarikat-syarikat *nominee* yang digunakan untuk mengeluarkan invoice tidak membayar cukai pendapatan di negara kita. Puan Chen Oyan Yun Shai ini juga menggunakan satu syarikat yang *nominee* juga *Lucky Fuel Holding Limited* di Hong Kong untuk *building* juga bukannya di sini sahaja.

Puan Chen Oyan Yun Shai ini bukan menggunakan kedua syarikat tersebut sahaja. Syarikat lain seperti Venturepharm Asia Sdn Bhd digunakan olehnya untuk mendapatkan projek daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan mendapatkan *TechnoFund* daripada negara kita. Ini wang cukai juga dan wang *TechnoFund* ini juga disalurkan keluar daripada negara.

Venturepharm Asia Sdn Bhd ini *company nombor* Pegawai Hasil Dalam Negeri 706977-D. Alamat Venturepharm Asia Sdn Bhd juga sama dengan alamat Daro Worldwide Sdn Bhd dan juga pengarahnya adalah Mustafa bin Juman, Chen Oyan Yun Shai dan Abdul Wahab bin Abdullah. Mustafa bin Juman adalah Pengarah di dalam Syarikat Develop Trend Sdn Bhd yang terlibat dalam pusat panggilan pelancongan.

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi telah meluluskan projek kepada Venturepharm Asia Sdn Bhd untuk membuat penyelidikan dalam bidang dengan izin *biofeed* dan telah diberikan geran bawah *TechnoFund* projek bernilai RM5.6 bilion. Venturepharm Asia Sdn Bhd ini tidak mempunyai apa-apa pengalaman atau kelayakan untuk membuat sebarang pekerjaan *research* dalam bidang *biofeed* atau apa-apa pun, tiada dan wang negara kita diberi kepada syarikat yang dikawal oleh orang asing, malu Yang Berhormat Batu Pahat sebagai seorang Malaysia, sebagai seorang pemimpin negara kita ini.

Kalau Yang Berhormat Batu Pahat dapat pun boleh terima sebab dia orang Malaysia, ini kepada orang asing, tidak malu? Alamak. *[Ketawa]* Venturepharm ini tidak ada pengalaman langsung dan Venturepharm ini telah menandatangani satu kontrak yang mempunyai iaitu satu perjanjian *back to back* dengan sebuah syarikat yang bernama XLW Incorporation. Saya difahamkan Syarikat XLW Incorporation ini tidak wujud langsung, *non existent company*,

memang tidak berdaftar. Dia *lawyer* juga ini tetapi Pegawai Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi tidak mengambil sebarang tindakan untuk memastikan Syarikat XLW Incorporation ini yang dilantik oleh Venturepharm Asia Sdn Bhd ini untuk membuat *research* adalah wujud atau tidak dan juga layak untuk membuat *research* mengenai *biofeed*.

Memang Venturepharm Asia mempunyai nama sebagai Dr. Chen Ming Wai seorang profesor dari negeri China dan seorang doktor lagi daripada Amerika tetapi kedua-dua profesor ini tidak berada di Malaysia untuk membuat apa-apa *research*.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga difahamkan bahawa Venturepharm ini juga dalam premis yang sama di 96 A Jalan Cerdas di Taman Connaught dan saya juga difahamkan bahawa Venturepharm Asia Sdn Bhd ini adalah menyewa satu premis di Nombor 7 Jalan 7, Jalan Reko, Taman Perindustrian Kajang, 43 000 Selangor untuk membuat *research* tetapi premis ini sangat kecil, bukannya satu premis untuk membuat *research*. Satu premis untuk mencuci *black money* untuk dihantar ke luar negeri.

Black money itu *black money* kita wang yang bersih kita tetapi untuk mereka jadi wang *black money*. Wang bersih negara. Premis ini tidak lengkap dengan *equipment* untuk membuat *research* tersebut. Premis ini digunakan sebagai premis pameran untuk mendapat *TechnoFund* daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Saya harap Lembaga Hasil Dalam Negeri juga boleh buat siasatan dan di sini juga *modus operandi* yang sama, dapat wang *TechnoFund* daripada kerajaan terus dalam satu atau dua hari terus keluar dari negara kita kepada syarikat yang lain di Hong Kong dan sebagainya. Ini kontraknya sains daripada Mei 2008 yang tamatnya pada Mei 2009 sekarang.

■1610

Masih ada satu *portion* wang belum dibayar lagi atau telah dibayar, saya tidak tahu. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi boleh tahulah. Cara operasi ataupun modus operandi Venturepharm Asia Sdn. Bhd. adalah sama dengan Daro Worlwide Sdn. Bhd., di mana Venturepharm akan menghantarkan seorang pekerjanya yang tidak berkelayakan untuk menyampaikan taklimat kepada pihak kementerian mengenai *development* atau kerja *research* mereka apabila kerajaan membuat bayaran daripada TechnoFund kepada Venturepharm Asia Sdn. Bhd.

Selepas itu, dapat wang daripada situ terus 100% keluar daripada syarikat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Sila, sila.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Wangsa Maju. Ucapan daripada Yang Berhormat bukan sahaja menjadikan kerajaan sebagai sasaran, tetapi juga pihak lain yang di luar Dewan. Tidak mengapa kerajaan menjadi sasaran kerana kerajaan boleh menjawab. Ada wakil di sini.

Akan tetapi, bagi pihak yang di luar tidak dapat untuk menjawab segala tuduhan yang Yang Berhormat lemparkan. Jadi, saya dengar begitu panjang lebar tuduhan yang dilemparkan ini. Saya rasa tidak dalam konteks keadilan, ia tidak wajar dilakukan. Kalau sekiranya Yang Berhormat bertanggungjawab, patut buat kenyataan itu di luar supaya pihak yang berkenaan boleh menjawab dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Bukankah lebih baik begitu? Terima kasih.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih kawan saya daripada Pasir Salak. Ini bukannya kita buat tuduhan. Ini adalah fakta. Saya ada semua ini, dokumen-dokumen di tangan saya. *Receipts* semua, pembayaran dokumen...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi: Bawa dekat luar.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Surat perjanjian dengan kementerian dan sebagainya.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bawa keluarlah supaya dia boleh jawab.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: *No...*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Syarikat yang berkenaan, ahli perniagaan yang berkenaan boleh mengambil tindakan yang sewajarnya. Sekarang, di dalam Dewan dia tidak boleh, dengan izin *so helpless*.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Saya kena berucap di Dewan ini untuk menarik perhatian kerajaan supaya ambil tindakan menjaga wang.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kerajaan hendak ambil...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Hendak jaga wang hasil.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kerajaan boleh membela kerajaan, tetapi bagaimana dengan orang yang di luar, syarikat yang dituduh itu...

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Bukan kerajaan mahu siasatkah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Berdialog dah ini, berdialog. Cukuplah ya. Teruskan Yang Berhormat Wangsa Maju.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Walau bagaimanapun, untuk makluman untuk Yang Berhormat Pasir Salak ...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, elok diberhentikan ucapan yang sedemikian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Saya telah memberikan semua dokumen kepada MACC. Jangan bimbang, sudah beri untuk mereka menyiasat dan juga saya beritahu Menteri tertentu, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi membuat siasatan perkara ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan, penjelasan.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Sila.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kenapa Yang Berhormat sudah bagi *copy* kepada MACC? Apa gunanya *Malaysian Agency for Cows and Cars*. [Ketawa] Bukan satu agensi yang boleh dapat keyakinan rakyat Malaysia untuk membasmi rasuah. *Malaysian Agency for Cows and Cars* sahaja.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Memang saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Ipoh Timur. Akan tetapi, kita masih ada satu agensi yang wujud sekarang. Kita tidak ada...

Seorang Ahli: Saluran.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ya, saluran. Kita tidak ada tempat yang lain hendak pergi. *So*, saya sudah berikan mereka. Kita tengok apakah hasil siasatan mereka. Memang mereka akan tutup *cover up*, dua orang Taiwan ini amat berkuasa, amat hebat. Ada hubungan rapat dengan pegawai di...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Itu pun tuduhan juga.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Sudahlah Yang Berhormat Pasir Salak, jangan kacau. Saya kasi dia *chance*, dia kacau saya pula. Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sudah cukuplah ucapan itu.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberitahu Dewan ini bahawa perjanjian yang ditandatangani daripada Venture Farm Asia Sdn. Bhd. ini dengan XLW Incorporation untuk membuat *research* atas *BioFit* ini yang ditandatangani kepada *represent* XLW Incorporation, Encik Keng Yang Keng Ching. Ini seorang warga negara asing juga, China. Ini sahabat intim Tan Boon Yang Soon Sai. Dia *sign* satu *agreement* dengan Venture Farm Asia ini untuk membuat *research*.

Selepas dapat wang, terus wang ini dikeluarkan di luar negara. Agak menarik juga perkembangan ini kerana Encik Keng Yang Keng Ching yang mengetuai Kumpulan Long Gold dan juga menguruskan Daley PR. Ya, Daley PR, saya rasa Kementerian Pelancongan pun amat *familiar*. Ini kerana Kementerian Pelancongan telah melantik PR Daley untuk mengendalikan perkara-perkara hubungan dengan awam seperti memaparkan iklan di dalam televisyen di negara China, papan tanda di tepi jalan lebuhraya dan sebagainya di negara China.

PR Daley ini bertapak di Guangzhou dan Shanghai. PR Daley ini menggunakan Smascom. Smascom, ini pun syarikat Yang Berhormat Pasir Salak kenal juga saya rasa Smascom dan Lucky Fuel Holding Limited sebagai syarikat yang mengeluarkan inoivis. Teng Boon Yang Soon Sai ini juga menggunakan sebuah syarikat penama untuk tujuan pengurusan dan pengendalian Malaysia House di Hong Kong. Wan Chai ini adalah seorang yang boleh dikatakan ada banyak kontrak.

Saya juga ingin menarik perhatian kepada Kementerian Kesihatan. Saya juga dimaklumkan bahawa syarikat bernama Teng Boon Yang Soon Sai ini juga diberi kontrak untuk

menguruskan klinik bergerak. Pelik! Kementerian Pelancongan pun dia ada terlibat, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi juga beliau terlibat. Sekarang, Kementerian Kesihatan pun terlibat juga. Takkan Yang Berhormat Batu Pahat tidak ada, kawan-kawan sahaja yang mendapat *mobile clinic* ini, klinik bergerak ini?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tuan Yang di-Pertua, saya dapat lihat betapa geram dan iri hatinya Yang Berhormat Batu Pahat dan Yang Berhormat Pasir Salak kerana mereka tidak dapat kontrak ataupun kontraknya telah diberi mudah-mudah sahaja kepada orang asing sebagai seorang pelawat. Kontrak ini berjuta-juta ringgit. Dia seperti di negara China.

Dapat PR Daley ini, dapat sekurang-kurangnya RM50,000 *returned fee* tiap-tiap bulan dan juga mereka hendak tempah *advertisement* lagi berapa? Ini kalau buat siasatan, banyak lagi tuduhan terhadap orang tertentu ini. Saya sendiri pun akan membantahlah kalau kontrak ini diberi kepada sahabat saya Yang Berhormat Pasir Salak dan Yang Berhormat Batu Pahat.

Akan tetapi, yang saya kata tadi saya boleh terima oleh kerana dia orang Malaysia, tetapi ini kepada orang asing. Kalau projek ini diberi kepada kroni Barisan Nasional pun kita boleh terima juga. Janganlah berikan kepada orang asing. Saya benar-benar berharap pihak Menteri Pelancongan serta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi serta Menteri Kesihatan akan menyiasat perkara ini dan memberhentikan perbuatan mengambil kesempatan oleh orang Taiwan. Menteri Dalam Negeri juga hendaklah menyiasat bagaimana beliau boleh dapat *citizenship* Malaysia kita. Sedangkan orang kita di dalam Malaysia, dilahirkan di sini, duduk di sini berpuluh-puluh tahun sampai hari ini IC yang biru pun tidak dapat.

Saya ingin memberitahu satu *tips* kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri bahawa PATI ini Puan Chen Oyan Yun Shai adalah satu akaun bank khas di Switzerland. HSBC, Guyerzeller, Bank AG, Zurich.

■1620

Swift address GUYECHZZ, nombor akaun 135975.001. Saya percaya bahawa satu siasatan yang dalam dijalankan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri akan mendapat bukti yang kukuh dan bahawa Chen Oyan Yun Shai ini telah *evade* dengan izin cukai pendapatan daripada negara kita. Sila buat siasatan.

Yang terakhir mengenai dengan BERNAMA TV. Ini juga wang rakyat. BERNAMA TV yang ditubuhkan bawah Bernama One Nation News Agency Act tahun 70-an yang tubuhkan BERNAMA ini. Saya ingin berikan satu soalan mengenai BERNAMA. Kenapakah BERNAMA diberi kebenaran kepada BERNAMA TV sebuah syarikat swasta, *private company* menggunakan nama BERNAMA. Saya menyoal. *[Disampuk]* Siapa? Anuar Zaini. Ini kawan saya cakap Anuar Zaini. Bila saya dapat ini saya tanya Menteri Penerangan, Komunikasi, Kesenian dan Kebudayaan kenapa membenarkan nama BERNAMA kita ini *our national to name news agency* BERNAMA diguna oleh Bernama TV Synergy Sdn. Bhd. Tengok jawapan ini. Ini jawapan

daripada Menteri ini. BERNAMA TV dikendalikan oleh syarikat usaha sama BERNAMA dengan syarikat swasta di mana BERNAMA diberikan saham percuma sebanyak 33%. BERNAMA seterusnya membenarkan jenamanya digunakan. Ini yang pertama.

Sebagai sebuah badan berkanun diberikan namanya digunakan oleh satu syarikat swasta atas alasan dia dapat saham 33% ekuiti. Apa ini? Apa ini? Malu pada orang.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Laluan.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Sila.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Wangsa Maju menyatakan siapakah atau adakah dalam pengetahuan Yang Berhormat Wangsa Maju siapakah dia ahli-ahli pengarah kepada BERNAMA TV Synergy? Terima kasih.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Saya lupa namanya BERNAMA TV sebab saya baru dapat ini tapi yang saya tahu orang-orang UMNO lah. Saya rasa kawan Yang Berhormat Batu Pahat memang dia kenallah. Kalau tidak salah daripada Pulau Pinang ataupun di Kedah.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Sedikit lagi.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Sila.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya melalui Yang Berhormat Wangsa Maju untuk meminta pihak Menteri sendiri menyatakan kepada Dewan kita ini siapakah ahli-ahli pengarah kepada BERNAMA TV ini. Terima kasih.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih Ahli Yang Berhormat daripada Titiwangsa. Memang Menteri Penerangan, Komunikasi, Kesenian dan Kebudayaan bertanggungjawab untuk memberitahu Dewan ini dengan alasan yang lebih tepat dan lebih baik kenapakah nama BERNAMA itu dibenarkan digunakan oleh BERNAMA Synergy Sdn. Bhd. ini satu syarikat swasta. Satu.

Yang kedua, memang beliau juga perlu memberitahu siapakah yang memberikan kebenaran itu? Siapakah? Sama ada Dato' Anuar Zaini atau siapa? Ataupun Kalimullah yang dahulu? Dan siapakah nama satu senarai yang penuh nama-nama lembaga pengarah syarikat BERNAMA TV ini dan juga pemegang sahamnya?

Yang ketiga, saya juga ada bertanya berapakah, bukannya nama yang digunakan oleh BERNAMA TV Synergy ini menggunakan nama BERNAMA ini memberikan mereka peluang untuk hutang. Mereka boleh guna premis BERNAMA, alat-alat *equipment* BERNAMA, *parking area* BERNAMA dan boleh hutang wang BERNAMA. Hutang wang BERNAMA itu bukan RM10, RM20, RM10,000, RM20,000 lebih daripada RM20 juta sekarang dan Menteri juga mengatakan jawapannya selepas beberapa peringatan diberikan kepada syarikat persendirian tersebut tindakan mahkamah telah pun diambil untuk mendapatkan hutang tertunggak tersebut. Apa ini? Kalau ambil tindakan mahkamah dengan serta-merta menarik balik nama BERNAMA digunakan

oleh syarikat ini tetapi sampai saat ini BERNAMA TV Synergy Sdn. Bhd. masih menggunakan BERNAMA TV.

Kalau *you* tidak percaya saya Yang Berhormat Pasir Salak buka TV sebentar lagi tengok BERNAMA TV lagi. 502, Ahli Parlimen daripada Titiwangsa beritahu 502 selepas Awani. *Check* BERNAMA TV. Itu juga memberikan satu gambaran bahawa BERNAMA TV adalah satu TV nasional kita yang dikawal oleh BERNAMA *news agency* kita, sedangkan BERNAMA TV ini tidak dikawal oleh BERNAMA.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya harap kerajaan yang mengatakan mendahului rakyat, *people first*, inikah tindakan semua ini *people first*. Ini saya rasa kalau kita tengok tindakan ini semua *people last, crony first. Crony number one*. Saya harap menteri-menteri tertentu, saya harap Perdana Menteri juga ambil tindakan dengan serta-merta menarik balik nama BERNAMA itu daripada BERNAMA TV kerana BERNAMA TV itu bukan TV nasional kita bawah kawalan BERNAMA. Dengan itu, saya tidak boleh menyokong akta pindaan ini. [*Tepuk*] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat Menteri.

4.27 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, selepas dua hari perbahasan yang telah pun diambil bahagian oleh 16 Ahli Parlimen. Saya ingin mengucapkan kepada semua yang telah pun mengambil bahagian terutama sekali Yang Berhormat Permatang Pauh diikuti dengan Yang Berhormat Bukit Mertajam, Yang Berhormat Kota Belud, Yang Berhormat Machang, Yang Berhormat Pasir Mas, Yang Berhormat Indera Mahkota, Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Pengkalan Chepa, Yang Berhormat Sepanggar, Yang Berhormat Kuala Langat, Yang Berhormat Keningau, Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Tuaran, Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat Jasin dan Yang Berhormat Wangsa Maju.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada mengucapkan terima kasih kepada mereka yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan saya juga rasa amat gembira Ketua Pembangkang yang pertama yang berucap tentang rang undang-undang ini telah pun banyak melempar puji-pujian tentang prestasi baik LHDN dari segi mengutip cukai keuntungan dan cukai daripada individu ataupun syarikat-syarikat yang telah pun mencatatkan keuntungan begitu banyak di negara ini.

Ucapan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Permatang Pauh atas cadangan-cadangan yang bernas. Saya memang mengakui kerajaan banyak kehilangan hasil kerana ekonomi di bawah tanah. Oleh kerana aktiviti-aktiviti begitu banyak yang telah lama berlaku dan sedang berlaku maka kehilangan dari segi hasil-hasil kutipan kerajaan amatlah besar sekali. Walau bagaimanapun, aktiviti haram semua ini sentiasa dipantau dan disiasat oleh pihak kerajaan.

Pihak LHDN juga mempunyai pasukan penguatkuasaan sendiri dan selain daripada itu juga mengikut risikan LHDN dan maklumat-maklumat yang didapati yang diberikan oleh sesiapa pun maka LHDN akan menggunakan Jawatankuasa Penguatkuasaan ataupun anggota-anggota penguatkuasaan untuk menjalankan siasatan mengejut ke tempat-tempat ataupun premis-premis yang dijalankan oleh penganjur-penganjur perniagaan haram seperti perjudian, seperti pelacuran, seperti perjudian perlawanan bola sepak dan lain-lain lagi.

■ 1630

Selain daripada itu juga saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa bukan sahaja LHDN akan menjalankan tugas untuk menyiasat atau menangkap pihak-pihak yang melarikan pembayaran cukai khususnya terdapat begitu banyak badan-badan penguatkuasaan kerajaan terutamanya pihak polis, pihak kastam juga sentiasa menjalankan tugas mereka ini.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr.Wan Junaidi Tuanku Jaafar) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Jika mereka ditangkap dan selain daripada didakwa ke mahkamah, di bawah undang-undang sedia ada, maka dari segi pembayaran cukai tadi juga mereka tidak dapat melarikan. Saya juga ingin menjawab Yang Berhormat Permatang Pauh iaitu kerajaan melalui LHDN tidak pandang siapakah tokoh-tokoh besar ataupun siapakah individu-individu yang kononnya mempunyai pengaruh besar. Jika mereka ini mencatatkan keuntungan dalam perniagaan mereka, tidak kira mereka ini siapa semua kena bayar cukai kepada LHDN.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga tidak seperti didakwa oleh Yang Berhormat Permatang Pauh iaitu kita semata-mata mempunyai *denial syndrome*. Apabila kita dengar ekonomi dunia telah pun mengalami krisis seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh kita masih dalam *denial syndrome*, kita masih menganggap ekonomi kita baik. Memang tidak begitu. Kerajaan Pusat memang mengetahui bila pada permulaannya krisis ekonomi melanda atau bermula di Amerika Syarikat, dan selepas itu merebak ke *euro-zone*, Eropah dan kerajaan kita akan sedar bahawa ianya akan menjadi satu fenomena dunia dan akan melanda seluruh dunia ini dan Malaysia akan tidak dikecualikan.

Negara-negara hari ini kita dapat melihat di rantau Asia telah pun menjadi mangsa pada krisis ekonomi. Walaupun tidak bermula di sini dan diimport dari Amerika Syarikat. Kerajaan telah pun mula bergerak pada tahun lepas 2008, apabila krisis ekonomi mula di Amerika Syarikat dan kerajaan sedar jika kita tidak mengambil tindakan pantas melalui strategi-strategi dan langkah-langkah maka kita akan mengalami masalah yang besar sekali di negara kita. Akan tetapi oleh kerana kerajaan kita bertindak begitu pantas dan kita melalui strategi-strategi dan langkah-langkah yang telah diambil, maka kita tahu walau bagaimanapun teruk sangat pun krisis yang melanda dunia ini, Malaysia masih dapat mempertahankan lagi dan rakyat kita di negara ini tidak akan mengalami masalah yang begitu besar. Walaupun kita tahu bahawa semua negara di dunia ini khususnya di rantau Asia ini telah pun menguncup, mengalami pertumbuhan ekonomi

yang negatif dan *first quarter*, tiga bulan pertama tahun ini, ekonomi kita telah pun menguncup 6.2%.

Dalam rantau ini hanya negara China, negara Indonesia buat masa ini masih boleh tahankan lagi ekonomi mereka. Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, kita sedang melalui satu transformasi ekonomi iaitu dari pendapatan sederhana rakyat ke pendapatan tinggi *that is for middle to high income economy* dan kerajaan sedang merangka satu perangkaan di mana dapat kita dalam lima tahun selepas ini mengubah corak ekonomi kita melalui modal ekonomi baru, barulah kita dapat melihat dan merasai bahawa pendapatan rakyat kita ini akan kian bertambah lagi. Dalam keadaan kegawatan ekonomi, LHDN amat peka terhadap keadaan di mana terdapat rakyat mempunyai masalah menjelaskan cukai pendapatan mereka. Seperti lazim, LHDN akan memberikan kelonggaran, ataupun fleksibiliti. Jika ada permohonan daripada pembayar, maka ansuran berdasarkan kedudukan kewangan dan aliran tunai dipertimbangkan.

Arahan telah pun diberikan oleh ibu pejabat kepada semua cawangan di negeri supaya lebih peka terhadap masalah rakyat dan jika terdapat apa sahaja permohonan dari segi pembayaran ansuran cukai, maka harus kita memberi pertimbangan supaya mereka ini dapat fleksibiliti untuk membayar cukai. Yang Berhormat Bukit Mertajam, Yang Berhormat Pengkalan Chepa, dan Yang Berhormat Sepanggar telah membangkitkan isu pengagihan peruntukan dari Kerajaan Pusat kepada negeri-negeri setiap tahun. Saya rasa sedih dan amat kesal sebab ramai Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang LHDN ini tidak mengetahui bahawa LHDN tidak bertanggungjawab untuk mengagihkan peruntukan kepada setiap negeri pada setiap tahun. Ini bukan tanggungjawab LHDN. LHDN hanya mentafsir keuntungan dan mengutip cukai. Lagipun bagi LHDN ianya tidak mengira dari negeri-negeri mana individu ataupun *corporate* yang terletaknya jika ada mencatat keuntungan dalam perniagaan cukai harus dibayar oleh semua pihak ini.

Walau bagaimanapun, jika kita sentuh tentang isu *transparency*, seperti disebutkan oleh Yang Berhormat Sepanggar saya percaya semua Ahli Parlimen ini yang ada di dalam Dewan ini adalah orang yang berpengalaman. Setiap tahun sebelum bajet untuk tahun hadapan diputuskan, diluluskan, maka semua cadangan akan dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Semua *report* dan laporan harus disampaikan kepada semua wakil rakyat khususnya Ahli Parlimen di dalam Dewan yang mulia ini dan mereka ini dapat menyemak sama ada peruntukan berapa diberikan kepada setiap negeri bagi maksud untuk membangunkan negeri ataupun bagi maksud untuk pembangunan dan pengurusan. Semua ini adalah cukup *detail*, terperinci yang telah pun dikandungkan dalam dua buku, dua naskhah *report* itu.

Saya tidak faham kenapa Yang Berhormat Sepanggar berkata pengagihan peruntukan kepada setiap negeri ini tidak melalui cara *transparency*. Ini adalah satu jawapan. Saya ingin memberitahu kepada dia dan Lagipun tidak pernah kerajaan menganggap cukai yang dikutip adalah wang BN semata-mata. Sebenarnya cukai yang dikutip dari semua pembayar hasil cukai

ini akan diguna untuk kerajaan membangunkan negara termasuk negeri-negeri. saya juga ingin memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa pada tahun 2008, kutipan cukai oleh LHDN dan pihak kastam di Kelantan berjumlah RM248.5 juta. Yang lain bayar secara tidak langsung melalui cukai jalan sebab itu saya tidak masukkan. Yang dikutip oleh LHDN dan pihak kastam hanya RM248.53 juta.

Saya menggunakan contoh negeri Kelantan sebab Yang Berhormat dari Kelantan telah banyak menyoal. Dakwaan kononnya jumlah kutipan hasil dan cukai oleh Kerajaan Pusat dari negeri Kelantan hingga mencatatkan jumlah RM3 bilion ini tidak tepat dan tidak munasabah langsung.

■1640

Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Minta penjelasan. Pertama sekali kami di sini wakil rakyat sedar dan sudah sangat faham bahawa Lembaga Hasil Dalam Negeri ini, tugas agensi ini adalah memungut cukai bukan mengagihkan, tidak kuasa dia. Akan tetapi bila cukai ini dipungut, dimasukkan ke dalam akaun yang di satu, pengagihan ini yang tidak betul, bukan LHDN tak betul, ada berat sebelah. Sebab itulah saya sebagai wakil rakyat Parlimen, katanya ada peruntukan RM700 ribu satu Parlimen tetapi langsung satu sen pun tidak ada.

Kalau tak bagi, saya tahu ini diberi melalui JPP tetapi kalau ada suara untuk melihat, untuk mencadangkan, di mana yang patut dibuat pun boleh. Yang diberinya kepada ketua bahagian untuk menentukan. Adakah ini betul? Adakah wang rakyat ini dikira melalui sebahagian wang parti. Ini praktikal, benda yang berlaku, realiti. Jadi jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri itu adalah satu perkara yang saya rasa tidak politik dan tidak tahu di bawah, satu.

Yang kedua, saya kata agihan tahun 2008, agihan ini lebih kurang RM2.9 bilion dari segi geran, semua geran kepada negeri Kelantan. Akan tetapi kalau kita kira rakyat yang 1.5 juta ini, RM100 satu kepala daripada yang kecil hingga yang belum mati. Sama ada cukai langsung atau tidak langsung. Saya jangkanya betul atau tidak wallahualam, lebih daripada RM3 bilion, bukan pungutan cukai LHDN. Itu Menteri kena faham itu. Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai pengagihan itu kepada Yang Berhormat kah, bahagian Yang Berhormat itu soal lainlah tetapi yang pokok yang penting sekali ialah saya hanya nak menunjukkan kepada Yang Berhormat bahawa bukan kerajaan semata-mata hendak mengetepikan rakyat Kelantan, memang tidak wujud masalah ini. Pengagihan ini bukan dibuat oleh LHDN, Yang Berhormat tadi dah faham dan cuma saya hendak beritahu bahawa kita kalau kutip cukai dan hasil lain-lain dari negeri Kelantan, memang kerajaan pusat akan mengagihkan balik peruntukan yang munasabah yang boleh membangunkan negeri.

Kita tidak boleh kata *you* pungut dari negeri Kelantan RM3 bilion, saya hendak dapat balik semua RM3 bilion. Itu tidak munasabah sebab kutipan ini bila dimasukkan ke akaun

consolidated sebelum dikeluarkan untuk kegunaan seluruh negara, harus ditengok apa keperluannya. Saya bagi satu contoh lagi Yang Berhormat, tadi saya tak nak berdebat dengan Yang Berhormat sama ada RM3 bilion atau tidak sebab mengikut rekod LHDN sahaja saya tahu. LHDN dan Kastam memang hanya RM200 juta lebih. Saya diberitahu bahawa selain daripada selain daripada peruntukan yang diberikan secara terus iaitu *direct* geran kepada kerajaan negeri, ada banyak lagi melalui kementerian masing-masing pun ada. Ia dihulurkan melalui kementerian masing-masing bagi membangunkan negeri.

Contohnya, peruntukan secara terus bagi 2008, secara terus ya, *cash* beri kepada kerajaan negeri - RM203.7 juta dan ini tidak termasuk peruntukan pembangunan melalui kementerian masing-masing yang berjumlah RM203,700,000. Ini cuma sekadar contohlah.

Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Boleh saya minta penjelasan sikit. RM200 juta lebih ini, adakah agihan ini mengikut Perlembagaan dan ditentukan oleh Majlis Kewangan Negara, berdasarkan per kapita atau apa dia?

Dato' Chor Chee Heung: RM203 juta ini adalah pemberian terus kepada kerajaan dan RM203 juta melalui kementerian masing-masing. Saya tidak ada pecahannya. Cuma jumlah ini, kalaulah kata melalui Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Dalam Negeri akan membangunkan kemungkinan membeli pejabat di Kota Bharu, semua inilah kemudahan-kemudahan. Cuma yang penting sekali ialah saya nak tunjuk, kerajaan tidak semata-mata menganaktirikan negeri Kelantan yang di bawah pemerintahan PAS ataupun Pakatan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kota Belud dan Yang Berhormat Kuala Langat menyebut tentang pindaan mesyuarat sekurang-kurangnya mereka tidak begitu setuju mengenai mesyuarat, sekurang-kurang dua bulan sekali. Mereka kata harus kita kekalkan sebulan sekali. Saya ingin hendak beritahu bahawa ini adalah ke arah penambahbaikan dan kelicinan prosiding lembaga, sebab apa dia kata sekurang-kurangnya sekali dua bulan, tidak semestinya tiap-tiap dua bulan kena adakan sekali sahaja. Kalau pengerusi berpendapat bahawa boleh kita kena ada lebih daripada sekali, maka jawatankuasa itu akan menetapkan mesyuarat lebih daripada sekali setiap dua bulan.

Walaupun demikian Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini tidak akan menjejaskan prestasi kerja lembaga sebab kita dah begitu banyak tahun, kita tahu apakah akan diputuskan oleh lembaga. Perkara-perkara yang amat penting akan melalui jawatankuasa mesyuarat biasa tetapi jika ada masalah ataupun arahan remeh-temeh mengenai surat pekeliling supaya kakitangan dan staf LHDN harus mengikut, maka tak perlu mesyuarat, menerusi resolusi sekular pun memadai.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Saya tadi tertarik apabila Timbalan Menteri mengatakan dengan yakinnya kita dah tau dah sebab selalu dok mesyuarat ini kan. Sebab baru-baru ini Perdana Menteri mengatakan bahawa *it's a time*, bukannya masa yang mana *government knows best*. Itu dia katalah tetapi tiba hari ini kata kita dah tau dah semua.

Cuma saya nak mencadangkan kerana saya ada kerisauan mewakili rakyat yang mana benda percukaian ini ialah benda berperlembagaan, di dalam aspek lain ialah benda yang suci, dengan izin *sacred*. Duit susu orang, duit nafkah tetapi rakyat Malaysia terbukti selama 50 tahun ialah rakyat yang akur. Bukan macam di India ketika mana berlaku *Satya Agraha* itu- Gandhi cakap rakyat jangan bayar cukai sehingga *collapse* nya kerajaan British. Itu berlaku, itu sejarah membuktikan cukai ini bukan perkara yang kecil.

Akan tetapi persoalannya di sini, saya mencadangkan sebab apabila saya menyusuri Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri ini terdapat peruntukan yang mengatakan Menteri boleh melantik wakil luar, orang lain kan. Apa salahnya di dalam keadaan sekarang yang berlakunya landskap politik negara Malaysia yang mana empat negeri sekarang ini diwakili oleh Menteri Besar yang lain. Jadi saya mempersoalkan di sini di mana dengan izin tadi, *safe guard* nya itu kerana ia benda Perlembagaan.

Saya yakin kalau ini yang cuba dibuat, federalisme yang memberi pemusatan kuasa yang melampau kepada pusat, saya yakin federalisme 50 tahun dulu tidak akan dicapai. Kedaulatan sesebuah negeri itu akan terhina. Itu merupakan satu penderhakaan yang paling besar. Apabila rakyat negeri itu, *the subject* dengan izin *of the state* yang merupakan rakyat jelata kepada sultan dinafikan haknya kerana yang meluluskan pilihan raya demokrasi ini adalah Majlis Raja-Raja. Adakah rakyat yang memilih demokrasi akan dihukum? Saya bercakap begini mewakili aspirasi rakyat Balik Pulau yang dinafikan RM500 ribu peruntukan itu. Mohon penjelasan.

Dato' Chor Chee Heung: Yang Berhormat, bila kita sentuh tentang pelantikan ini, saya percaya hak ini adalah diletakkan kepada bahu Yang Berhormat Menteri Kewangan dan beliau saya percaya lebih bijaklah macam mana hendak melantik selain daripada apa yang terkandung, yang telah pun dicatat dalam rang undang-undang ini ataupun rang undang-undang yang sedia ada. Lain-lain orang yang dia anggap bahawa cekap dan boleh memainkan peranan dilantik.

■ 1650

Kemungkinan dua orang akan dilantik dari negeri-negeri di bawah Pakatan pun tidak tentu. Ini bukan hak saya hendak menyoal siapa dia akan lantik. Walau bagaimanapun sebagai seorang Menteri yang berwibawa, yang menjadi kepala kepada kementerian. Beliau lebih bijak untuk melantik sesiapa yang dianggap boleh memainkan peranan.

Yang Berhormat Kota Belud, dia ini kemungkinan tidak faham sedikit [*Dewan riuh*] sebab dia kata kalau ada dua bulan sekali mesyuarat, kalau dua kali mesyuarat sekali. Pembayar cukai ini kalau dia mempunyai masalah bayaran cukai, hendak buat *appeal*, hendak rayu ataupun lembaga itu tidak bermesyuarat. Sebenarnya bayaran cukai jika terdapat juga ada rayuan-rayuan yang dibuat, bukan terus kepada lembaga.

Kena ikut prosedur, mesti pergi pada Ketua Pengarah. Kalau pembayar hasil masih tidak puas hati, dia boleh terus kepada satu jawatankuasa *special* yang wujud dan tiada kena

mengena dengan lembaga. Ini saya hendak bagi tahu pada Yang Berhormat, sebab Yang Berhormat dia kkuatir sedikit. Dia kata nanti tidak bermesyuarat tidak ada orang hendak dengar masalah pembayar cukai.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *[Bangun]*

Dato' Chor Chee Heung: Yang Berhormat Machang, saya mengaku...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kota Belud, bangun Yang Berhormat.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang tidak faham tadi tu. Saya tidak faham..., terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Yang tidak fahamnya sebab saya tidak tanya soalan yang itu, bukan saya yang tanya dan itu bukan soalan saya. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri, daripada awal penjelasan dari Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua.

Kita masih lagi tertanya-tanya kenapa perlu diubah ini? Saya bertanya dalam soalan saya. Ini soalan saya Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua. Saya bertanya akta ini bertarikh 1995. Apakah dari 1995 sampai sekarang ini mesyuarat diwajibkan diadakan sekali sebulan dan apa rasionalnya untuk mengubahnya kepada dua bulan sekali? Itu soalnya.

Dalam keadaan ekonomi sekarang ini, dalam senario, saya tidak cakap. Yang Berhormat Balik Pulau cakap senario politik tetapi saya lebih menjurus ekonomi dunia. Dua bulan adalah satu masa yang cukup panjang. *Anything can happen* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Itu sebabnya saya bertanya kalau dari tahun 1995 sampai sekarang ini, sebulan sekali bermesyuarat dalam keadaan *timing* yang tidak betul ini, kenapa kementerian hendak ubah? Itu soalan saya, bukan yang tadi itu Yang Berhormat Menteri.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat. Apa rasionalnya kita harus buat pindaan ya? Saya diberitahu bahawa, oleh kerana terdapat tujuh orang yang telah pun duduk dalam lembaga ini. Bagi melicinkan prosiding lembaga oleh kerana seorang, dua orang tidak dapat datang atau pun tiga orang dan empat orang tidak dapat datang, maka mesyuarat lembaga akan tertangguh.

Maka untuk mengelak masalah itu menjadi, bukan begitu banyak masalah akan diputuskan oleh lembaga, maka kita dapat beri masa yang lebih panjang. Satu *interval* dua bulan, supaya semua datang. Akan tetapi ini tidak bermaksud bahawa setiap dua bulan baru ada mesyuarat. Jika Pengerusi berpendapat bahawa masa sudah tiba untuk mengadakan mesyuarat lebih pada sekali dua bulan, maka ianya akan diadakan. Selain daripada itu juga...

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Menteri. Sedikit sahaja. Tambahan sedikit sahaja. Penjelasan sedikit sahaja. Saya sebenarnya kurang yakin dengan penjelasan tadi itu, mahu penjelasan selanjutnya. Apabila dikatakan tidak ada masalah tetapi pindaan di bawah seksyen 5 itu, itu sebenarnya membayangkan permasalahan

lembaga. Apa maksud di situ? Itu ialah kalau dari segi perundangan dipanggil *deeming provision*, *deem*.

Maksudnya dia kata sampai tahap tiada perbuatan yang dilakukan atau prosiding yang diambil di bawah akta ini boleh dipersoalkan atas alasan bahawa ini semua cerita masalah, kecacatan semua ini tahu? Masalah dalam mesyuarat. Lembaga itu satu penekanan aspek pengurusan dalam menentukan *governance*, tadbir urus duit cukai tetapi apa diminta di sini membayangkan kesalahan-kesalahan yang mungkin berlaku yang sepatutnya boleh dimaafkan dan diminta secara *statutory*, secara perundangan dan mahu kita semua ini memaafkan dan tidak boleh dipersoalkan.

Bagi saya sebagai orang biasa membayangkan perkara-perkara ini pernah berlaku tetapi lembaga tidak ada ruang yang boleh memaafkan mereka. Jadi dia mahukan kami semua di sini memaafkan. Bagi saya dalam konteks ekonomi, saya menambah kita perlu menyukarkan, memperketatkan tadbir urus *governance* negara kerana ini merupakan wang titik peluh pekerja dari kampung sampai yang mana kena *tax*.

Saya di sini membayangkan kalau pindaan yang dipinta bukan ke arah melonggarkan, memudahkan tetapi ke arah, ya betul *prudent* tetapi mesti ke arah menggambarkan kepada masyarakat kami ini tertib, kami ini tekun, satu sen pun wang rakyat hendak dipakai malah kami mahu perketatkan dan kami mahu suara anda dalam membuat keputusan iaitu di dalam pelantikan lembaga. Ini bukan orang kata apa, *politician monopolized all the affairs of the people of this country* dengan izin. Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya anggota dalam lembaga ini pun bukan semua tokoh-tokoh politik pun. Kebanyakan adalah orang dalam perniagaan ataupun *civil servant* yang telah bersara dan juga pegawai-pegawai yang agak tinggi di kementerian-kementerian seperti Kementerian Kewangan dan lain-lain.

Maksud saya ini adalah lembaga tidak semata-matanya mengurus wang yang dikutip oleh LHDN. Sebenarnya salah satu fungsi lembaga ialah untuk menjaga kebajikan 10,000 pegawai dan staf LHDN yang telah pun makan gaji di bawah lembaga ini. Ia tidak bermaksud peranan lembaga ini bukan untuk mengurus segala cukai yang dikutip, disimpan oleh mereka dan mereka ini hendak buat *planning* macam mana hendak belanjakan duit itu, tidak. Ini bukan fungsi penting Lembaga LHDN itu.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas ruang celahan. Saya mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan respons terus terhadap perkara yang dibangkitkan oleh Kota Belud dan Balik Pulau dan yang sedikit tambahan saya.

Satu, persoalan tempoh mesyuarat daripada sekurang-kurangnya satu bulan kepada dua bulan. Kita nampak semacam ada masalah untuk *fulfill* dengan izin, keperluan kekerapan itu jadi diubah kepada dua bulan. Apakah kita *shift the gold post* itu kerana ketidakupayaan, kerana

lembaga itu terlalu banyak komitmen lain, satu. Kita perlu penjelasan itu atau perkara yang disebut oleh...Saya semak juga dalam senarai lembaga pengarah Tuan Yang di-Pertua, tujuh orang begitu, tujuh ke lapan. Jadi kuorumnya munasabahnya empat . Saya semak senarai kehadiran, ada sekali lembaga pengarah yang hadir dua orang. Saya tidak payah sebut nama dan bilalah ya. Saya semak. Saya boleh bekalkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri selepas ini pun.

Jadi kalau kuorumnya dua, apa status keputusan mesyuarat lembaga? Terpakai juga atau tidak atau ke depan nanti kita pinda pula. Pindaan terhadap akta ini memasukkan cadangan pindaan, kuorum memadai dua orang misal kata. Jadi soal hendak *shift the gold post* ini? Sebab itu menjadi *concern* di kalangan Ahli-ahli Parlimen. Ini soal cukai dan sensitif. Kelantan misalnya Yang Berhormat Menteri, sejarah isu bayar cukai ini boleh melibatkan pertumpahan darah. Di Pasir Puteh waktu Kelantan ada tiga jajahan, Pasir Puteh, Kota Bharu dan juga Mengkebang 1916 Inggeris kutip cukai, rakyat tidak hendak sebab dinaikkan cukai maka rakyat bergabung di bawah Tok Janggut. Inggeris siapkan seorang kerani sahaja kutip cukai, namanya Abdul Latif. Itu pun dibawa dari Singapura. Rakyat beratur berhari-hari hendak bayar cukai. Cukai lembu, cukai hasil hutan, cukai pisang, cukai sireh dan cukai buah. Hendak kutip cukai tetapi kemudahan tidak setimpal. Akhirnya berlaku perang pemberontakan. Sejarahnya panjang. Inggeris terpaksa hantar kapal perang di Pasir Puteh untuk kalahkan pemberontakan ini.

Jadi isunya ialah pengurusan yang lebih bertanggungjawab. Kita akui memang pengurusan sekarang berjalan baik. Cuma kita hendak berikan nilai tambah sebab itu kita timbulkan persoalan khusus dan spesifik. Kenapa mesti diringkankan, permudahkan kekerapan mesyuarat misal kata. Prinsip atau kepercayaan *that the government know best, government can do no wrong*. Itu kan Perdana Menteri kata sudah tamat. Jadi tidak memadai dengan jaminan Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak meyakinkan Dewan yang mulia ini bahawa ianya boleh berlangsung dengan baik. Jawab setakat hal-hal yang kita timbulkan secara spesifik. Terima kasih.

■1700

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat, baiklah. Kuorum tetap 4. Buat masa ini kita tidak ada buat apa-apa pindaan cuma kita pinda hanya 2 seksyen. Satu seksyen tambah satu lagi, Yang Berhormat tadi sudah beritahu melalui penjelasan yang saya bagi semasa saya baca kali kedua rang undang-undang yang akan dipinda oleh sebab Ahli Lembaga yang duduk di Lembaga Hasil Dalam Negeri ini memang merupakan pegawai-pegawai jawatan tinggi termasuk dengan KSP, Kementerian Pengangkutan dan juga AG atau *Attorney General*, maka kita tidak dapat melihat supaya bila adanya mesyuarat ia akan tidak dapat dilangsungkan oleh sebab tidak mencukupi kuorum. Yang Berhormat tadi sudah kata setuju dua orang sahaja datang. Kalau dua orang sahaja datang memang tidak dapat mengadakan mesyuarat itu.

Oleh sebab kita hendak melicinkan sebab dari *experience*, pengalaman dari yang dahulu sampai sekarang perkara-perkara yang harus diputuskan tidak begitu banyak, maka kita ubah dari satu bulan hingga dua bulan, ia tidak ada apa *significant* tidak ada apa-apa perkara, benda-benda di sebalik batu, itu sahaja yang penting dan jika mesyuarat tidak berjalan, tetapi melalui *circular* resolusi adalah mengenai perkara-perkara yang remeh-temeh macam surat pekeliling harus diikuti oleh staf-staf dan pegawai-pegawai di LHDN. Itu sahaja yang saya hendak beritahu. Kalau apa sahaja alasan yang saya beri, jika Yang Berhormat semata-mata nak memperingati bahawa mesti ada sesuatu di sebalik batu itu dan tidak ingin bersetuju, saya tidak boleh buat apalah, tetapi ini adalah keikhlasan kerajaan untuk melicinkan *proceeding* Lembaga hasil Dalam Negeri. Yang Berhormat Machang juga telah pun...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Timbalan Menteri, hendak tanya sedikit sahaja atas perkara tersebut kerana saya yang membangkitkan perkara tadi. Mungkin Timbalan Menteri juga sedia maklum terdapat lembaga-lembaga seperti ini dan termasuk juga PLC di bursa yang menjadi anggota, *director*, pengarahnya adalah orang yang terlalu banyak memegang jawatan-jawatan seperti ini sehinggakan mereka *sitting allowance* nya pun puluhan ribu sebulan. Jadi kalau mereka tidak boleh berperanan, kalau terlalu terbeban KSU contohnya, wakil daripada Bank Negara cari mereka yang benar-benar mempunyai komitmen, masa, dan *availability*, dia bukan hanya *competent* tetapi dia *available*. Dia punya kuasa untuk memberikan tumpuan dan fokus kepada tanggungjawab ini.

Yang menjadi pertikaian kami adalah ketika negara sedang gawat dengan persoalan ekonomi dan kewangan tiba-tiba datang pindaan seperti ini. Jadi macam mana Timbalan Menteri boleh meyakinkan kami bahawa nampaknya macam mudah sahaja urusan lembaga ini. Jadi itu perkara yang kita mahu rakamkan dengan rasa yang cukup terkilan, kalau inilah penjelasan yang dibuat, terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya saya setuju...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri berapa lama lagi menjawab ini?

Dato' Chor Chee Heung: Eh, panjang lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr Haji Wan Junaidi Jaafar]: Kerana jawapan kita ini berkisar dengan soalan ini Yang Berhormat dua seksyen sahaja yang dipinda.

Dato' Chor Chee Heung: Baiklah Tuan Yang di-Pertua saya akan cuba memendekkan jawapan. Baiklah Yang Berhormat cuma pendek saja. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat. Kalau kita boleh, kita cari dan lantik orang yang boleh mempunyai masa dan bukan semua tertumpu pada beberapa orang, tetapi kadang-kadang tidak dapat dielak. Kalau di bawah Kementerian Kewangan, kita perlu mempunyai pegawai yang tinggi duduk di situ, sama ada sebagai anggota ataupun sebagai pengerusi supaya mereka ini memahami kerja dan tugas di

bawah LHDN, dan kalau kita cuma lantik sesiapa yang kita rasa boleh mempunyai masa pun tidak betul juga.

Baiklah Yang Berhormat, Yang Berhormat Machang ada sebut tentang kadar cukai peribadi, cukai korporat agak tinggi, lebih tinggi daripada Hong Kong, Singapura, ini memang satu perkara yang saya harus mengakui. Walau bagaimanapun kadar cukai yang ditetapkan, yang diputuskan adalah mengikut apa yang sesuai mengikut keadaan ekonomi negara. Akan tetapi pada setiap tahun sebelum bajet baru dirangka, dicadangkan pada Parlimen, maka Kementerian Kewangan akan meneliti atau menghalusi sekali lagi pada setiap tahun, sama ada wajar sama ada untuk turun ataupun untuk dinaikkan.

Sebagai maklumat tambahan dari segi kadar percukaian kepada SME (*Small Medium Enterprises*) keistimewaan juga dapat diberikan, iaitu jika SME mencatat keuntungan RM500,000 pertama agar 20% akan dicukai dan selepas ini *the next* RM500,000 ini, maka cukai itu akan dikurangkan hingga 25% sahaja maksimum dan negara kita mempunyai obligasi yang lain seperti subsidi yang kita banyak beri kepada kumpulan-kumpulan yang kurang bernasib baik dan lain-lain pemberian. Oleh sebab itu, kita tidak boleh dengan sewenang-wenangnya kita menaikkan kadar cukai atau menurunkan cukai.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini kelmarin saya percaya Yang Berhormat pun dah baca surat khabar, Menteri Kewangan II telah pun membuat pengumuman bahawa kita tidak akan ikut seperti Singapura iaitu *Good and Services Tax(GST)* akan diimplementasikan dalam dua tiga tahun ini memandangkan ekonomi gawat dan lain-lain lagi, dan juga sebagai makluman, buat masa ini pada puratanya, orang makan gaji ya? Jika sendiri, seorang pendapatan tidak melebihi RM2,400 sebulan, tidak dikenakan cukai, bagi seorang yang mempunyai keluarga dan anak-anak, kalau tak sampai RM3,400, maka tidak kena cukai.

Yang Berhormat Machang juga bangkitkan mengenai *e-filing* beliau setuju bahawa sistem ini adalah baik mengikut tuntutan zaman, tetapi masalah perlindungan maklumat peribadi tidak selamat, dia kata. Kes yang disebutkan oleh Yang Berhormat Machang, saya kurang pasti tapi kalau boleh bagi maklumat pada saya, saya balik saya boleh panggil LHDN buat siasatan dan tengok apakah masalahnya, sebab setakat ini sejak *e-filing* diperkenalkan, tidak ada masalah pun, tak ada orang membuat aduan. Kemungkinan Yang Berhormat, orang yang kata tidak selamat *e-filing* itu, oleh sebab bila dia isi *e-filing* itu, ada kawan-kawan di sebelah dia, dapat melihat dia punya pin *number*, maklumat peribadi dia.

Mungkin macam itulah dia ini dapat dikeluarkan atau dibocorkan. Isu cek rosak yang berlaku baru-baru ini. Masalah *mechanical machine* pencetak adalah penyebab utama, kadang-kadang terlalu canggih pun ada masalah juga bila komputer atau *machine* ini mempunyai masalah, maka semua akan terjejas dan ini tidak kerap,cuma sekali dua, mungkin dalam masa yang panjang. Apabila masalah ini dikesan oleh LHDN, ianya berjaya dihentikan bayaran sebanyak 17,361 keping cek yang dicetak di antara 27 Mei hingga 2 Jun 2009.

■1710

Tindakan pembetulan diambil oleh LHDN dengan serta-merta. Kenyataan media terus dikeluarkan. LHDN juga meminta Persatuan Bank Malaysia supaya semua bank yang menerima cek bermasalah itu tidak mengenakan penalti ke atas pembayar cukai. Siasatan juga pada masa yang sama dijalankan untuk menyemak semula sistem kawalan kualiti bagi mengelak kejadian berulang. Setakat ini, hampir semua cek bermasalah telah pun ditunaikan. *[Batuk]* Maaf. Akan tetapi jangan khuatir. Ini bukan H1N1. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Machang juga...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya bimbang bila dengar, Yang Berhormat.

Dato' Chor Chee Heung: Yang Berhormat Machang juga membangkitkan isu mengenai Kelantan sama ada ia merupakan sebuah negeri yang mengeluarkan minyak. Saya sudah minta pegawai saya mengambil maklumat. Namun, setakat ini saya mempunyai maklumat seperti berikut.

Mengikut maklumat yang diberikan, memang terdapat satu kawasan di luar perairan Malaysia yang dituntut oleh Kerajaan Thailand dan Kerajaan Malaysia. Setakat ini, difahamkan bahawa kawasan itu mempunyai gas asli di mana kedua-dua pihak iaitu negara Thailand dan negara Malaysia sedang selagi tidak mempunyai keputusan mutlak sama ada kawasan itu di dalam perairan Malaysia ataupun negara Thailand, maka segala hasil yang diperolehi di situ dapat dikongsi oleh dua buah negara iaitu Malaysia dan Thailand.

Yang Berhormat Machang juga pernah tanya soal ini. Namun saya kurang pasti sebab mengikut maklumat yang diperolehi oleh Yang Berhormat, buku yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan memang mengatakan ini adalah dalam bidang kuasa negeri Kelantan. Itu saya tidak faham. Saya tidak faham dan saya tidak pasti. Walau bagaimanapun, bila saya dapat jawapan yang tepat, saya akan beri secara bertulis kepada Yang Berhormat mengenai masalah ini.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Boleh saya minta? Saya bantu Yang Berhormat Timbalan Menteri sikit untuk faham latar belakang. *[Ketawa]*

Dato' Chor Chee Heung: Apa dia?

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya konsisten di dalam soal isu industri petroleum di Kelantan. Pertama, Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya pernah berada di dalam kerajaan dan pernah pegang jawatan pun dalam UMNO. Satu ketika pernah ada taklimat oleh Koperasi Usaha Bersatu di bawah Datuk Hasan Harun yang memberi taklimat kepada Pemuda UMNO Malaysia 10 tahun dahulu berkenaan dengan prospek industri petroleum di perairan Kelantan dengan segala macam petanya dan lokasinya. Itu satu.

Hari ini juga bila saya berpeluang menjadi Ahli Parlimen, saya bertanya lagi perkara ini. Saya timbulkan semalam peringkat perbahasan dasar sebab melalui soalan-soalan lisan dan

juga bertulis dalam Parlimen ini, jawapan yang saya peroleh daripada Menteri yang bertanggungjawab ialah menafikan tentang wujudnya perkara industri ini. Itu isunya. Sebab itu semalam Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya boleh kirim pun naskhah ini kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini pun saya ambil daripada perpustakaan Parlimen. Hak kita semua. Buku Bank Data Negeri dan Daerah muka surat 187 di bawah sub topik industri petroleum. Siapa pun yang membaca ini, kalau orang luarlah yang membaca maklumat ini, dia tahu. Empat negeri sahaja yang terlibat di dalam industri petroleum.

Apa kena mengena dengan akta ini? Lembaga Hasil Dalam Negeri bertanggungjawab mengutip cukai petroleum. Data ini tidak mungkin dipetik di awang-awangan. Dia mesti ada sumbernya. Kelantan, Sabah dan Terengganu, datanya itu disatukan berbanding dengan Sarawak. Namun jelas dia ada outputnya di sini. Nilai outputnya, berapa orang yang bekerja dalam industri ini dan segala macam. Jadi saya timbulkan kalaulah Sabah, Sarawak dan Terengganu mendapat royalti, isu royalti ini isu Perlembagaan. Jadi kalau tiga negeri ini dapat, kenapa Kelantan tidak dapat? Jadi kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri sekadar menyebut bahawa tidak pasti ada gas kah apa, industri petroleum. Kita bercakap tentang cukai petroleum. Betul tidak menjadi tanggungjawab Lembaga Hasil Dalam Negeri ini hendak tentukan atau agihkan royalti ini. Ini keputusan Kerajaan Pusat. Saya faham. Cuma saya kemukakan fakta-fakta ini dan saya sebutkan rujukan saya supaya Dewan yang mulia ini tidak lagi diberikan jawapan yang berdolak-dalik seolah-olah tidak ada.

Kalau sekiranya hasilnya pergi ke negara asing misal kata, tidak mungkin nilai dalam bentuk kewangan, nilai output kasar, data 2004. Walaupun buku Jabatan Perangkaan ini Yang Berhormat Timbalan Menteri 2006, buku yang kedua ialah 2007, namun kedua-duanya mengekalkan data yang sama iaitu 2004. Jumlah tiga negeri ini bila digabungkan Kelantan, Sabah dan Terengganu, nilai output kasar industri petroleum RM49 bilion. Ini lima tahun dahulu. Hari ini pun saya difahamkan industri ini sebenarnya memberikan jumlah hasil hampir RM1.7 bilion di Kelantan sahaja. Jadi saya persoalkan mana pergi 5% royalti itu? Itu saya fikir Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh tolonglah. Tolong kita sama-sama. Tolong rakyat. Rakyat didahulukan, prestasi diutamakan. *One Malaysia* supaya saya orang Kedah, berkahwin dengan orang Kelantan dan jadi wakil di Machang. Orang Machang, orang Berangan Mek Nab, orang Paka Cuek, Paka Berangan, Kuala Krai, Laklok dan Manek Urai boleh merasa belaka. Itu yang dimintanya. Jadi Menteri KPI tolong tengok sama. Biar ada standard KPI bab royalti ini juga. Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih banyak Yang Berhormat Machang. Seperti yang saya katakan tadi sebab kedudukan kawasan itu mungkin belum diputuskan. Oleh kerana tuntutan oleh dua buah negara, maka ini juga mengikut siasatan kita, di luar perairan Malaysia. Namun jika negara Thailand pun menuntut, kita pun haruslah menuntut tidak kira sama ada siapa betul. Macam mana pun saya akan beritahu Yang Berhormat.

Yang Berhormat Putatan dan Yang Berhormat Indera Mahkota membangkitkan isu kegiatan haram, perjudian empat ekor dan transaksi di mana kehilangan begitu banyak *revenue* kerajaan. Ini memang saya setuju dan saya mengaku. Kita akan mencari jalan. Buat masa ini, kita harap kepada semua badan-badan penguat kuasa untuk mengambil tindakan siasat dan tangkap dan bawa mereka ini ke muka keadilan. Namun kita haruslah memperhebatkan lagi penguatkuasaan supaya kita tidak akan menjadi apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tuaran. Di mana pun dapat menemui agen-agen yang menjual nombor-nombor ekor haram itu. Saya juga ingin memberitahu bahawa LHDN walaupun mempunyai satu sistem yang agak cekap untuk mengutip, mentafsir dan memungut hasil dan juga cukai-cukai, tetapi sistem ini bukan 100% *foolproof*, dengan izin.

Tidak ada negara mempunyai satu sistem *tax* di mana pembayaran oleh semua yang mencatat keuntungan itu kena bayar *tax* itu. Tidak ada *foolproof*. Maksudnya mesti ada peratusan kecil yang dapat melarikan diri daripada sistem ini. Namun kalau kita lama-kelamaan melalui sistem di LHDN, dengan risikan dan juga *supporting systemnya*, kita mungkin dapat menangkap orang-orang yang melarikan diri daripada membayar cukai. Mungkin selepas sedikit masa. Mungkin dua atau tiga tahun. Namun ini bukan satu *foolproof system*lah.

Yang Berhormat Pengkalan Chepa berucap lebih banyak politik daripada apa yang terkandung dalam pindaan. Yang Berhormat Sepanggar juga ingin tahu jumlah kutipan cukai oleh LHDN dan pihak Kastam di negeri Sabah.

■1720

Saya memang akui bahawa di Sabah itu Kastam dan LHDN telah mengutip dan memungut cukai berjumlah RM3,472,000,000 melebihi itu. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan juga saya difahamkan Sabah juga diberikan peruntukan yang amat besar iaitu RM19,157,000,000 bagi tempoh lima tahun untuk membangunkan negeri. Selain daripada itu juga Sabah juga diberikan kemudahan dan peruntukan yang lain melalui kementerian-kementerian yang lain. Yang Berhormat Kuala Langat telah pun membangkitkan isu percukaaian terhadap pekerja asing. Sebab apa pekerja asing tidak dikenakan cukai.

Jadi saya ingin bagi tahu Yang Berhormat bahawa semua pekerja asing yang ada di negara ini yang sah, gaji bulan mereka ini memang di bawah paras yang amat rendah di mana mereka ini tidak dikenakan cukai. Akan tetapi ada satu kelompok orang asing juga yang bekerja di sini sebagai profesional dan memegang permit ikhtisas. Mereka ini harus mengikut dan mematuhi undang-undang di negara ini. Maksudnya gaji mereka tinggi, mereka juga dikenakan cukai di mana mereka ini bekerja di sini. Akan tetapi bagi pekerja asing yang lain, yang berpendapatan rendah walaupun tidak dikenakan cukai tetapi mengikut maklum balas yang saya dapat dari Kementerian Dalam Negeri pada tahun lepas levi yang dikutip dari majikan terhadap pekerja asing melebihi RM2 bilion.

Dari segi potongan, Yang Berhormat Kuala Langat kata amat tidak mencukupi iaitu RM1,000 untuk anak dan lain-lain. Maka ini boleh diteliti oleh pegawai saya dalam merangka bajet untuk tahun depan. Mereka ini akan menghalusi sama ada wajar ataupun ditambah atau tidak. Yang Berhormat Pokok Sena juga, kandungan ucapan Yang Berhormat kebanyakannya bercampur aduk dengan politik jugalah. Isu perbelanjaan mengenai PLKN semasa sesi bajet itu kita bolehlah menyuarakan lebih banyaklah. Kuasa anggota dihapuskan oleh kerana pindaan yang berada di sini memang saya tidak bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat. Sebenarnya pindaan yang kita cadangkan cuma hendak menambah baikkan lagi prosiding lembaga sekurang-kurangnya supaya perkara-perkara dapat dilicinkan lagi.

Mengenai senarai orang yang diwaivekan RM1 bilion. Saya kurang mendapat maklumat ini sebab dalam ucapan pun Yang Berhormat tidak begitu terperinci. Jika Yang Berhormat minat saya boleh bagi tahulah. Akan tetapi saya perlu sedikit masa tapi kena beri saya tahu lebih banyak lagi maklumat secara mendalam baru saya boleh *check* mana Yang Berhormat betul-betul minta itu. Akan tetapi jangan kita lupa juga, kadang-kadang dari segi percukaian.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: [Bangun]

Dato' Chor Chee Heung: Tunggu saya habis dulu. Selepas jumlah percukaian itu telah pun tentukan kemungkinan ada juga banyak potongan diberikan kepada syarikat-syarikat seperti *final status*, *industrial tax* insentif pun mungkin yang diwaivekan RM1 bilion ini merupakan insentif dan yang lain-lain yang patut diberikan. Akan tetapi pada peringkat pertama, LHDN buat pengiraan ia ini tidak diambil kira. Kemungkinan macam itu saya tidak tahu. Saya mintalah Yang Berhormat bagi tahulah.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Timbalan Menteri. Saya pun tidak jangka Menteri boleh *detailkan* benda itu sebab masa jawapan diberi dalam Parlimen dulu oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada masa itu tahun lepas, Yang Berhormat di bawah Kementerian Dalam Negeri kalau tidak silap saya.

Jawapan itu diberi oleh Menteri Kewangan di atas soalan jumlah *waive* cukai yang diberi untuk sepanjang tahun perbandingannya 2004 sehinggalah 2008. Itulah jawapan yang diberi oleh Menteri Kewangan bahawa *waive* cukai yang diberi masuk ke bawah keistimewaan tertentu berjumlah RM1.3 bilion termasuk cukai langsung dan tidak langsung. Itu yang dijawab di dalam Parlimen. Seperti yang diulang oleh Timbalan Menteri tadi sebenarnya pemberian *waiver* itu bukan hanya terhad kerana peraturan tertentu.

Ada juga jumlah yang diambil kira sebagai *repayment* ataupun pembayaran balik kepada pembayar cukai atas isu-isu tertunggak atau isu *revised assessment* dan sebagainya. Akan tetapi jumlah yang disebut oleh Yang Berhormat Pokok Sena, *waiver* ataupun penghapusan cukai kalau secara spesifik penghapus kira cukai termasuk juga di bawah seksyen tertentu seperti

seksyen 129 iaitu kuasa Menteri penuh untuk menghapuskan secara langsung cukai. Itu juga termasuk dalam jumlah tadi. Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Jadi yang dapat jawapan itu puas hatikah tidak? Kalau puas hati, saya bawa balik panggil pegawai / pergi meneliti sekali lagi. Akan tetapi tidak apalah. Macam mana pun kalau Yang Berhormat berminat, bagi tahu saya. Saya ingin juga minta satu salinan jawapan yang diberikan kepada Yang Berhormat supaya saya dapat balik rujuk kepada bahagian yang berkenaanlah. Baiklah Yang Berhormat, dari segi isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuaran, Tuan Yang di-Pertua kalau boleh sepuluh minit lagi saya boleh habislah kalau tidak ada celah-celah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak ada sepuluh minit Yang Berhormat.

Dato' Chor Chee Heung: Akan tetapi Yang Berhormat ada kuasa untuk lanjutkan sepuluh minitkan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya ada kuasa lima belas minit tapi kita ada ucapan penangguhan.

Dato' Chor Chee Heung: Oh! Ucapan penangguhan. Apakah nasihat Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kalau hendak habis berhenti Yang Berhormat.

Dato' Chor Chee Heung: Sambung esok?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tiga minit Yang Berhormat.

Dato' Chor Chee Heung: Tiga minit? Tidak apa, saya cuba tengok. Yang Berhormat Tuaran dia juga bangkitkan mengenai cadangan pindaan. Cuma saya hendak bagi tahu kuasa lembaga tidak termasuk kuasa yang diberikan kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri yang mana kuasa Ketua Pengarah adalah berhubung dengan *care and management of tax* dengan izin.

Oleh itu Lembaga hanya memutuskan hal ehwal yang berhubung kait dengan LHDN dan pentadbiran Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri. Cadangan Yang Berhormat Tuaran harus mempunyai *informer* dengan izin supaya siapa-siapa hendak cuba lari dari *tax*, *informer* ini akan memberitahu LHDN. Kaedah ini telah sedia ada, lama sudah diamalkan oleh pihak LHDN. Sebab itulah melalui bantuan *informer* kita dapat mengesan begitu ramai yang tidak membayar *tax* yang lari dari *tax*. Yang Berhormat Tuaran juga telah pun membangkitkan beberapa masalah yang saya telah jawab iaitu judi haram semua itu dan juga kegiatan haram along.

Along itu kita kena bergantung pada pihak Polis dan lain-lain badan penguatkuasaanlah. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Jasin iaitu kita harus memahami peranan LHDN di negara ini. Sesi dialog yang diadakan, cadangan yang diberikan yang bernas harus

diambil kira. Saya balik ke kementerian, saya akan tengok apakah cadangan yang telah diambil dan patut ditolak kita tolak. Kalau boleh kita serapkan dalam cadangan itu. Fleksibiliti diberikan, melonggarkan ansuran pembayaran memang dibuat kalau dipohon. Jika majikan membuat laporan bahawa ada masalah kakitangan untuk membayar *tax*, kita boleh longgarkan dengan memanjangkan masa pembayaran ansuran ini.

■1730

Saya percaya ini adalah semua yang saya ingin jawab. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, peringkat Jawatankuasa kita laksanakan pada esok hari Yang Berhormat. Ada usul Yang Berhormat Menteri.

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 16(3)

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]: Saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Saya mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Silakan Yang Berhormat.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

Jambatan Kedua Pulau Pinang

5.31 ptg.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membangkitkan isu Jambatan Kedua Pulau Pinang. Saya meminta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menjawab bahawa adakah projek Jambatan Kedua Pulau Pinang akan menjadi kebajikan korporat untuk syarikat UEM, *corporate welfare*. Saya diberitahu bahawa EPU telah mengarahkan penulisan satu laporan bertajuk, "*Proposed Penang Second Bridge Crossing Independent Review: Costing Review*" oleh Firma Perunding **Zaidun-Leeng S/B** pada bulan Julai 2008. Sebenarnya pada bulan November tahun lepas telah dilaporkan dalam media masa bahawa Tan Sri Zaini Omar, CEO syarikat Jambatan Kedua Sdn. Bhd. telah menjangka perundingan dengan UEM berkenaan kos pembinaan akan disiapkan dalam seminggu.

Tan Sri Zaini pun telah digantikan oleh Profesor Dr. Ismail Mohd. Taib sebagai CEO JKSB tersebut pada 1 Mei. Tempoh tersebut telah berlalu. Tempoh satu minggu itu telah berlalu namun perundingan di antara kerajaan dengan UEM itu belum lagi selesai. Saya meminta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengambil berat terhadap isu ini dan menyelesaikan perundingan tersebut sebelum Tan Sri Zaini bersara pada awal bulan hadapan. Kita harus memahami satu lagi konsep asas ekonomi iaitu *there is no such things as free launch*. Memang sentiasa ada orang yang kena membiayai permintaan UEM. Setiap tambahan kos disebabkan permintaan UEM akan ditanggung oleh rakyat Malaysia di Pulau Pinang yang terpaksa membayar tol generasi masa hadapan.

Saya bersyukur kerana Kerajaan Pusat telah menerima saranan Kerajaan Pulau Pinang dengan baik untuk membuka tender untuk pengurusan tol. Adalah dijangka bahawa pengguna jambatan akan berupaya untuk menjimatkan RM18 bilion dalam tempoh 45 tahun. Saya berasa agak risau UEM masih akan memperoleh kontrak yang bernilai lampau. Laporan EPU yang disebut tadi yang disediakan pada bulan Julai 2008 semasa kos bahan-bahan pembinaan antarabangsa tercatat rekod telah mencadangkan bahawa RM4.3 bilion adalah harga berpatutan ataupun *fair price*. Sebenarnya harga tersebut boleh direndahkan lagi disebabkan kos pembinaan telah jatuh.

Walau bagaimanapun, jika kita menerima harga RM4.3 bilion itu sebagai *fair price* yang telah dicadangkan oleh firma perunding Zaidun-Leeng S/B, maka UEM haruslah menerima harga RM2.1 bilion sebagai jumlah kos keseluruhan dan tidak harus dibenarkan untuk mencadangkan harga yang melampau. Kos UEM yang terlalu tinggi itu disebabkan oleh amalan korporat yang tidak jimat-cermat. Contohnya UEM mencadangkan membiayai RM20 juta untuk majlis keraihan ataupun *ceremonial functions*. Apa yang diraikan sebelum jambatan itu dibina dan kenapa diperlukan RM20 juta? UEM juga meminta *HQ overhead and support* sebanyak RM63.51 juta yang agak terlampau. Saya tidak faham kenapa pembinaan jambatan memerlukan kos

penyeliaan ibu pejabat yang begitu tinggi? Bagi pihak rakyat Malaysia di Pulau Pinang bukan sahaja generasi ini tetapi juga generasi yang akan datang, saya meminta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menghentikan kebajikan korporat ataupun *corporate welfare* kepada GLC yang tidak bertanggungjawab seperti UEM. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Menteri, sila jawab.

5.35 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan S.K. Devamany]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan kepada Yang Berhormat daripada Bukit Bendera. Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Bendera dan Ahli-ahli Dewan, kajian semakan kos yang dibuat oleh Firma Zaidun-Leeng S/B telah dibuat atas kapasiti Yang Berbahagia Tan Sri Zaini bin Omar selaku Ketua Pasukan Petugas Khas Jambatan Pulau Pinang Kedua (JPP-2). Pada masa tersebut, pelaksanaan pembinaan JPPII telah diberi kelulusan prinsip untuk menswastakan JPP-II secara bina, kendali dan pindah kepada syarikat yang diterajui oleh UEM Berhad dan pembinaan dilaksanakan oleh syarikat usaha sama antara UEM Builders Berhad dan CHEC Construction Malaysia Sdn. Berhad iaitu China Harbour.

Pasukan Petugas Khas JPP-II telah ditubuhkan pada 2 Oktober 2007. Akan tetapi sebelum itu untuk makluman Yang Berhormat, dari awal lagi konsep ini telah dicetuskan sejak tahun 2000 dan banyak perundingan dibuat pada tahun 2001, 2002, 2003, 2004, 2005 sampailah ke peringkat 2007 ini. Maka, pada Oktober 2007 untuk menyelaraskan pelaksanaan projek dan membuat semakan reka bentuk dan kos pembinaan JPP-2 bagi pihak kerajaan. Bagi memastikan pembinaan projek berjalan dengan lancar, Firma Zaidun-Leeng S/B telah dilantik oleh Pasukan Petugas Khas pada 2 November 2007 untuk meneliti aspek-aspek teknikal dan membuat semakan ke atas kos pembinaan JPP-2 disebabkan terdapat perbezaan ketara di antara anggaran kos pembinaan yang dikemukakan sebanyak RM5.3 bilion oleh CHEC iaitu China Harbour berbanding dengan RM4.3 bilion oleh UEM.

Pasukan Petugas Khas dengan bantuan Zaidun-Leeng S/B telah memperakui kos pembinaan JPP-2 sebanyak RM4.3 bilion dan tidaklah seperti yang dicadangkan oleh CHEC, tidak termasuk peruntukan untuk VOP, *variation of price* kerana harga pasaran untuk barang-barang keluli, item keluli, diesel, simen dan pengukuran kerja-kerja cerucuk mungkin berbeza mengikut harga pasaran. Berhubung dengan pernyataan Yang Berhormat Bukit Bendera mengenai projek ini sebagai projek kebajikan korporat oleh UEM, ingin ditegaskan di sini bahawa kerajaan sentiasa meletakkan kepentingan rakyat sebagai yang diutamakan atau didahulukan dalam merencanakan projek-projek pembangunan termasuk pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang (JPP-2). Percayalah Yang Berhormat.

Justeru itu, pelaksanaan projek JPP-2 adalah bagi menyediakan sistem penyuraian trafik yang lebih berkesan kepada rakyat Pulau Pinang yang mana dalam jangka masa panjang akan

memberi impak yang positif kepada pembangunan sosioekonomi yang lebih menyeluruh khususnya di bahagian selatan dan barat daya Pulau Pinang seperti mana Yang Berhormat sendiri telah memasukkan dalam soalan Ucapan Penangguhan.

Oleh yang demikian, projek ini tidak sama sekali boleh ditafsirkan sebagai kebajikan korporat kepada UEM kerana melibatkan CHEC Constructions Malaysia Sdn. Berhad sendiri. Separuh daripadanya akan dikendalikan oleh sebuah syarikat dari negeri China yang akan membiayai pinjaman dengan kadar bunga yang begitu rendah iaitu 3%. Baik, inilah hakiki sebenarnya. Pendirian kerajaan ini adalah amat jelas apabila membuat keputusan untuk membatalkan, saya ulang membatalkan kelulusan prinsip terdahulu untuk melatih UEM Sdn. Bhd. sebagai syarikat konsesi.

■ 1740

Sebaliknya menubuhkan Jambatan Kedua Sdn. Bhd. (JKSB) iaitu sebuah *special purpose vehicle*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan iaitu Menteri Kewangan diperbadankan bagi mengambil alih peranan konsesi. Yang Berbahagia Tan Sri Zaini telah dilantik sebagai Pengarah Urusan oleh kerana latar belakang beliau sebagai Ketua Pengarah Bahagian JKR *Electrical* bagi syarikat konsesi yang baru ini. Langkah ini dibuat oleh kerajaan bagi memastikan kos operasi dan penyelenggaraan termasuk kos *overhead*, dengan izin, dapat diminimumkan dan faedah penjimatan yang diperolehi dapat dipulangkan kepada rakyat dalam bentuk pengenaan kadar tol yang kompetitif dan setara dengan kadar tol di Jambatan Pulau Pinang yang sedia ada. Ini jambatan kedua. Kita tidak mahu ada perbezaan antara yang lama dengan baru kerana ini akan membebankan rakyat.

Jumlah penjimatan yang diunjurkan berdasarkan modul pelaksanaan yang baru ini adalah sebanyak RM9.1 bilion iaitu dalam bentuk pengurangan kos operasi dan penyelenggaraan sepanjang tempoh konsesi. Kerajaan juga dapat melaksanakan kerja-kerja di darat secara tender iaitu sebanyak RM750 *million* yang akan ditenderkan. UEM terpaksa, rundingan sebegitu dibuat oleh kerana kepakaran mereka dalam pembinaan jambatan yang terlebih dahulu dan *China Harbour* kerana kemudahan kewangan yang telah dipanjangkan dan dimajukan untuk projek ini.

Mengambil kira kerja-kerja yang telah dilaksanakan oleh CHEC dan UEM, *CHEC Construction dan UEM Builders* telah dilantik sebagai kontraktor masing-masing bagi pakej satu iaitu untuk *substructure* dan *main span*, dan pakej kedua untuk *superstructure*. Pengagihan kontrak bagi ketiga-tiga pakej termasuk pakej ketiga bagi kerja-kerja darat (*land*) dengan izin, dibuat berdasarkan kos pembinaan keseluruhan sebanyak RM4.3 bilion keseluruhannya. Dalam pada masa itu nilai kontrak yang dipohon oleh UEM adalah sebanyak RM1.85 bilion berdasarkan anggaran kos asal yang dikemukakan dan bukannya sebanyak RM2.1 bilion seperti mana yang didakwa dalam soalan Yang Berhormat tadi. Maka saya jelaskan angka yang betul tadilah. UEM juga telah menerima tawaran akhir pada nilai kontrak RM1.55 bilion tanpa peruntukan VOP

(*variation of price*), dengan izin. Dengan demikian kos pembinaan JPP kedua ditetapkan pada RM1.55 bilion tanpa VOP bagi pakej pihak UEM. Melalui modul pelaksanaan ini penglibatan dalam penglibatan JPP kedua adalah sebagai kontraktor yang terhad untuk tempoh pembinaan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penjelasan ini Yang Berhormat Bukit Bendera dan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini diharapkan maklum bahawa fakta-fakta mengenai harga terlampau dan dakwaan kerajaan mengutamakan kebajikan korporat – satu istilah baru, terima kasih, Yang Berhormat. Seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Bukit Bendera adalah tidak tepat dan terkebelakang. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Silakan Yang Berhormat Bukit Bintang.

Gesaan Pembinaan Medan Letak Kereta Bertingkat di Pusat Bandar Raya

5.44 ptg.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, setiap orang sedar bahawa pelbagai jenis kenderaan banyak memasuki Bandar Raya Kuala Lumpur setiap hari. Selain berhadapan dengan kesesakan lalu lintas yang panjang dan memakan masa para pemandu kenderaan menghadapi kesukaran mendapatkan medan atau petak meletak kereta yang kosong sama ada berhampiran pejabat, kedai dan kompleks bangunan. Medan meletak kereta persendirian sedia ada pula mengenakan caj *parking* yang mahal tidak sepadan dengan masa yang kadar caj dikenakan oleh DBKL.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana itu ramai pemandu terpaksa meletakkan kenderaan mereka di ruang kosong di tepi jalan walaupun terdapat garisan putih atau kuning di tepinya. Kebanyakan pemandu ini terdiri daripada mereka yang ada urusan di sesuatu tempat dalam tempoh waktu yang pendek dan cepat. Malangnya bila mereka datang semula ke kenderaan mereka terdapat saman di cermin hadapan kenderaan mereka. Menurut kadar kompaun sekarang bagi kesalahan sebegini ialah RM100. Inilah risiko yang terpaksa mereka pikul apabila meletakkan kenderaan tidak di dalam petak meletak kereta sedia ada. Akan tetapi bukannya mudah untuk mendapatkan petak kosong. Mereka sama ada terpaksa menunggu giliran yang lama ataupun mencari petak kosong di kawasan lain yang jauh dari tempat berurusan.

Tuan Yang di-Pertua, di sini timbul persoalan mengapakah DBKL tidak menyediakan medan meletak kereta yang cukup? Jika adapun petak-petak yang disediakan di tepi-tepi jalan raya yang sangat terhad. Saya mendapati banyak bangunan lama dan baru dibina sekitar pusat bandar raya sepanjang beberapa tahun lalu dan pihak DBKL mengenakan caj meletak kenderaan ke atas pemilik-pemilik bangunan sebelum pelan bangunan mereka diluluskan yang perlu dibayar kepada DBKL.

Saya tidak mempunyai jumlah angka yang telah dikutip oleh DBKL setakat ini tetapi saya percaya angka ini sangatlah besar. Malangnya, sungguhpun pemilik-pemilik bangunan mematuhi syarat pembangunan DBKL namun petak meletak kereta yang disediakan oleh DBKL sangatlah berkurangan. Sebaliknya pemilik-pemilik bangunan disyaratkan membina tempat *parking* dalam bangunan bagi meletakkan kereta tetapi di tepi jalan kini sudah tidak boleh dibina lagi kerana kebanyakan jalan terdapat lorong khas teksi dan bas sebagai salah satu langkah mengatasi kesesakan lalu lintas dan menjadi halangan ke atas kenderaan awam. Ini menyebabkan kelebaran jalan semakin kecil dan sempit.

Tuan Yang di-Pertua, para pekedai pula terpaksa membuat *double parking* dan meletakkan kereta di lorong belakang kedai masing-masing tetapi mereka tetap juga dikenakan saman. Di manakah harus mereka meletakkan kenderaannya jika petak-petak di hadapan kedai sudah diletakkan kenderaan para pelanggan atau orang awam? Takkan pula mereka harus meletakkan kenderaan di padang sekolah atau taman-taman kosong yang jauh dari kedai-kedai mereka. Jangan menyalahkan mereka kerana membawa kenderaan ke tempat kerja atau kedai apabila sistem pengangkutan awam masih belum bersepadu dan cekap.

Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada masalah ialah DBKL hendaklah membina banyak medan meletak kereta bertingkat di tapak-tapak kosong yang sesuai, strategik, berhampiran stesen LRT, bas atau sebagainya untuk kegunaan awam. Caj *parking* yang dikenakan pula hendaklah berpatutan. Saya percaya ini dapat menyelesaikan masalah kekurangan dan ketiadaan tempat meletak kereta awam yang serius di bandar raya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Silakan Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.49 ptg.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Datuk Saravanan a/l Murugan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang atas ucapan penungguhan beliau bertajuk "Menggesa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Membina Lebih Banyak Medan Letak Kereta Bertingkat di Pusat Bandar Raya".

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang masalah kesesakan lalu lintas dan isu tempat letak kereta di Kuala Lumpur adalah sama seperti kota-kota metropolitan dunia yang lain. Ia adalah satu fenomena yang dinamik dan mungkin tiada satu penyelesaian universal yang mudah. Walau bagaimanapun Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Kementerian Wilayah Persekutuan amat peka dan serius terhadap isu ini khususnya baru-baru ini apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melawat Wilayah Persekutuan, beliau telah mengarahkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Kementerian Wilayah Persekutuan supaya bukan sahaja melahirkan satu ibu kota bertaraf antarabangsa pada masa yang sama memastikan warga kota mendapat suatu suasana kehidupan yang lebih selesa (*condusive*

living). Untuk maklumat Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan statistik 2008 bilangan kenderaan yang merentasi *Middle Ring Road* dengan izin MRR 1 setiap hari adalah 1.305 juta unit.

■1750

Jumlah kenderaan yang merentasi Middle Ring Road 2 (MRR2), dengan izin, pula ialah 2.125 juta. Pada waktu puncak pagi iaitu dari pukul 7.00 pagi hingga 9.00 pagi, bilangan SOV, *single occupant vehicle* yang merentasi MRR1 adalah 42,000 unit dan MRR2 ialah 86,500 unit. Pada waktu puncak petang, 4.00 petang hingga 6.00 petang pula, bilangan SOV yang merentasi MRR1 ialah 39,100 unit dan MRR2 ialah 84,500 unit.

75% kenderaan yang memasuki Kuala Lumpur adalah kenderaan persendirian tanpa penumpang atau dengan izin, *single occupant vehicle*. Hanya 25% pengguna memasuki dan keluar daripada kawasan pusat bandar Kuala Lumpur dengan menggunakan pengangkutan awam, bas dan rel. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ada mengambil satu pelan yang dinamakan dengan izin, Integrated Transport Demand Management ataupun Pengurusan Permintaan Pengangkutan Bersepadu dan antara usaha yang telah digariskan dalam pelan tersebut adalah berhubung dengan polisi pengurusan tempat letak kereta.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat 65,206 tempat letak kereta di pusat bandar Kuala Lumpur yang terdiri daripada TLK dalam bangunan dan TLK di luar bangunan. Untuk makluman Yang Berhormat dari Bukit Bintang, pada masa sekarang terdapat dua medan letak kereta bertingkat milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di pusat bandar Kuala Lumpur iaitu Hentian Putra dan Asrama Kota di Hentian Bas Klang.

Di Hentian Putra, terdapat 1,500 petak letak kereta, manakala di Asrama Kota terdapat tiga tingkat medan letak kereta dengan 440 petak. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga merancang untuk membina empat lagi tempat letak kereta bertingkat iaitu di stesen-stesen LRT di Titiwangsa, di Sungai Besi, Bandar Tasik Selatan dan Bandar Tun Razak. Adalah diharapkan dengan usaha-usaha berterusan ini, masalah *parking* dan kesesakan lalu lintas di bandar raya Kuala Lumpur akan dikurangkan dan tidak sampai ke satu tahap yang membimbangkan.

Walau bagaimanapun, mengenai isu kompaun yang Dewan Bandaraya caj RM100, kita akan kurangkan melalui rayuan sebab Dewan Bandaraya dan kementerian peka mengenai isu kegawatan ekonomi dan sebagainya. Satu lagi mengenai isu pelan pembangunan. Setiap kali apabila kita meluluskan pelan pembangunan, kita pastikan pembangunan ini boleh merangkumi tempat letak kereta yang secukupnya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Khamis, 18 Jun 2009.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.53 petang.